

**KEPENTINGAN ELEMEN PENDIDIKAN DAN MORAL
DALAM SASTERA: SATU PENELITIAN BERDASARKAN
KAEDAH SLR**


INTAN SHAFINAZ BINTI YUSOFF

UNIVERSITI

MALAYSIA

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN
KEPUJIAN**

2024



Universiti Malaysia
KELANTAN

**KEPENTINGAN ELEMEN PENDIDIKAN DAN MORAL
DALAM SASTERA: SATU PENELITIAN BERDASARKAN
KAEDAH SLR**

OLEH

INTAN SHAFINAZ BINTI YUSOFF

Tesis ini dikemukakan untuk memenuhi kehendak Ijazah Sarjana Muda
Pengajian Warisan dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2024

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti lain atau institusi.

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis saya akan dibuat segera sedia salinan keras atau dalam talian akses terbuka (teks penuh)

SULIT

Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972

TERHAD

Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut.

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan ini dibenarkan membuat salinan tesis sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan



Tarikh: 21/2/2024

Nama: Intan Shafinaz binti Yusoff

Tandatangan Penyelia



Tarikh: 25/2/2024

Nama Penyelia:

Ts. Dr. Mohd Saipuddin bin Suliman

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Terlebih dahulu saya ingin menzahirkan rasa syukur alhamdulillah ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah kurnianya dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai cabaran dan rintangan yang tidak diduga berlaku sepanjang menyiapkan tesis ini. Maka, pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih khususnya kepada penyelia saya iaitu Ts. Dr. Mohd Saipuddin bin Suliman di atas sokongan, nasihat serta tunjuk ajar yang diberikan oleh beliau selama memimpin saya sepanjang dua semester bersama rakan-rakan lain sehingga berjaya menghasilkan tesis ini.

Selain itu, saya juga ingin berterima kasih dan menghargai pengorbanan kedua ibu bapa saya serta ahli keluarga yang lain kerana sering memberikan sokongan dan diiringi dengan doa kepada saya dalam menyiapkan tesis ini dengan sebaiknya. Tidak lupa juga buat rakan-rakan seperjuangan saya khususnya yang menghasilkan tesis berkaitan *Systematic Literature Review (SLR)* yang turut berjuang, berbincang dan menolong diantara satu sama lain bagi menghasilkan tesis untuk mencapai objektif yang dipersoalkan.

Akhir kata, saya juga ingin menzahirkan ucapan ribuan terima kasih kepada mana-mana pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan memberikan idea serta bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Saya berharap dengan penghasilan tesis ini sedikit sebanyak dapat memberikan panduan serta dorongan yang berguna kepada individu mahupun masyarakat di luar sana.

Sekian, terima kasih.

Intan Shafinaz binti Yusoff

C20A1007

Universiti Malaysia Kelantan

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
ISI KANDUNGAN	i-iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2-3
1.3 Penyataan Masalah	3-4
1.4 Persoalan Kajian	4
1.5 Objektif Kajian	5
1.6 Kepentingan Kajian	5-6
1.7 Batasan Kajian	6-7
1.8 Definisi, Istilah, Konsep	7-10
1.9 Organisasi Kajian	10-11
1.10 Kesimpulan	11-12
BAB 2: KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	13
2.2 Kajian Berkaitan Pelopor Sastera Berdasarkan Pendidikan Di Malaysia	13-19
2.3 Kajian Berkaitan Pendidikan Sastera dan Moral	19-24
2.4 Kajian Berkaitan Pendidikan Moral	24-30
2.5 Kajian Berkaitan Sastera dan Moral Dalam Bidang Lain	30-36
2.6 Kesimpulan	36
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	37
3.2 Reka Bentuk Kajian	37-38
3.3 Kaedah Kajian	38

3.3.1 Kaedah Kepustakaan	38-39
3.3.2 Kaedah Analisis Tekstual	39
3.3.3 Sumber Internet	40-42
3.4 <i>Systematic Literature Review</i> (SLR)	41-42
3.4.1 <i>Systematic Literatur Review</i> (SLR)	42
3.4.2 Sejarah <i>Systematic Literature Review</i> (SLR)	43
3.4.3 Kaedah Pengaplikasian <i>Systematic Literature Review</i> (SLR)	44-45
3.5 Kerangka Kajian	46
3.6 Kesimpulan	47
BAB 4: ANALISIS DAN DAPATAN	
4.1 Pengenalan	48
4.1.1 Konsep PRISMA	48-49
4.1.2 Kerangka Kajian Bab 4	49
4.1.3 Proses Pemilihan Artikel	49-50
4.1.4 Saringan Artikel Mengikut Pengkalan Data	51
4.1.5 Senarai Artikel Terpilih	51-54
4.2 Jenis Teknik Pendidikan dan Elemen Moral Dalam Pendidikan Sastera	54-60
4.2.1 Konsep J.E.R.I	60-63
4.2.2 Artikel Yang Mempunyai Elemen Falsafah Pendidikan Kebangsaan	63-77
4.3 Kepentingan Teknik Pendidikan dan Elemen Moral Terhadap Pelajar Dalam Pembelajaran Sastera	77
4.3.1 Untuk Menarik Perhatian Pelajar Dalam Mempelajari Subjek Berkaitan Kesusasteraan	77-80
4.3.2 Untuk Mengekalkan Tumpuan Pelajar Semasa Mempelajari Topik Kesusasteraan	80-82
4.3.3 Boleh Membangkitkan Rasa Ingin Tahu Dalam Diri Pelajar Secara Mendalam Terhadap Sastera	82-85
4.3.4 Membantu Meningkatkan Pemahaman Pelajar Terhadap Elemen-Elemen Sastera	85-88
4.3.5 Memupuk Kemahiran Analisis, Penulisan Kreatif dan Kepekaan Terhadap Bahasa	88-91
4.3.6 Dapat Memberikan Pelajar Kemahiran Yang Relevan dan Berdaya Saing	91-93

4.3.7 Kepentingan Aspek Jasmani Terhadap Pelajar Dalam Pembelajaran Sastera	94
4.3.8 Kepentingan Aspek Emosi Terhadap Pelajar Dalam Pembelajaran Sastera	94
4.3.9 Kepentingan Aspek Rohani Terhadap Pelajar Dalam Pembelajaran Sastera	95
4.3.10 Kepentingan Aspek Intelek Terhadap Pelajar Dalam Pembelajaran Sastera	95-96
4.5 Kesimpulan	96
BAB 5: KESIMPULAN	
5.1 Pengenalan	97
5.2 Rumusan Kajian	97-101
5.3 Implikasi Kajian	101
5.4 Cadangan Daripada Hasil Kajian	102
5.4.1 Orang Awam	102-103
5.4.2 Kementerian Pendidikan Malaysia	103-104
5.4.3 Pengkaji Lain	104-105
5.5 Kesimpulan	105-106
BIBLIOGRAFI	107-113

Kepentingan Elemen Pendidikan dan Moral dalam Sastera: Satu Penelitian Berdasarkan Kaedah SLR

ABSTRAK

Elemen pendidikan mempunyai banyak cabang dan salah satunya adalah teknik pembelajaran dan pengajaran yang disampaikan oleh guru yang meliputi kaedah berkaitan didik hiburan, penggunaan multimedia, berkongsi maklumat dan sebagainya. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan kaedah pembelajaran yang baik dan sistematik boleh merangsang daya pemikiran dan keaktifan para pelajar untuk mempelajari sesuatu topik sastera dengan mudah. Penggunaan kaedah pembelajaran secara konvensional pada masa kini boleh menyebabkan pelajar cenderung untuk melakukan perkara yang sia-sia dan mudah berasa bosan terutamanya dalam pembelajaran sastera yang dikatakan hanya bertumpukan kepada teks sahaja. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah mengenal pasti teknik pendidikan dan elemen moral dalam pendidikan sastera menerusi kaedah *Systematic Literature Review (SLR)* dan menganalisis kepentingan teknik pendidikan dan elemen moral terhadap pelajar dalam pembelajaran pendidikan sastera menerusi kajian lepas. Kaedah kajian yang digunakan untuk mencapai objektif adalah pendekatan kualitatif iaitu beberapa cara termasuk kaedah kepustakaan, analisis tekstual dan sumber Internet yang melibatkan kajian-kajian lepas. Disamping itu, pengkaji menggunakan kaedah *Systematic Literature Review (SLR)* untuk menganalisis dan mensintesis sesuatu kajian yang berkaitan dengan tajuk dengan lebih menyeluruh menggunakan kaedah yang teratur. Dapatan kajian mendapati bahawa penggunaan kaedah pembelajaran berasaskan visual atau multimedia serta pembelajaran secara aktif banyak digunakan oleh guru dalam pengajaran di bilik kuliah malah para pelajar turut memberi respons positif terhadap teknik pembelajaran yang disampaikan oleh guru dapat membantu mereka memahami dengan lebih baik dan jelas tentang pembelajaran sastera. Oleh itu, teknik pembelajaran ini sangat penting untuk dititikberatkan oleh para guru untuk menjamin keberhasilan pelajar-pelajar ketika menerima sesuatu ilmu dengan mudah.

Kata Kunci: Elemen pendidikan, Moral, *Systematic Literature Review*, Kaedah Pembelajaran, Sastera

The Importance of Educational and Moral Elements in Literature: A Study Based on the SLR Method

ABSTRACT

Educational elements have many branches and one of them is learning and teaching techniques delivered by teachers which include methods related to entertainment, use of multimedia, sharing information and so on. This is said to be so because the use of good and systematic learning methods can stimulate students' thinking and activity to learn a literary topic easily. The use of conventional learning methods nowadays can cause students to tend to do useless things and easily feel bored especially in learning literature which is said to only focus on the text. The main purpose of this study is to identify educational techniques and moral elements in literary education through the *Systematic Literature Review (SLR)* method and to analyze the importance of educational techniques and moral elements to students in learning literary education through previous studies. The research method used to achieve the objective is a qualitative approach which includes several methods including library methods, textual analysis and Internet resources involving past studies. In addition, the researcher uses the *Systematic Literature Review (SLR)* method to analyze and synthesize a study related to the topic more comprehensively using an organized method. The findings of the study found that the use of visual or multimedia based learning methods as well as active learning are widely used by teachers in teaching in the lecture room and even students also respond positively to the learning techniques presented by the teacher can help them understand better and clearly about literary learning . Therefore, this learning technique is very important to be emphasized by the teachers to ensure the comfort of the students when receiving knowledge easily.

Keywords: Educational elements, Moral, *Systematic Literature Review*, Learning Method, Literature

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Kewujudan elemen pendidikan serta moral dalam pengajaran serta pembelajaran di peringkat sekolah atau universiti dikatakan amat penting kerana dapat melahirkan pelajar yang berfikiran kritis dan berakhlak mulia disamping dapat membantu para pelajar untuk menimba ilmu pengetahuan dengan baik dan cekap. Walau bagaimanapun, elemen pendidikan dan moral yang diselitkan di dalam silibus pembelajaran pendidikan sastera adalah menjadi sebahagian utama pembentukkan sahsiah pelajar serta membantu mereka memahami dengan baik subjek tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat elemen pendidikan khususnya kaedah pembelajaran yang menyeronokkan dapat memberangsangkan pendidikan para pelajar disamping terdapat nilai-nilai murni di dalam pembelajaran itu. Menurut Azhar Hj. Wahid et al. (2017) menyatakan nilai moral yang difokuskan dalam karya sastera dikatakan dapat memberi nilai-nilai kemanusiaan yang tinggi dimana ianya dapat memupuk sifat sopan-santun serta etika dalam diri seseorang pelajar.

Menurut Samruhaizad Samian & Azahan Awang (2017) menyatakan bahawa pendidikan merupakan salah satu penanda aras yang penting dalam menentukan kualiti hidup manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana pendidikan amat penting kepada seseorang disebabkan oleh perkara tersebut dapat menentukan kehidupan dari pelbagai aspek. Misalnya, individu yang seimbangkan pendidikan ini mampu mengubah corak kehidupan mereka ke arah yang lebih baik malah berupaya untuk menjaga hubungan silaturahim sesama manusia serta dapat menyibaldi diri dari sudut mental, fizikal serta rohani. Oleh sebab itu, pendidikan menjadi kata kunci kepada pengeluaran tamadun manusia yang produktif dan berilmiah.

1.2 Latar Belakang Kajian

Tujuan utama kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti teknik pendidikan dan elemen moral dalam pendidikan sastera menerusi kaedah *Systematic Literature Review* dan menganalisis kepentingan teknik pendidikan dan elemen moral terhadap pelajar dalam pembelajaran pendidikan sastera menerusi kajian-kajian lepas. Oleh itu, bersumberkan hasil kajian tersebut, pengkaji mendapati tajuk pelaksanaan kajian ini kurang diaplikasi oleh pengkaji lain. Elemen pendidikan adalah khususnya teknik pembelajaran dan pengajaran yang disampaikan oleh tenaga pengajar merangkumi kaedah didik hibur atau nyanyian, bercerita, lakonan, berkongsi maklumat, celik IT, lawatan sambil belajar dan sebagainya. Bahkan, apabila elemen pendidikan dan moral dimanfaatkan dalam kaedah pembelajaran membolehkan ianya membentuk para pelajar untuk meneroka kemahiran dan pengetahuan yang disampaikan menerusi pembelajaran di bilik kuliah. Hal ini dikatakan demikian kerana kesusasteraan mempunyai banyak cabang perkaitan dengan bidang ilmu yang lain.

Menurut Shamsudin Othman dan Abdul Rasid Jamian (2013) menyatakan elemen seni bahasa dalam sesuatu subjek misalnya bahasa Melayu dijadikan sebagai pemangkin kepada pelajar untuk terus mendalami subjek tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana satu pendekatan yang telah diperkenalkan iaitu kaedah “didik hibur” dalam pengajaran serta pembelajaran para pelajar menjadikan mereka lebih bersifat terbuka dan berasa keseronokkan untuk memahami sesuatu subjek tersebut. Oleh hal demikian penggunaan kaedah sebegini dikatakan mampu mempengaruhi pembelajaran pelajar apabila elemen pendidikan atau moral disampaikan melalui kaedah yang santai seperti nyanyian, bercerita dan sebagainya. Secara tidak langsung, pelajar dapat menerima isi pembelajaran dengan mudah dan santai.

Selain itu, alam remaja yang dikenali sebagai waktu yang lemah pada peringkat umur mereka disebabkan oleh pendedahan daripada pengaruh budaya luar membolehkan generasi

muda ini akan terjerumus kepada aktiviti-aktiviti yang mendatangkan kemudaratan kepada diri mereka. Oleh itu, elemen pendidikan dan moral telah diketengahkan dalam proses pembelajaran supaya para pelajar dapat membuat keputusan yang bijak dan kritis. Hal ini dikatakan demikian kerana elemen pendidikan dan moral dalam silibus pembelajaran dapat menonjolkan nilai-nilai murni serta tauladan yang baik. Misalnya, karya sastera yang menyentuhkan isu berkaitan masyarakat atau sebaliknya. Maka, generasi muda akan menilai sendiri sama ada baik mahupun buruk sesuatu perkara tersebut.

1.3 Penyataan Masalah

Berdasarkan pemasalahan kajian, didapati bahawa terdapat isu sosial yang berlegar di kalangan pelajar-pelajar sama ada di sekolah mahupun universiti. Hal ini disebabkan oleh keadaan mereka di dalam bilik kuliah yang berasa tidak minat untuk mempelajari dan mudah berasa bosan terhadap subjek tersebut maka wujudnya pengaruh rakan sebaya menyebabkan mereka mudah terjerumus dalam gejala negatif. Perkara ini dapat dilihat pada pelajar-pelajar sekolah khususnya sekolah berasrama penuh dan universiti dimana mereka dikatakan hidup bebas bersama rakan-rakan tanpa konkongan dan pantauan daripada ahli keluarga. Oleh sebab tu, mereka akan mudah dipengaruhi oleh rakan dengan mengajak untuk meluangkan waktu bersama dan mencuba perkara baru. Misalnya, pelajar akan akan mengambil langkah awal untuk membuat melakukan perkara negatif dengan ponteng kelas. Lama-kelamaan pelajar-pelajar akan cenderung dengan melibatkan diri dalam isu sosial yang lebih parah seperti bermain judi, sumbang mahram, mencuri dan sebagainya.

Menurut Kamisah et al (2007) mengatakan melalui sikap yang ditonjolkan, kita dapat mengaitkan dengan tingkah laku seterusnya. Oleh itu, terjadilah isu keruntuhan akhlak yang berlaku dikalangan pelajar sekolah dan penuntut universiti. Perkara tersebut telah dinyatakan dalam akhbar yang mengatakan kes sosial meliputi pelajar sekolah dan penuntut universiti

semakin berleluasa. Misalnya, kes pembuangan bayi oleh pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Perlis (Berita Harian Online, Jun 9, 2022) dan kes remaja serta penuntut universiti antara ditahan dalam pesta dadah (Berita Harian Online, Oktober 17, 2018). Oleh itu, kajian ini mengungkapkan kepentingan elemen pendidikan dan moral dalam pembelajaran yang diguna pakai oleh pelajar sastera. Justeru itu, perkara tersebut dapat membentuk keperibadian pelajar serta kefahaman mereka terhadap subjek tersebut menerusi aspek realisme mahupun sosiologi yang ditonjolkan dalam pembelajaran pendidikan sastera itu.

Menurut Lee Kim Hong (2023), menyatakan bahawa pelajar masa kini telah menunjukkan keinginan mereka terhadap budaya membaca kian berkurang. Hal ini dikatakan demikian kerana pelajar sekarang telah terdedah dengan sumber-sumber hiburan yang telah menarik perhatian mereka berbanding bahan bacaan yang bersifat lebih ringan, padat dan juga berbentuk hiburan. Oleh itu, pengkarya melihat akan kaedah pembelajaran dapat mempengaruhi pelajar dalam menuntut ilmu agar mereka tidak berasa kebosanan di dalam bilik kuliah.

1.4 Persoalan Kajian

Beberapa persoalan yang menjadi buah pemikiran pengkaji untuk melaksanakan kajian ini dengan lebih terperinci berkenaan tajuk tersebut iaitu:

- 1.4.1 Apakah teknik pendidikan dan elemen moral yang diguna pakai dalam pendidikan sastera dalam kajian lepas?
- 1.4.2 Adakah teknik pendidikan dan elemen moral dapat membantu pelajar untuk memahami pendidikan sastera dengan baik?

1.5 Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini dilakukan adalah untuk mencapai objektif kajian mengenai tajuk tersebut iaitu:

- 15.1 Mengenal pasti teknik pendidikan dan elemen moral dalam pendidikan sastera menerusi kaedah *Systematic Literature Review (SLR)*.
- 15.2 Menganalisis kepentingan teknik pendidikan dan elemen moral terhadap pelajar dalam pembelajaran pendidikan sastera menerusi kajian lepas.

1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan dokumentasi teknik pendidikan dan elemen moral kepada pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana sesetengah masyarakat beranggapan atau mempunyai stigma yang mengatakan bahawa elemen pendidikan yang menjurus kepada bidang seni tidak memberi sebarang faedah kepada pelajar disebabkan oleh sistem pendidikan bagi subjek ini telah dikecilkan kepada sebuah karangan yang berimajinatif serta fiksiyen. Secara tidak langsung, mereka akan mengatakan subjek tersebut akan mendatangkan kebosanan kepada pelajar dengan hanya melihat penulisan sahaja. Oleh sebab itu, pengkaji ingin menunjukkan bahawa dengan kajian ini masyarakat dapat melihat kepentingan pendidikan dan moral yang menerusi kaedah pembelajaran yang diterapkan oleh tenaga pengajar supaya dapat melahirkan pelajar yang mempunyai keberanian serta aktif misalnya pembelajaran yang menggunakan kaedah didik hibur seperti lakonan dan nyanyian yang akan mempengaruhi cara berinteraksi dikalangan pelajar-pelajar.

Pelaksanaan kajian ini bukan sahaja memberi manfaat kepada pelajar malah pihak universiti dan pihak sekolah juga akan menerima faedahnya. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka dapat membuat rujukan daripada kajian ini misalnya dengan menambah baik sistem

pendidikan atau sukatan pelajaran kesusasteraan yang akan ditawarkan pada masa akan datang. Penapisan sukatan pelajaran yang bernas dan berkualiti dapat meneraju pembelajaran pelajar-pelajar dengan lebih sistematik dan berkesan. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu pihak pengurusan universiti bagi membentuk sahsiah pelajar yang bijak dalam akademik dan berakhlak mulia. Perkara ini dikatakan kerana kandungan kajian ini akan memperlihatkan kaedah pembelajaran serta elemen moral yang diaplikasikan mendorong proses pembelajaran pelajar di dalam bilik kuliah.

Kepentingan kajian ini bukan sahaja untuk mengembangkan bidang kesusasteraan tetapi dapat mengembangkan juga bidang ilmu yang lain seperti sains dan teknologi, sejarah, budaya, geografi dan sebagainya. Hal ini dikatakan kerana intipati kandungan dalam karya sastera telah menggabungkan bidang ilmu lain. Sebagai contoh, penglibatan elemen-elemen kesusasteraan seperti cerita jenaka, mitos dan lagenda telah ditransformasikan menjadi sebahagian bidang teknologi seperti perfileman dan sebagainya. Maka, secara tidak langsung perkembangan ilmu sastera serta bidang ilmu lain dapat bergerak seiring menyebabkan para pelajar dapat menambahkan ilmu pengetahuan secara serentak.

1.7 Batasan Kajian

Berdasarkan kajian yang dilaksanakan, kajian ini memfokuskan kepada analisis kajian lepas yang mempunyai persamaan dengan kajian pengkaji iaitu menumpukan tentang kepentingan elemen pendidikan dan moral dalam pendidikan sastera. Kajian ini membataskan beberapa kajian lepas yang terpilih mengikut tahun iaitu antara tahun 2017 hingga 2022. Hal ini dikatakan kerana kajian ini dilakukan sekitar tiga hingga empat bulan sahaja. Oleh itu, pengkaji tidak dapat melaksanakan keseluruhan kajian disebabkan keterbatasan masa. Disamping itu, pengkaji menggunakan kaedah *Systematic Literature Review (SLR)* di mana kajian lepas yang mengaplikasikan kaedah ini amat terhad dan kaedah ini baru sahaja diperkenalkan dalam dunia

penyelidikan sekitar lima tahun lepas. Oleh itu, sumber-sumber berdasarkan kaedah *SLR* ini berkurang menyebabkan perkara ini terbatas.

Kajian ini tertumpu kepada penyisipan unsur pendidikan dan moral dalam pendidikan sastera yang digunapakai dalam bilik kuliah. Pembentukan moral pelajar serta kaedah pembelajaran menerusi elemen pendidikan dan moral dikatakan bahawa perkara tersebut adalah elemen yang sangat penting kepada seseorang pelajar bagi melahirkan individu yang berakhlak baik disamping mempunyai potensi dalam pembelajaran dari segi akademik mahupun kokurikulum. Selain itu, kajian ini memfokuskan kepada kaedah pembelajaran yang diguna pakai oleh tenaga pengajar. Malah, kajian ini juga melibatkan pelajar-pelajar yang mengambil jurusan kesusasteraan sama ada di sekolah mahupun di peringkat universiti. Pada pandangan pengkaji, elemen pendidikan dan moral yang diguna pakai dalam pembelajaran sastera ini mempunyai manfaatnya yang tersendiri bagi melahirkan pelajar-pelajar yang berkebolehan dalam pelbagai aspek ilmiah dan sebagainya.

1.8 Definisi Istilah dan Konsep

Istilah dan konsep merupakan perkara utama dalam memberi gambaran terhadap tumpuan sesuatu kajian yang dilaksanakan agar ianya menjadi lebih sistematik dan mencapai tujuan utama penyelidikan ini dilakukan. Oleh itu, terdapat beberapa perkataan yang digunapakai dalam tajuk kajian yang perlu diberikan definisi iaitu sastera, moral dan pendidikan.

1.8.1 Sastera

Perkataan sastera dikatakan berasal daripada bahasa Sanskrit iaitu *castra*. Perkara ini didefinisikan sebagai kitab suci. Manakala menurut Harun Mat Piah et al (2006) menyatakan bahawa perkataan kesusasteraan membawa maksud iaitu segala penghasilan sastera yang dihayati atau disampaikan, baik menerusi tulisan dan pembacaan ataupun menerusi lisan dan pendengaran. Sastera ialah satu bidang seni kreatif dimana medium pengantarnya merupakan

bahasa. Hal ini dikatakan demikian kerana kedatangan sastera dimulai dengan tradisi lisan dan seterusnya berkembang mengikut perubahan semasa.

Menurut M.K Danziger dan W.S. Jahson (1983) menyatakan bahawa sastera adalah seni yang menggunakan kata-kata iaitu lisan atau bertulis. Menurut Abu Bakar Hamid (1982) menyatakan tentang definisi sastera iaitu satu seni yang bersifat intelektual serta kepuasan intelek serta kepuasan estetik. Karya sastera bukan sahaja didatangi dengan penulisan kreatif bahkan ianya merangkum sifat atau perbuatan manusia yang didasari dengan kekreatifan. Menurut Syed Ali Ashraf (1989) menyatakan bahawa sastera bukan satu bentuk ilmu yang bersifat kesenian malah meliputi segala aktiviti manusia secara kreatif dan inovatif.

1.8.2 Moral

Konsep moral membawa maksud akhlak, budi pekerti, tabiat watak, perlakuan dan perangai. Moral didefinisikan sebagai ajaran atau lebih dikenali dengan pegangan buruk baik sesuatu perbuatan dan dikatakan terkait dengan perkara yang benar dan adil (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka).

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa pandangan yang menyatakan perihal definisi moral dan juga pendidikan. Menurut Sugarman (1973) menyatakan moral adalah bersifat “multi-dimensional”. Misalnya, seseorang yang mengekalkan sesuatu pandangan dikatakan dapat mempengaruhi kaedah pemikiran serta kehidupannya malah perkara itu dapat mencetuskan insan yang mempunyai aspek kemoralan yang tinggi berbanding seseorang yang meminggirkan aspek moral yang menyebabkan kehidupan mereka tiada arah tuju. Sebagai contoh, cara didikan yang dihasilkan oleh guru atau ibubapa kepada seseorang anak dapat dipengaruhi oleh ajaran mereka terhadap konsep moral.

1.8.3 Pendidikan

Pendidikan didefinisikan sebagai perihal mendidik (Kamus Dewan Edisi Baru). Selain itu, pendidikan juga dikenali sebagai ilmu yang melihat kepada ilmu mendidik, latihan dan ajaran serta didikan. Perkataan pendidikan datang daripada perkataan “didik” yang bermaksud sebagai ajar atau membentuk. Oleh hal demikian, tidak dinafikan lagi perkataan pendidikan adalah kaedah pertumbuhan yang baik bagi memenuhi kesempurnaan dari segi akal, mental serta jasmani seseorang individu.

Mok Soon Sang (2000) menyatakan di dalam buku penulisan beliau iaitu “Pendidikan di Malaysia” telah menyimpulkan bahawa pendidikan merupakan salah satu proses yang membantu untuk mengembangkan aspek fizikal, intelek, sosial dan juga emosi seseorang individu. Bahkan, ianya juga dapat menerapkan kemahiran, kebolehan, pengalaman serta pengetahuan agar ianya dapat memberikan manfaat kepada kehidupan seseorang penuntut ilmu.

Menurut Swift D. F yang menyimpulkan pendapat yang diajukan oleh beberapa sarjana dan ilmuan Barat di dalam bukunya yang bertajuk “Sociology of Education” iaitu salah satunya adalah Plato yang berpendapat tentang pendidikan adalah satu proses untuk membentuk seseorang individu mempunyai akhlak yang mulia.

1.8.4 Teknik *Systematic Literature Review*

Systematic Literature Review (SLR) merupakan kaedah penyelidikan yang digunakan oleh pengkaji untuk mengenal pasti, membandingkan dan menjelaskan secara terperinci hasil penyelidikan iaitu tesis atau jurnal lepas yang berkaitan dengan tajuk atau persoalan kajian pengkaji. Kajian bebas atau dikenali sebagai kajian individu adalah satu bentuk kajian primer manakala kajian sistematik pula adalah kajian sekunder. Oleh hal demikian, *SLR* membawa maksud sebagai proses untuk mendokumentasi, menilai serta menyatakan kesemua data

penyelidikan yang telah dikumpul untuk digunakan sebagai pemberi jawapan kepada persoalan kajian tersebut.

Berdasarkan pandangan Higgins et al. (2011) menyatakan bahawa SLR digunakan bertujuan untuk mencari dan mensintesis sesuatu penyelidikan yang berkaitan secara menyeluruh menggunakan kaedah yang teratur, telus, serta tiada keraguan dan boleh diulang pada proses seterusnya.

1.9 Organisasi Kajian

Menerusi kajian ini, pengkaji telah menyusun atur dan membahagi kepada lima bab. Hal ini dikatakan demikian kerana pembahagian organisasi kajian ini dilaksanakan supaya prosedur penyelidikan dapat berjalan dengan sempurna dan lebih efektif.

Bab Satu

Bab ini meliputi pendahuluan yang membincangkan mengenai pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi istilah dan konsep, organisasi kajian dan kesimpulan.

Bab Dua

Bab ini membincangkan tentang kajian literatur yang meliputi tinjauan sorotan kajian lepas yang diambil daripada pelbagai sumber yang sahih seperti pengkajian mengenai pelopor sastera berdasarkan pendidikan di Malaysia, pengkajian berkaitan pendidikan sastera dan moral, pengkajian tentang pendekatan moral, pengkajian mengenai sastera dan moral dalam bidang lain dan diakhiri dengan kesimpulan.

Bab Tiga

Bab ini akan menyatakan metodologi kajian iaitu cara untuk membuktikan atau mendapatkan hasil kajian yang dijalankan. Kaedah kajian yang digunapakai oleh pengkaji adalah pendekatan kajian lepas komprehensif iaitu meliputi kaedah kepustakaan iaitu menganalisis kajian-kajian lepas yang terpilih berdasarkan tajuk kajian pengkaji. Selain itu, pengkaji mengaplikasikan kaedah *Systematic Literature Review (SLR)* untuk menghasilkan kajian yang lebih jelas.

Bab Empat

Bab ini mengandungi analisis dan hasil dapatan. Secara amnya, bab empat menganalisis teknik-teknik pembelajaran serta elemen moral yang terdapat dalam kajian lepas dan juga membincangkan tentang kepentingan teknik pendidikan terhadap pelajar dalam pembelajaran sastera.

Bab Lima

Bab lima merupakan bahagian penutup yang mengandungi rumusan kajian meliputi kesimpulan mengenai kedua-dua objektif yang dihasilkan oleh pengkaji. Selain itu, implikasi kajian dan saranan turut diaplikasikan dalam bab ini.

1.10 Kesimpulan

Kajian ini merupakan kajian yang penting khususnya kepada pelajar-pelajar dan pihak pengurusan sekolah dan universiti. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian ini akan mengupaskan berkaitan silibus pembelajaran yang mengisikan intipatinya dengan moral serta kaedah pembelajaran untuk memupuk sahsiah pelajar. Jika dilihat dengan masalah yang sering muncul dikalangan pelajar sekolah dan universiti misalnya kegiatan melepak, sumbang mahram, ponteng kelas dan sebagainya menjadikan pengkaji tertarik untuk menjalankan kajian ini bagi memenuhi kehendak komuniti khususnya pelajar-pelajar, pihak sekolah dan universiti serta penyelidik baru. Selain itu, dalam mendidik para pelajar berkelakuan baik malah ianya juga boleh diterapkan unsur pendidikan agar pelajar dapat memasuki bidang pendidikan setelah

mereka tamat pengajian. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar sastera bukan hanya mempunyai pengetahuan tentang nilai-nilai moral sahaja tetapi mereka juga turut mempunyai pendidikan dalam bidang sastera serta mempunyai pengetahuan untuk mengendalikan pelajar-pelajar di dalam kelas dan sebagainya. Oleh itu, pengkaji berharap dengan segala keperluan kajian yang ada seperti tesis serta bahan ilmiah dapat membantu dan menyiapkan penyelidikan ini pada masa akan datang dan memuaskan hati kumpulan penyelidik dan semua pihak terutama sekali para pelajar.



BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Kajian literatur merupakan kajian yang membincangkan mengenai permasalahan kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji. Kajian literatur juga merupakan kajian yang bersifat sistematik. Oleh sebab itu, kaedah ini memerlukan pengkaji untuk melakukan penilaian terhadap kajian-kajian lepas. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat beberapa kajian yang belum diterokai dan mempunyai kelompangan pada sesebuah kajian maka dengan itu perkara tersebut dinilai agar kajian yang dilaksanakan ini dapat diisi serta dikemukakan dengan lebih jelas dan sempurna. Berdasarkan pandangan Amani Dahaman (2011), kajian literatur merupakan analisis berkaitan kajian lepas yang diambil menerusi bahan-bahan rujukan seperti jurnal dan tesis untuk mengumpulkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan kajian bagi mencapai objektif kajian. Sehubungan dengan itu, kajian lepas yang diambil adalah berkait dengan tajuk kajian iaitu pengkajian tentang tokoh pendidikan sastera, pengkajian tentang pendidikan sastera dan moral serta pengkajian mengenai pendekatan moral.

2.2 Pengkajian Berkaitan Pelopor Sastera Berdasarkan Pendidikan Di Malaysia

Menerusi kajian Didaktisisme Islami dalam Cerpen Melayu Mutakhir yang ditulis oleh Mawar Safei pada tahun (2019) memfokuskan kepada hubungan rapat “pengarang guru” dalam perkembangan cerpen Melayu seawal dekad 20-an dengan kebanyakan kesungguhannya menulis cerpen tersebut lebih menekankan perkara berkaitan pendidikan. Antara tokoh yang terlibat dengan “pengarang guru” termasuklah Kamariah Kamarudin. Hal ini dikatakan demikian kerana berdasarkan karya cerpennya iaitu cerpen Catatan Cinta Anakanda Bonda membuktikan bahawa beliau mempunyai hubungan dengan pendidikan yang diwakili sama

ada sebagai latar pengajian atau budaya. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kajian ini juga menggunakan prinsip Takmilah serta konsep didaktisisme. Oleh itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa dalam cerpen Catatan Cinta Bonda menganalisis didaktisisme yang membahaskan berkenaan perihal syukur, mengimani qada dan qadar, rendah hati dan kejujuran. Maka dengan itu, penulisan Kamariah Kamarudin dilaksanakan dengan penuh konteks kesusasteraan seperti watak, plot dan sebagainya. Perbezaan antara kajian lepas dan kajian pengkaji adalah penggunaan teori. Kajian lepas mengaplikasikan Teori Takmilah manakala kajian pengkaji tidak menggunakan sebarang teori atau pendekatan.

Kepengarangan Cerpen Remaja Pasca 13 Mei 1969 Antara Nazel Hashim Dan Ismail Sarbini: Perbincangan Dari Sudut Pendidikan Nilai Murni Keberanian Melalui Tema Sejarah ditulis oleh Zulfadli Mohd Kamal et al. pada tahun (2022). Tujuan utama kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti dan membandingkan tema cerpen yang dikarang oleh penulis-penulis Malaysia bagi menyahut seruan kerajaan termasuk Nazel Hashim dan Ismail Sarbini. Kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah kaedah kualitatif iaitu meliputi analisis teks terhadap kedua-dua cerpen remaja. Kajian ini dikaji mengikut perspektif pendidikan nilai murni keberanian berlandaskan tema sejarah di Malaysia. Hasil dapatan mendapati bahawa penulis cerpen remaja iaitu Nazel Hashim tidak menekankan sejarah dengan menyeluruh berbanding Ismail Sarbini yang memfokuskan penceritaan sejarah yang tersendiri tetapi kedua-dua penulis tersebut dapat mendedahkan nilai-nilai murni keberanian bagi membentuk sahsiah remaja. Perbezaan yang terdapat pada kajian lepas adalah menekankan pada kepengarangan penulis Malaysia dalam menghasilkan cerpen manakala kajian pengkaji memfokuskan kepada elemen pendidikan dan moral.

Menerusi kajian Kemenjadian Abdullah Munsyi Sebagai Tokoh Bahasa, Sasterawan dan Kewartawanan yang ditulis oleh Roslan Chin & Mohd Faiz Hilmi pada tahun 2022. Tujuan

pengkajian ini dilaksanakan adalah untuk menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi kementerian Abdullah Munshi sebagai tokoh dalam bidang bahasa, sasterawan serta kewartawanan. Kaedah kajian yang diaplikasikan bagi mendapatkan hasil adalah pendekatan kualitatif iaitu meliputi kaedah analisis kandungan daripada teks Hikayat Abdullah. Tambahan pula, kajian ini menggunakan juga Teori Pembelajaran Sosial yang dibentuk oleh Bandura serta Model Strategi Pembelajaran Bahasa oleh Oxford. Oleh itu, hasil kajian mendapati bahawa pengaruh persekitaran serta strategi pembelajaran yang meliputi latihan tubi dalam penulisan, latihan imlak dan imitasi adalah kunci dalam kementerian Abdullah Munshi sebagai salah seorang tokoh pendidikan yang berilmu dalam membuat transformasi khususnya dalam bidang ilmu kesusasteraan, bahasa serta kewartawanan. Jelaslah bahawa terdapat perbezaan di antara kajian lepas iaitu menggunakan Teori Pembelajaran Sosial manakala kajian pengkaji tidak menggunakan sebarang teori serta pendekatan untuk mendapatkan hasil dapatan yang kukuh.

Norzaliza Ghazali & Fatimah Zainon pada tahun (2016) menulis kajian Gagasan Pendidikan Aminuddin Baki Dalam Perjuangan GPMS iaitu untuk menghuraikan gagasan pemikiran pendidikan Aminuddin Baki yang telah menjadi matlamat perjuangan Gabungan Pelajar Mahasiswa Semenanjung (GPMS). Metodologi kajian telah menumpukan kepada kaedah kualitatif serta pendekatan biografi. Hal ini dikatakan kerana ianya akan meneliti berkaitan pemikiran tokoh. Hasil dapatan mendapati bahawa masih kukuh idealisme Aminuddin Baki terhadap pendidikan anak bangsa. Perkara ini kerana beliau berpendapat bahawa pendidikan sangat penting terutamanya dalam pembentukan jasmani serta rohani seseorang dalam membangunkan masyarakat yang mempunyai jiwa yang kental dan bertamadun untuk meneruskan generasi akan datang. Oleh itu, gagasan ini masih terpelihara sehingga saat ini. Perbezaan kajian lepas menunjukkan bahawa ianya memfokuskan kepada tokoh pendidikan manakala kajian pengkaji pula mementingkan elemen pendidikan dan moral pembelajaran pendidikan sastera.

Pada tahun 2017, kajian Perpaduan Etnik di Malaysia Menurut Ideologi Pendidikan ZA'BA telah dihasilkan oleh Noor Aziera Mohamad Rohana et al. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji tentang keadaan hidup masyarakat pelbagai etnik di Tanah Melayu sekitar abad ke-19M. Malah, ianya juga memfokuskan kepada ideologi pemikiran pendidikan ZA'BA berlandaskan aktiviti ekonomi berasaskan etnik. Metodologi kajian yang diaplikasikan adalah pendekatan kualitatif iaitu kaedah kepustakaan melalui analisis dokumen. Hasil dapatan mendapati bahawa jurang ekonomi boleh berlaku implikasi hasil daripada meninggalkan atau mengabaikan khususnya dalam aspek pendidikan. Hal ini dikatakan demikian kerana pendidikan adalah perkara yang sangat penting serta tunggak utama kepada pembangunan negara menerusi perpaduan etnik. Perbezaan yang terdapat pada kajian lepas adalah memfokuskan kepada perpaduan etnik manakala kajian pengkaji mengutamakan kepada elemen sastera dan moral dalam silibus pembelajaran kesusasteraan. Persamaan pada kedua-dua kajian adalah tidak mengaplikasikan teori atau pendekatan.

Menerusi kajian 'Jalan Keselamatan Bagi Orang-Orang Melayu': Pemikiran ZA'BA Bagi Memajukan Pendidikan pada tahun (2010) ditulis oleh Ermy Azziaty Rozali & Mohammad Redzuan Othman. Objektif makalah ini adalah untuk mengkaji tentang pemikiran ZA'BA terhadap kemajuan pendidikan khususnya masyarakat Melayu. Metodologi kajian yang digunakan ialah pendekatan kualitatif iaitu analisis dokumen terhadap artikel Jalan Keselamatan Bagi Orang-Orang Melayu. Hasil dapatan mendapati bahawa ZA'BA telah menegaskan kepada masyarakat Melayu untuk fokus dalam pendidikan. Hal ini dikatakan kerana beliau mempunyai kesedaran serta kefahaman yang mendalam tentang perihal masalah berkaitan masyarakat Melayu. Oleh sebab itu, beliau telah menulis dan melontarkan kritikan-kritikan yang bernas untuk memberikan kesedaran kepada masalah tersebut. Perbezaan yang terdapat pada kajian lepas adalah menumpukan kepada tokoh pendidikan iaitu ZA'BA

manakala kajian pengkaji pula memfokuskan kepada elemen pendidikan dan moral dalam pembelajaran kesusasteraan.

Ghazali Din & A. Halim Ali pada tahun (2020) menulis kajian bertajuk Naluri Kemasyarakatan Mengangkat Keunggulan Kepengarangan Muhammad Hj Salleh Terhadap Pembangunan Minda Bangsa Melayu. Kajian ini dihasilkan bertujuan untuk mengkaji sumbangan serta kepengarangan Muhammad Hj Salleh sebagai seorang penyair yang telah menaikkan martabat jati diri masyarakat Melayu. Metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah pendekatan kualitatif iaitu kaedah kepustakaan serta menggunakan Model Proses Kreatif Teks naluri. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa sumbangan daripada Muhammad Haji Saleh terhadap pembangunan minda serta peradaban Melayu telah berlegar-legar di dalam puisi-puisinya. Hal ini dikatakan demikian kerana beliau mempunyai idea-idea dalam menaikkan peradaban Melayu menerusi kepengarangannya yang memfokuskan kepada sosial. Oleh itu beliau dapat menghasilkan puisi yang jelas dengan matlamatnya. Perbezaan yang terdapat pada kajian lepas adalah melihat kepada corak kepengarangan tokoh pendidikan manakala kajian pengkaji menumpukan kepada elemen pendidikan dan moral dalam silibus pembelajaran.

Kajian Peranan dan Sumbangan Dato' Abdullah Abdul Rahman (1932-1947) dalam Perkembangan Pendidikan Islam dan Bahasa Melayu di Negeri Johor telah ditulis oleh Mohd Hafiz Othman & Ermy Azziaty Rozali pada tahun (2021). Objektif kajian ini adalah untuk menyatakan sejarah dan latar belakang Abdullah Abdul Rahman serta menganalisis sumbangan beliau terhadap perkembangan sistem pendidikan Islam dan bahasa Melayu. Kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji merupakan kaedah kualitatif iaitu merangkumi pendekatan kajian sejarah dan analisis dokumen. Hasil kajian mendapati bahawa Abdullah Abdul Rahman merupakan salah seorang tokoh agama yang berjuang untuk memperluaskan sistem pendidikan Islam serta bahasa Melayu. Misalnya dengan memperkenalkan sukatan pelajaran baharu,

menghasilkan penulisan karya bagi rujukan pelajar dan memperkenalkan Darjah Khas serta memartabatkan kedudukan pelajar Melayu lepasan dari pendidikan di Timur Tengah. Perbezaan yang dapat pada kajian lepas adalah menggunakan pendekatan sejarah manakala kajian pengkaji pula tidak menggunakan sebarang pendekatan ataupun teori.

Menerusi kajian Pemikiran Za'Ba Dalam Karya-Karya Terpilih yang ditulis oleh Ahmad Nabil Amir pada tahun (2020). Kajian ini memfokuskan kepada legasi serta warisan intelektual yang ditinggalkan oleh Pendeta Za'Ba. Metodologi kajian ini adalah bersifat deskriptif, analitis dan historis. Hasil dapatan mendapati bahawa daripada hasil karya beliau sebelum ini menampakkan tentang pendiriannya sebagai seorang tokoh pendidikan yang hebat. Hal ini dikatakan demikian kerana beliau telah melahirkan idea-idea yang bernas serta baharu mendepani zamannya malah ianya juga dijadikan matlamat perjuangan serta keyakinan intelek yang tinggi dalam melahirkan pemikiran masyarakat Melayu. Perbezaan yang terdapat pada kajian ini adalah tidak menggunakan kaedah temubual manakala kajian pengkaji menggunakan kaedah tersebut bagi mendapatkan data yang kukuh daripada perspektif masyarakat. Manakala persamaan pula adalah kedua-dua kajian tidak menggunakan sebarang teori atau pendekatan.

Marina Munira Abdul Mutalib dalam kajiannya Penglibatan Abdullah Munsyi Dalam Karya Kesusasteraan Melayu yang dihasilkan pada tahun (2012). Tujuan penghasilan kajian ini adalah untuk mengkaji sumbangan Abdullah Munsyi dalam kesusasteraan Melayu dan menganalisis beberapa elemen baru dalam penulisannya. Metodologi kajian yang digunakan adalah pendekatan kualitatif iaitu merangkumi kaedah kepustakaan misalnya daripada jurnal, tesis, dan sebagainya. Hasil dapatan mendapati bahawa Abdullah Munsyi adalah seorang yang pejuang dalam pendidikan bangsanya. Misalnya dalam penulisan karyanya terdapat unsur yang kejam tetapi ianya membawa maksud yang tersirat bagi memberi inspirasi khususnya kepada masyarakat untuk terus bekerja keras dalam pendidikan mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana Abdullah Munsyi percaya bahawa pendidikan boleh mengubah hidup seseorang untuk

lebih berkuasa dan mempunyai sahsiah yang tinggi. Perbezaan yang terdapat pada kajian epas adalah memfokuskan kepada penglibatan tokoh pendidikan manakala kajian pengkaji menumpukan kepada elemen pendidikan dan moral dalam pembelajaran pelajar kesusasteraan

2.3 Pengkajian Berkaitan Pendidikan Sastera dan Moral

Zubir Idris pada tahun (2015) menerusi kajiannya yang bertajuk Komunikasi Moral Lewat Gurindam Dua Belas Raja Ali Haji. Jurnal ini diterbitkan oleh *Malaysian Journal of Communication*. Matlamat utama pembikinan tesis ini adalah untuk melihat serta menilai adakah karya kesusasteraan Melayu tradisional iaitu gurindam dapat mematuhi fungsi sesebuah karya. Misalnya, dengan membentuk komuniti pembaca berlandaskan pembentukan moral menerusi persoalan dan juga pemikiran yang terdapat di dalam sesebuah hasil karya tersebut. Kaedah kajian yang diguna oleh pengkaji ialah kaedah kualitatif iaitu analisis teks dan pengkaji menggunakan pendekatan moral untuk membuktikan bahawa gurindam memberi matlamat khususnya kepada tamadun manusia. Manakala dapatan kajian pula mendapati bahawa gurindam Raja Ali Haji terlalu banyak dengan perkara-perkara tentang nilai moral serta akhlak yang dapat membina sahsiah seseorang individu dan masyarakat. Kajian pengkaji mempunyai persamaan dengan kajian lepas iaitu memfokuskan kepada pembentukan akhlak dan sahsiah masyarakat. Tetapi perbezaannya adalah kajian pengkaji tidak menggunakan sebarang teori mahupun pendekatan moral.

Mohd Firdaus Che Yaacob et al. (2017) menerusi kajian yang bertajuk Cerminan Moral dalam Cerita-cerita Rakyat Melayu. Jurnal ini diterbitkan oleh *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*. Objektif utama pelaksanaan kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis cerminan moral positif masyarakat Melayu yang terdapat dalam cerita-cerita rakyat Melayu. Kaedah kajian yang diaplikasikan oleh pengkaji adalah pendekatan kualitatif yang merangkumi kaedah kepustakaan dan teks. Sehubungan dengan itu, pengkaji juga menggunakan pendekatan teori pengkaedahan Melayu yang dibentuk

oleh Hashim Awang (1989). Dapatan kajian yang terhasil daripada analisis ini menunjukkan bahawa elemen nilai murni kejujuran terbukti jelas terdapat dalam cerita-cerita rakyat Melayu yang terpilih. Malah, penemuan nilai murni dalam cerita rakyat dahulu mengesahkan bahawa masyarakat dahulu sememangnya mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan mereka. Oleh itu, persamaan kajian ini adalah dari segi penilaian akhlak dan moral yang terkandung dalam karya sastera.

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob pada tahun (2022) menulis tesis bertajuk Kajian Pendidikan Moral Dalam Cerita Rakyat Melayu Terhadap Kanak-Kanak: Satu Penelitian Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Jurnal ini diterbitkan oleh *Interational Conference on Malay, Arabic, And English Literature 2022*. Objektif utama pelaksanaan tesis ini adalah untuk mengenal pasti serta membincangkan tentang pendidikan moral dalam cerita rakyat Melayu terhadap kanak-kanak. Seterusnya, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah kepustakaan serta kajian lapangan. Hal ini dikatakan demikian kerana ianya perlu dijalankan di kawasan lapangan untuk mendapatkan hasil yang kukuh. Walau bagaimanapun, kajian ini melihat pada falsafah pendidikan kebangsaan iaitu dari segi aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani. Oleh sebab itu, hasil kajian yang diperolehi mendapati bahawa pendidikan moral telah diaplikasikan dalam cerita rakyat Melayu. Hal ini dikatakan kerana untuk menjadi pemangkin dalam pembentukan jati diri kepada personaliti kanak-kanak. Oleh itu terdapat perbezaan di antara kajian lepas iaitu melihat moral pada cerita rakyat Melayu manakala kajian pengkaji melihat pada kaedah pembelajaran elektif kesusasteraan.

Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh pada tahun (2021), menerusi kajian Elemen Nilai Dalam Teks Sastera Kisah Para Nabi Untuk Bacaan Kanak-Kanak Menurut Perspektif al-Nadwi. Tesis ini diterbitkan oleh *International Journal of Language Education And Applied Linguistics (IJLEAL)*. Objektif utama pelaksanaan tesis ini adalah mengenal pasti

nilai dalam kisah para nabi yang dimuatkan dalam karya al-Nadwi untuk kanak-kanak manakala objektif kedua menghuraikan penerapan nilai dalam karya al-Nadwi tentang kisah para nabi bagi tujuan pendidikan awal kanak-kanak. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu menerusi kaedah analisis teks yang terdapat dalam karya al-Nadwi. Sehubungan dengan itu, analisis teks ini akan melihat dari segi nilai murni yang ada dalam diri para nabi menerusi kisah mereka. Dapatan yang dapat dihasilkan menerusi kajian ini adalah kesemua nilai yang terdapat dalam kisah para nabi seperti berani, bijaksana, bertanggungjawab serta taat ketika melakukan dakwah merupakan nilai-nilai murni yang perlu dipupuk di dalam diri sejak usia muda lagi. Hal ini dikatakan kerana dengan nilai murni ini akan menunjukkan keluhuran akhlak seseorang ketika di usia kanak-kanak lagi. Antara perbezaan yang dapat dilihat adalah kajian lepas menggunakan teks sastera para nabi manakala kajian pengkaji menggunakan kajian lepas yang terpilih.

Menerusi kajian Nilai Murni Dalam Rumah Kecil Di Pinggir Ladang: Moral Values Analysis) yang tulis oleh Jumali Hj. Selamat pada tahun (2012). Tesis ini diterbitkan oleh *Konferensi Internasional Kesusasteraan XXII UNY-HISKI*, 2012. Tesis ini mempunyai motif penulisan iaitu melihat penyemaian nilai murni yang sesuai untuk membentuk sahsiah remaja. Kaedah kajian yang diaplikasikan dalam tesis ini adalah pendekatan kualitatif iaitu analisis teks daripada Rumah Kecil Di Pinggir Ladang hasil karya Haniza Hashim. Pengkaji juga menggunakan pendekatan kemasyarakatan yang berada dalam Teori Pengkaedahan Melayu yang dibentuk oleh Hashim Awang. Oleh sebab itu, ianya akan melihat pada aspek kehidupan manusia yang merangkumi sifat, cara hidup, budaya dan sebagainya. Dapatan kajian yang diperolehi adalah terdapat nilai muni yang terkandung dalam teks karya tersebut misalnya, nilai hormat-menghormati, keberanian, kerjasama, kasih sayang, rajin dan kesyukuran. Kesemua unsur-unsur ini dapat menambahkan pengetahuan khususnya dalam kehidupan remaja.

Perbezaan yang dapat dilihat pada kajian lepas ialah ianya menggunakan pendekatan kemasyarakatan manakala kajian pengkaji tidak menggunakan sebarang teori atau pendekatan.

Nilai Patriotisme dalam Pantun Pak Nazel yang dikaji oleh Azim Normiza Ahmad & Shaiful Bahri Md. Radzi (2021) telah diterbitkan oleh *International Journal of the Malay World and Civilisation*. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk membincangkan berkenaan nilai murni yang terdapat dalam Pantun Pak Nazel iaitu memfokuskan kepada nilai patriotisme. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kajian kepustakaan menerusi perpustakaan terpilih misalnya Kepustakaan Alam dan Tamadun Melayu (PATMA) dan Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL). Tambahan pula, ianya juga menggunakan kaedah analisis kandungan iaitu bagi mempertimbangkan nilai-nilai murni yang terkandung dalam Pantun Pak Nazel. Hasil dapatan daripada kajian ini adalah Pantun Pak Nazel sesuai dijadikan bahan bacaan tambahan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu kepada pelajar-pelajar sekolah. Hal ini dikatakan demikian kerana koleksi pantun Pak Nazel kebanyakannya dapat mendidik para pelajar supaya mempunyai jati diri yang utuh dan serta mempunyai jiwa patriotik pada negaranya. Persamaan yang dapat daripada kajian lepas dan kajian pengkaji adalah tidak menggunakan pendekatan atau teori. Perbezaan pula ialah kajian lepas menggunakan teks pantun manakala kajian pengkaji menggunakan kajian lepas yang terpilih.

Mohd Haidi Mohd Kasran pada tahun (2017) menerusi kajian Nilai Kegigihan dalam Sajak Melayu. Kajian ini telah diterbitkan oleh *International Journal of the Malay World and Civilisation*. Tujuan utama pembikinan kajian ini adalah untuk melahirkan masyarakat yang cemerlang dari segi pendidikan dan kerjaya. Metodologi kajian yang digunakan adalah kaedah kualitatif iaitu analisis teks pada beberapa sajak terpilih dengan menggunakan konsep nilai. Manakala hasil dapatan pula mendapati bahawa sajak dikatakan dapat menyampaikan elemen kegigihan dimana ianya telah dibawakan oleh penulis sajak bagi menghasilkan masyarakat kearah tindakan yang lebih positif. Oleh itu, terdapat perbezaan pada kajian lepas di mana

perkara tersebut menggunakan konsep nilai untuk meneliti dan membincangkan kontens manakala kajian pengkaji tidak menggunakan teori untuk mengukuhkan dapatan tersebut.

Mohd Haidi Mohd Kasran pada tahun (2015) menerusi kajian Penerapan Nilai Murni Menerusi Antologi Puisi Tanah Airku dalam Kalangan Peserta Program Latihan Khidmat Negara di Malaysia. Kajian ini diterbitkan oleh *Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*. Tujuan penghasilan kajian ini adalah untuk meneliti nilai murni yang terdapat dalam Antologi Puisi Tanah Airku dan mengkaji unsur-unsur nilai murni yang mempunyai unsur-unsur kesejagatan iaitu patriotisme, kekeluargaan, kerjasama, nilai luhur dan perpaduan. Metodologi kajian pula adalah menggunakan kaedah kualitatif iaitu menggunakan buku rujukan Antologi Puisi Tanah Airku yang terdiri daripada 74 sajak. Ianya merangkumi kaedah kepustakaan dan analisis teks daripada sajak-sajak tersebut. Hasil dapatan mendapati bahawa terdapat elemen-elemen penerapan nilai murni sejagat yang terkandung dalam sajak-sajak terpilih. Antara perbezaan daripada kajian lepas dan kajian pengkaji adalah penggunaan karya. Hal ini kerana pengkaji menggunakan penyelidikan terdahulu manakala kajian lepas mengambil buku sajak sebagai bahan utama kajian.

Menerusi kajian Nilai Murni dalam Sastera Remaja Memupuk Kecintaan Terhadap Negara yang ditulis oleh Ani Haji Omar pada tahun (2015). Kajian ini telah diterbitkan oleh *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)*. Objektif kajian ialah membuat penelitian terhadap nilai-nilai murni yang terdapat dalam novel remaja Air Mata Ibu hasil karya Soo Cham. Sehubungan dengan itu, kaedah kajian yang membantu dalam menjayakan kajian ini adalah pendekatan kualitatif meliputi analisis teks dimana bagi menganalisis nilai-nilai murni dalam novel Air Mata Ibu. Dapatan kajian yang diperolehi ialah dapat mengumpul lapan nilai murni iaitu terdiri daripada rendah hati, kesetiaan, budaya kecemerlangan, ketabahan, pendidikan, integriti, penerimaan dan meritokrasi. Oleh hal demikian, dengan wujudnya nilai murni ini dapatlah ianya menyatupadukan masyarakat dengan satu tujuan yang sama bagi

membangunkan negara Malaysia bersama-sama. Terdapat persamaan pada kedua-dua kajian iaitu tidak menggunakan teori atau pendekatan. Bagi perbezaan pula dapat dilihat pada kajian lepas menggunakan novel remaja iaitu cerita fiksyen manakala kajian pengkaji menggunakan kajian terdahulu mengikut tajuk yang bersesuaian.

Abdul Rahim Mohamad pada tahun (2013) menulis kajian berkaitan Nilai Nasihat dalam puisi tradisional Teromba. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis aspek-aspek nasihat dalam puisi-puisi yang menjadi bahan kajian secara instrinsik. Metodologi kajian yang diterapkan adalah pendekatan kualitatif iaitu kaedah kepustakaan. Hal ini dikatakan kerana bagi mengenal pasti nilai nasihat menerusi pembacaan dan sumber-sumber internet. Kajian ini juga menggunakan teori Sastera Warisan dengan pendekatan moral. Selain itu, kaedah analisis teks juga turut digunakan bagi menganalisis nilai nasihat yang terdapat dalam Teromba tersebut. Hasil dapatan daripada kajian ini adalah pengkaji berhasrat agar dapat menjumpai aspek-aspek nilai nasihat yang bersesuaian dalam Teromba tersebut serta dapat digunakan didalam pembelajaran di sekolah supaya dapat mendidik pelajar agar menjadi masyarakat yang berkualiti. Perbezaan di antara kajian lepas dan kajian pengkaji adalah menerusi penggunaan pendekatan dan juga teori. Hal ini kerana pengkaji tidak mengaplikasikan sebarang teori di dalam kajiannya.

2.4 Pengkajian Berkaitan Pendekatan Moral

Julia Santi et al (2022) dalam tesis bertajuk Kajian Psikologi Tokoh Utama Kumpulan Cerpen Bertarung Dalam Sarung Karya Alfian Dippahatang Melalui Pendekatan Moral. Tesis ini diterbitkan oleh *Linggau Jurnal Of Elementary School Education*. Tujuan utama pelaksanaan tesis ini adalah untuk menghuraikan unsur psikologi watak utama iaitu menerusi id, ego dan superego berlandaskan pendekatan moral. Kajian ini juga menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah analisis teks yang menggunakan cerpen Bertarung dalam Sarung hasil karya

Alfian Dippahatang. Oleh disebabkan kajian ini berkenaan psikologi maka pengkaji menggunakan pendekatan moral untuk melihat aspek keperibadian seseorang. Maka, hasil dapatan kajian yang dilakukan didapati bahawa terdapat sifat-sifat seperti id, ego serta superego di dalam diri tokoh-tokoh tersebut. Misalnya, aspek id yang dinyatakan dalam kajian ini menjelaskan gambaran mengenai rasa marah, sedih dan tenang yang dimiliki oleh seorang tokoh. Aspek ego pula menggambarkan langkah-langkah yang diambil seseorang untuk menangani sesuatu masalah yang dihadapinya serta wujud cita-cita berlandaskan prinsip realiti dan kesenangan. Manakala aspek superego pula membahaskan tentang bagaimana seseorang menguruskan diri sendiri serta membuat keputusan sama ada sikap baik atau buruk tindakan yang diambil. Maka dengan itu aspek superego dikatakan wujud dalam diri tokoh utama Kumpulan Cerpen Bertarung Dalam Sarung hasil karya Alfian Dippahatang. Terdapat perbezaan di antara kajian lepas iaitu menggunakan pendekatan moral manakala kajian pengkaji tidak menggunakan sebarang teori atau pendekatan.

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob pada tahun (2022) menulis kajian yang bertajuk Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Cerita Rakyat Di Kota Bharu, Kelantan Terhadap Pembentukan Jati Diri Kanak-Kanak: Satu Pendekatan Moral. Jurnal ini diterbitkan oleh *Interational Conference on Malay, Arabic, And English Literature 2022*. Tujuan utama pembentukan jurnal ini adalah mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai kemanusiaan dalam cerita rakyat di Kota Bharu, Kelantan terhadap pembentukan jati diri kanak-kanak. Disamping itu, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu meliputi kaedah kepustakaan serta kajian lapangan bagi mendapatkan hasil kajian yang lengkap dan sempurna. Kajian mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu iaitu melalui pendekatan moral. Maka, hasil dapatan kajian yang diperoleh ialah cerita-cerita rakyat di Kota Bharu, Kelantan dikatakan dapat membina jati diri kanak-kanak sebagai seorang yang berkarisma dan berakhlak mulia. Oleh itu, terdapat persamaan pada kedua-dua kajian menerusi penganalisan

terhadap nilai-nilai kemanusiaan. Manakala, perbezaan pula melalui berlainan karya iaitu kajian ini memfokuskan cerita rakyat manakala kajian pengkaji lebih kepada elemen pendidikan dan moral.

Nasha Azreena pada tahun (2023) menulis tesis bertajuk Nilai-Nilai Moral Dan Pembentukan Akhlak Dalam Gurindam Jiwa Penawar Duka Karya Ami Masra: Pendekatan Moral. Tujuan utama tesis ini dihasilkan adalah untuk mengenal pasti nilai-nilai moral dan pembentukan akhlak serta membincangkan nilai-nilai moral dan pembentukan akhlak yang diaplikasikan menggunakan Pendekatan Moral dalam Gurindam Jiwa Penawar Duka karya Ami Masra. Tesis ini dihasilkan bagi memperolehi Sarjana Muda Pengajian Warisan (Kesusasteraan Warisan) di Universiti Malaysia Kelantan. Kajian ini telah menggunakan pendekatan moral sebagai panduan untuk mencapai objektif kajian mengenai nilai moral yang terdapat dalam teks gurindam tersebut. Pendekatan Moral ini terkandung di dalam Teori Pengkaedahan Melayu yang diperkenalkan oleh Hashim Awang pada tahun 1989. Metodologi kajian yang diguna pakai oleh pengkaji adalah kaedah kualitatif iaitu meliputi kaedah kepustakaan, kaedah analisis teks dan kaedah pencarian maklumat menerusi laman sesawang. Sehubungan dengan itu, hasil dapatan yang diperolehi daripada analisis moral menerusi Gurindam Jiwa Penawar Duka banyak memainkan peranan penting untuk membentuk jati diri khususnya nilai moral seperti nilai kepercayaan, hormat-menghormati, kejujuran, kerajinan, hemah tinggi, toleransi dan kesyukuran kepada masyarakat. Jelaslah bahawa terdapat persamaan pada kedua-dua kajian ini menerusi perbincangan moral dan pembentukan akhlak seseorang individu. Manakala perbezaan pula berlaku pada karya. Misalnya kajian ini menggunakan karya sastera berbentuk puisi berbanding dengan kajian pengkaji menggunakan kajian terdahulu yang bersesuaian dengan tajuk pengkaji.

Siti Norsyahira pada tahun (2022) menerusi kajian Unsur Didaktik Dalam Teks Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian

Pendekatan Moral membahaskan tentang unsur didaktik yang terdapat dalam teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan serta menganalisis unsur didaktik tersebut sebagai suatu pendekatan moral. Tesis ini dilaksanakan untuk memperolehi Sarjana Muda Pengajian Warisan (Kesusasteraan Warisan) di Universiti Malaysia Kelantan. Selain itu, kajian ini menggunakan pendekatan moral yang terkandung dalam Teori Pengkaedahan Melayu yang dibentuk oleh Hashim Awang (1989). Hal ini dikatakan demikian kerana ianya digunakan bagi mengukuhkan kajian tersebut berdasarkan unsur didaktik yang wujud di dalam teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Dalam kajian ini, pengkaji telah menghadkan penggunaan cerita rakyat Melayu iaitu berjumlah 24 cerita yang terkandung di dalam teks tersebut. Manakala, metodologi kajian pula pengkaji menggunakan kaedah kualitatif iaitu merangkumi kaedah kepustakaan serta rujukan teks. Dapatan kajian jelas membuktikan bahawa terdapat lima unsur didaktik di dalam teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan yang dilihat melalui sifat keberanian, baik hati, berdikari, hormat-menghormati dan semangat bermasyarakat. Antara persamaan kajian pengkaji dengan kajian lepas adalah penggunaan elemen sastera memberikan nilai moral kepada masyarakat. Manakala perbezaan pula adalah kajian ini menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu manakala kajian pengkaji tidak menggunakan sebarang teori atau pendekatan.

Florina Jumil & Norjietta Julita Taisin pada tahun (2017) menulis kajian Nilai Pendidikan Dalam Tangon-Tangon Masyarakat Kadazandusun. Tesis ini diterbitkan oleh *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*. Tujuan pelaksanaan tesis ini adalah untuk mengenal pasti nilai pendidikan yang terdapat dalam beberapa tangon-tangon Kadazandusun. Metodologi kajian yang diaplikasikan oleh pengkaji adalah pendekatan kualitatif merangkumi kaedah analisis teks pada buku "Himpunan Cerita Kadazandusun" serta kaedah kepustakaan. Selain itu, Teori Pendekatan Moral menjadi asas utama manakala Teori

Formalistik pula turut diaplikasi sebagai teori sokongan. Hasil dapata menunjukkan bahawa terdapat banyak nilai pendidikan yang terkandung dalam tangon-tangon yang sesuai untuk pembentukan sahsiah seseorang misalnya kanak-kanak. Oleh itu, terdapat perbezaan yang pada kajian lepas iaitu menggunakan dua teori dalam satu kajian manakala kajian pengkaji pula tidak memerlukan teori atau pendekatan.

Menerusi kajian Nilai-Nilai Moral Dalam Cerita-Cerita Rakyat Kaum Bidayuh, Serian yang ditulis oleh Fifi Anak Rinyuk pada tahun (2017). Tujuan penghasilan makalah ini adalah untuk mengkategorikan cerita-cerita rakyat kaum Bidayuh, menghuraikan nilai-nilai moral yang terkandung dalam cerita-cerita kaum Bidayuh serta menghubungkan nilai-nilai moral dengan kehidupan seharian kaum Bidayuh. Kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif sebagai kaedah kajian iaitu menerusi kaedah kepustakaan misalnya rujukan daripada jurnal, tesis dan majalah. Selain itu, pengkaji juga mengaplikasikan kaedah menganalisis berlandaskan cerita-cerita rakyat Bidayuh manakala kaedah lapangan turut digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan hasil yang tepat. Untuk mendapatkan hasil yang kukuh, pengkaji telah menggunakan pendekatan moral iaitu untuk melihat pada unsur pengajaran dalam cerita-cerita tersebut. Hasil dapatan memaparkan bahawa nilai moral di dalam cerita-cerita rakyat Bidayuh sangat penting kepada masyarakat kerana dapat membentuk seseorang lebih berpengetahuan tinggi. Pengkaji mendapati terdapat persamaan pada kajian lepas dan kajian pengkaji iaitu menggunakan kaedah lapangan bagi menemubual responden. Manakala bagi perbezaan pula, kajian lepas menggunakan cerita rakyat dan kajian pengkaji menggunakan kajian terdahulu yang memfokuskan kepada elemen pendidikan dan moral.

Jumali Hj. Selamat pada tahun (2012) menulis kajian Analisis Nilai Murni Dalam Seteguh Karang. Kajian ini dihasilkan bertujuan untuk menganalisis nilai-nilai murni dalam kehidupan remaja berdasarkan teks Seteguh Karang hasil karya Tuan Faridah Syed Abdullah dan dilihat mengikut perspektif pendekatan moral. Selain itu, ianya juga akan melihat pada

perkembangan nilai murni dalam karya untuk membentuk akhlak para remaja. Metodologi kajian yang digunakan adalah pendekatan kualitatif meliputi analisis teks manakala pengkaji menggunakan pendekatan moral yang terkandung dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Hasil dapatan mendapati bahawa teks tersebut menyentuh nilai murni seperti nilai kerjasama, kebaikan, rasional dan sebagainya. Oleh itu, dengan adanya elemen ini ianya dapat membentuk sahsiah pelajar kearah lebih cemerlang. Perbezaan antara kajian lepas dan kajian pengkaji adalah penggunaan karya iaitu teks Seteguh Karang dan kajian terdahulu yang mementingkan elemen pendidikan dan moral dalam pendidikan sastera.

Anggy Ferliana et al (2022) menerusi kajian Analisis Watak Dan Perwatakan Dalam Novel Si Anak Pemberani Karya Tere Liye Melalui Pendekatan Moral. Kajian ini diterbitkan oleh *YLIP (Yayasan Linggau Inda Pena)*. Tujuan pembikinan kajian ini adalah untuk menghuraikan watak dan perwataka melalui teknik analisis serta teknik dramatik berlandaskan pendekatan moral. Metodologi yang diguna pakai adalah pendekatan kualitatif iaitu meliputi kaedah analisis teks dan kaedah kepustakaan. Hasil dapatan mendapati novel Si Anak Pemberani ini menunjukkan watak tentang kasih sayang, tanggungjawab, kejujuran dan sebagainya. Novel ini mengandungi pelbagai nilai moral yang dapat membantu masyarakat untuk membentuk diri menjadi lebih unggul. Perbezaan antara kajian lepas adalah mengaplikasikan pendekatan moral berbanding kajian pengkaji dimana tidak menggunakan pendekatan atau teori. Bagi persamaan pula iaitu kedua-dua kajian melihat kepada elemen moral.

Menerusi kajian Analisis Struktural Novel Ethile Karya Benny Arnas Melalui Pendekatan Moral yang dihasilkan oleh Hera Aprilla et al (2022). Terdapat objektif kajian yang menghuraikan struktur novel Ethile hasil karya Benny Arnas berlandaskan pendekatan moral. Metodologi kajian yang diaplikasikan adalah pendekatan kualitatif iaitu merangkumi kaedah kepustakaan serta analisis teks. Hasil dapatan daripada penyelidikan ini mendapati bahawa

terdapat beberapa bab yang mengandungi struktur yang tersendiri. Misalnya, bab “Lea” mengandungi struktur antara hubungan manusia dengan Tuhan seperti berdoa, bersyukur, solat, puasa dan beristighfar manakala bab “Sommer” iaitu struktur antara hubungan manusia dengan manusia. Seterusnya, bab “Ethile” iaitu struktur antara manusia dengan diri sendiri. Oleh itu, daripada novel ini dapat dilihat bahawa kesemua bahagian struktur yang dikaji menerusi pendekatan moral terdapat aspek struktur watak misalnya hubungan manusia dengan Tuhan. Perbezaan kajian lepas dan kajian pengkaji adalah penggunaan karya iaitu novel dan penyelidikan terdahulu yang memfokuskan kepada pembelajaran kesusasteraan.

Analisis Nilai-Nilai Moral Dalam Novel “Kembang Turi” Karya Budi Sardjono ditulis oleh Maguna Eliastuti pada tahun (2017). Tujuan penulisan ini dilakukan adalah untuk mengungkapkan nilai-nilai moral dalam novel Kembang Turi. Kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah pendekatan kualitatif iaitu kaedah kepustakaan. Selain itu, pengkaji mengaplikasikan pendekatan moral bagi melihat makna intrinsik dan ekstrinsik yang terdapat dalam novel tersebut. Oleh itu, hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat aspek positif dan negatif pada watak utama iaitu Dirman, Marni dan Manaf. Manakala bagi aspek negatif pula tidak disarankan kepada masyarakat untuk mengambil sebagai teladan tetapi untuk kesedaran. Perbezaan yang terdapat dalam kajian lepas adalah menggunakan novel fiksi manakala kajian pengkaji pula menggunakan kajian terdahulu.

2.5 Pengkajian Berkaitan Sastera dan Moral Dalam Bidang Lain

Abdul Rahman Ahmad Hanafiah pada tahun (2007) menerusi kajian Elemen Patriotik Dalam Filem P.Ramlee. makalah ini dibentangi sempena Forum Bicara Seni Seniman Agung P. Ramlee - Seniman Sepanjang Zaman. Tujuan penghasilan makalah ini adalah untuk melihat nilai patriotisme dalam filem beliau yang tersembunyi dengan kiasan, pemikiran dan sebagainya. antara filem yang dipetik adalah Pendekar Bujang Lapok, Keluarga 69, Semerah

Padi dan lain-lain. Pendekatan kualitatif yang digunakan merangkumi analisis konten yang terdapat dalam filem-filem allahyarham P. Ramlee. Hasil dapatan daripada kajian ini adalah filem-filem beliau mempunyai unsur-unsur moral dan perpaduan dimana penglibatan pelbagai kaum misalnya kaum Melayu, Cina dan India pada setiap babak-babak dalam filemnya dapat memberikan kesan terutamanya dalam mengeratkan hubungan persaudaraan antara kaum Melayu dan kaum lain. Selain itu, sesetengah babak mempunyai kiasan yang memberikan unsur moral kepada penonton. Sebagai contoh, bantu-membantu antara satu sama lain di dalam filem Nujum Pak Belalang yang menunjukkan sikap masyarakat kampung tersebut. Terdapat perbezaan pada kajian pengkaji dan kajian lepas iaitu pengkaji memfokuskan kepada pendidikan.

Hanafi Jumrah & Zulfazlan Jumrah pada tahun (2021) menulis tesis bertajuk *Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal: Agen Didaktik Pada Layar Budaya*. Tesis ini diterbitkan oleh *Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu (RENTAS 2021)*. Tujuan pelaksanaan tesis ini ialah untuk mengenal pasti beberapa nilai didaktik yang boleh dijadikan pengajaran yang terdapat di dalam filem *Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal* dan membincangkan perkaitan nilai didaktik tersebut dengan elemen kebudayaan masyarakat Malaysia khususnya masyarakat Melayu. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan pendekatan kualitatif iaitu menggunakan analisis tekstual yang dihasilkan oleh Mckee (2003). Sehubungan dengan itu, dalam menganalisis beberapa babak dalam filem ini dengan mengaplikasikan konsep budaya yang dibentuk oleh Edward B. Tylor (2016). Hasil dapatan telah menunjukkan kesan iaitu ianya memfokuskan kepada konsep budaya oleh Edward B, Tylor dimana terdapat beberapa babak yang memberikan elemen moral iaitu persahabatan merentasi sempadan perkauman dan penghargaan kepada khazanah warisan bangsa iaitu menunjukkan babak permainan wayang kulit. Antara perbezaan kajian lepas adalah

menggunakan filem sebagai bahan kajian manakala kajian pengkaji menggunakan kajian terdahulu untuk mencapai objektif kajian.

Menerusi kajian Penggunaan Multimedia Ke Arah Memartabatkan Cerita Rakyat Masyarakat Melayu yang ditulis oleh Mohd Firdaus Che Yaacob pada tahun (2021). Tujuan pelaksanaan kajian ini adalah untuk menganalisis budaya berfikir masyarakat Melayu yang terkandung dalam contoh-contoh cerita rakyat Melayu. Selain itu, menganalisis akal budi masyarakat Melayu yang terkandung dalam contoh-contoh cerita rakyat Melayu dan membincangkan penggunaan perisian teknologi multimedia dalam memartabatkan cerita rakyat Melayu secara umum. Metodologi kajian yang diaplikasikan adalah pendekatan kualitatif iaitu dengan cara pengumpulan data serta menganalisis data secara betul. Hal ini dikatakan demikian kerana cerita rakyat tersebut telah dipilih secara rawak dan dikaji mengikut unsur akal budi dan budaya pemikiran masyarakat Melayu. Oleh itu, hasil kajian ini mempamerkan bahawa bidang teknologi memainkan peranan yang sangat penting kepada bidang kesusasteraan khususnya cerita rakyat untuk mencapai ke tahap yang lebih tinggi. Persamaan antara kajian lepas dan kajian pengkaji adalah tidak menggunakan sebarang teori atau pendekatan. Malah, perbezaan pula adalah dari segi bidang iaitu kajian lepas menumpukan pada bidang teknologi manakala kajian pengkaji memfokuskan pada bidang pendidikan.

Kajian Tombiruo: Adaptasi Novel Ke Filem dan Representasi Kepercayaan Setempat dijalankan oleh Hani Salwah Yaakup pada tahun 2018 bertujuan untuk mengenal pasti dan membincangkan berkenaan representasi kepercayaan setempat yang dipaparkan menerusi sebuah novel dan filem Tombiruo: Penunggu Rimba. Metodologi yang diguna pakai oleh pengkaji adalah pendekatan kualitatif iaitu membandingkan elemen naratif serta watak dan perwatakan yang terdapat dalam novel yang dihasilkan pada tahun 1998 dan filem Tombiruo: Penunggu Rimba pula di tahun 2017. Perkara ini dilihat menerusi perbandingan pandangan tokoh yang mengkhususkan kepada unsur kepercayaan dan adat masyarakat Kadazandusun.

Hasil dapatan mendapati bahawa masyarakat Kadazandusun perlu hidup dengan berpandukan moral bagi mengelakkan berlaku sebarang perkara yang tidak diinginkan yang dianggap sebagai pembalasan daripada roh jahat. Persamaan yang terdapat dalam kajian lepas dan kajian pengkaji adalah kedua-duanya tidak menggunakan teori dan pendekatan. Perbezaan pula ialah kajian lepas menumpukan pada teknologi iaitu adatasi novel ke filem manakala kajian pengkaji memfokuskan pada pendidikan.

Menerusi kajian *Dimensi Politik Secara Metafora Melayu Dalam Novel Anak Mat Lela Gila* yang dihasilkan oleh Arif Mohamad dan Norhayati Ab Rahman pada tahun (2017) bertujuan untuk memperlihatkan bagaimana pengarang Melayu menghubungkan dimensi politik sebagai perlambangan dalam novel tersebut. Antara metodologi yang diaplikasi adalah pendekatan kualitatif iaitu analisis teks yang terdapat dalam dialog novel *Anak Mat Lela Gila* hasil karya Ishak Haji Muhammad (1941). Selain itu, kajian ini turut dikaji berdasarkan pandangan Hasan Ahmad iaitu *Metafora Melayu* serta pandangan Yuri Lotman iaitu paradigma semiotik kebudayaan. Manakala analisis tekstual dan kontekstual turut diaplikasikan bagi memperlihatkan perkaitan antara dimensi politik secara perlambangan dalam novel tersebut. Dapatan kajian yang diperolehi adalah pelbagai unsur metafora yang terdapat dalam novel itu serta menunjukkan tentang pemikiran pengarang Melayu berada di tahap teliti dan genius untuk menyampaikan sesuatu perkara hanya melalui kiasan. Kajian lepas menunjukkan perbezaan pada penggunaan pandangan tokoh atau pendekatan manakala kajian pengaji tidak menggunakan teori dan pendekatan.

Kajian *Penggunaan Teromba Dalam Pengacaraan Majlis: Satu Kesantunan Bahasa* yang ditulis oleh Fatah Aswadi Nasri pada tahun (2023). Tujuan penghasilan kajian ini adalah bagi mengenal pasti teromba yang digunakan dalam teks pengacaraan majlis serta melihat sejauhmana teromba dalam teks pengacaraan majlis memenuhi aspek kesantunan berbahasa. Kaedah kajian yang diaplikasikan adalah pendekatan kualitatif iaitu merangkumi analisis teks

terhadap buku *Teromba Pengacaraan Majlis* yang dihasilkan oleh Mohd Rosli Saludin pada tahun 2009. Selain itu, kaedah kepustakaan menerusi kajian lepas seperti jurnal, tesis, artikel dan sebagainya. Kajian ini juga menggunakan teori Kesantunan Leech. Hasil dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan teromba dalam teks pengucapan majlis bukan sahaja sebagai penyeri ucapan tetapi melambangkan nasihat atau pujian kepada seseorang. Oleh itu, terdapat perbezaan pada kajian lepas iaitu ianya menggunakan teromba sebagai teras utama manakala kajian pengkaji pula mengaplikasikan kajian terdahulu berpaksikan tajuk kajian pengkaji.

Menerusi kajian *Interpretasi Resepsi Sastera Menerusi Lirik Lagu Tolong Ingatkan Aku* yang ditulis oleh Mohd Faradi Mohamed Ghazali & Nordiana Ab. Jabar pada tahun (2020). Tujuan penghasilan kajian ini adalah untuk menganalisis peranan lirik lagu tersebut dalam menempa unsur positif terhadap masyarakat yang mendengarnya. Selain itu, metodologi kajian yang telah diaplikasikan dalam tesis ini adalah pendekatan kualitatif yang meliputi analisis teks serta kaedah kepustakaan. Bahkan, kajian ini menggunakan Teori Resepsi untuk membuktikan bahawa lagu tersebut dapat menghuraikan penggunaan dari segi gaya bahasa, perlambangan, teknik penulisan dan unsur kesamaran bagi mendapatkan hasil yang mengkhususkan kepada falsafah gaya penyampaian penulis. Dapatan kajian mendapati bahawa lagu *Tolong Ingatkan Aku* merupakan karya yang mempunyai unsur nasihat kepada kehidupan seseorang supaya mereka tidak mudah lupa ketika berada di kemuncak kegemilangan. Perbezaan yang dapat disimpulkan daripada kajian lepas serta kajian pengkaji adalah penggunaan teori. Misalnya kajian ini menggunakan Teori Resepsi manakala kajian pengkaji menggunakan kaedah SLR.

Kajian *Ilmu Perubatan Melayu Tradisional dari Naskhah-Naskhah Lama* yang ditulis oleh Harun Mat Piah pada tahun (2015) membincangkan berkenaan ilmu perubatan Melayu Tradisional yang terkandung dalam manuskrip-manuskrip Melayu lama. Perbincangan makalah ini meliputi beberapa buah Kitab Tib yang terpilih serta mengkategorikannya

mengikut nama serta jenis penyakit, proses rawatan yang dijalankan, ubat-ubatan, proses penghasilan ubat, bahan serta ramuannya. Selain itu, ianya juga merangkumi cara penggunaan ubat-ubatan, pantang larang dan cara pencegahan penyakit, khasiat perubatan beberapa jenis ramuan misalnya jenis herba yang bagus untuk dijadikan pengubatan kepada kesihatan masyarakat. Makalah ini juga mempunyai rujukan khas bagi mendapatkan hasil perbincangan yang bernas iaitu daripada Kitab Tajul Muluk. Oleh itu, hasil dapatan mendapati bahawa pemilihan aspek serta item mempunyai hubung kait antara satu sama lain dan kerelavannya dalam persekitaran kehidupan masyarakat pada zaman sekarang. Terdapat perbezaan yang dalam kajian lepas iaitu memfokuskan pada bidang perubatan manakala kajian pengkaji menekankan pada bidang pendidikan.

Menerusi kajian *Transgenesis: Pelanggaran Etika Bioteknologi Dalam Karya Sastera* yang ditulis oleh Maharam Mamat pada tahun (2009). Tujuan penghasilan kajian ini adalah untuk menyampaikan tentang pelanggaran dalam bidang bioteknologi yang mempengaruhi etika dan pelaksanaan penyelidikan. Hal ini dikatakan demikian kerana tidak banyak karya sastera yang mengutarakan berkaitan isu sains dan teknologi dilaksanakan di Malaysia. metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah pendekatan kualitatif iaitu meliputi analisis teks serta kaedah kepustakaan. Hasil kajian mendapati bahawa novel *Transgeneis: Bisikan Rimba* menerangkan konteks bioteknologi dengan lebih jelas dimana ianya memasukkan pelbagai genre seperti fakta sains, kemajuan teknologi, fantasi, imaginasi dan sebagainya. Perbezaan yang muncul pada kajian lepas ialah memfokuskan kepada kajian berkaitan sains manakala kajian pengkaji menekankan pada bidang pendidikan.

Kajian *Emosi Dan Ironi Dalam Puisi Usman Awang: Tafsiran Pragmatik* yang dihasilkan oleh Mary Fatimah Subet pada tahun (2017) memfokuskan pada bidang psikologi. Tujuan penghasilan kajian ini adalah untuk mengkaji emosi dari aspek linguistik dan bahasa yang biasanya akan dikaji dalam bidang psikologi. Metodologi kajian yang diaplikasikan oleh

pengkaji merupakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif iaitu meliputi analisis teks dan pengedaran borang soal selidik. Kajian ini menggunakan Teori Linguistik iaitu teori relevans (TR) yang dibentuk oleh Sperber dan Wilson. Hasil dapatan mendapati bahawa pembaca akan merasakan kewujudan emosi tersirat setelah membaca sajak tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan teori linguistik itu dapat menyelesaikan makna dan emosi tersirat. Oleh itu, bidang psikologi dapat menghubungkan dengan bidang linguistik serta bahasa untuk mendalami emosi. Perbezaan yang terdapat dalam kajian lepas ialah penggunaan Teori Linguistik manakala kajian pengkaji pula tidak mengaplikasikan sebarang teori atau pendekatan.

2.6 Kesimpulan

Rumusan yang dapat dibuat berdasarkan pernyataan di atas adalah kajian yang telah dilaksanakan terdahulu dikatakan banyak membahaskan tentang nilai moral dalam karya sastera. Malah Teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan moral turut sama digunakan dalam kajian lepas. Walaubagaimanapun, kajian mengenai elemen pendidikan dan moral dalam pembelajaran tidak menjadi masalah jika tidak menggunakan sebarang teori ataupun pendekatan. Hal ini dikatakan demikian kerana, kajian ini memfokuskan kepada mengenal pasti elemen pendidikan dan moral dalam pembelajaran khususnya pendidikan kesusasteraan dan menganalisis kepentingan elemen pendidikan dan moral terhadap pelajar dalam pembelajaran pendidikan sastera. Oleh itu, kajian ini dihasilkan untuk memberi perspektif terhadap elemen pendidikan dan moral dalam kaedah pengajaran serta pembelajaran khususnya kepada pelajar-pelajar kesusasteraan.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab 3 ini mengemukakan bentuk kajian yang diterapkan oleh pengkaji, kaedah pengumpulan maklumat dan diaplikasikan juga *Systematic Literature Review (SLR)* dan kerangka kajian dengan lebih jelas. Dalam bahagian ini, pengkaji menjelaskan reka bentuk kajian dan kaedah kajian yang dilaksanakan. Selain itu, dalam bab ini kaedah pengumpulan data dilaksanakan bagi menganalisis maklumat serta bahan bukti untuk mendapatkan hasil yang sahih dan tepat. Walau bagaimanapun, bab ini juga merangkumi pembahagian mengenai kaedah kajian yang dihasilkan oleh pengkaji. Kaedah ini diaplikasikan menerusi pelbagai cara seperti rujukan kepustakaan, analisis tekstual dan sumber Internet bagi mengumpulkan maklumat berdasarkan tajuk kajian iaitu kepentingan elemen pendidikan dan moral dalam pendidikan sastera.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji adalah bertujuan untuk mencapai ketepatan data supaya bukti-bukti yang diperoleh itu lebih tepat dan jelas. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian lepas komprehensif. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian yang dijalankan ini menghuraikan maklumat yang memfokuskan kepada elemen pendidikan dan moral khususnya dalam pembelajaran pendidikan sastera. Selain itu, kaedah sumber Internet dan sumber perpustakaan turut diaplikasikan dalam kajian ini. Reka bentuk kajian ini dilakukan untuk membayangkan secara ringkas tentang kaedah kajian yang akan dihasilkan.

Sehubungan dengan itu, reka bentuk kajian ini dilaksanakan berlandaskan objektif yang hendak dicapai oleh pengkaji iaitu mengenal pasti teknik pendidikan dan elemen moral dalam

pendidikan sastera menerusi kaedah *SLR* serta menganalisis kepentingan teknik pendidikan dan elemen moral terhadap pelajar dalam pembelajaran pendidikan sastera menerusi kajian lepas. Hal ini dilakukan bertujuan untuk mendapatkan maklumat dengan lebih tepat dan terperinci agar kajian ini berada di landasan yang ditetapkan. Oleh itu, dengan kewujudan kaedah kajian ini maka hasil dapatan akan lebih mudah difahami dan diterima.

3.3 Kaedah Kajian

Kajian yang dilakukan ini mengenai kajian lepas yang terpilih, kepentingan elemen pendidikan dan moral kepada pelajar elektif sastera. Maka, kajian ini sesuai menggunakan pendekatan kajian lepas komprehensif. Tujuan kajian ini dihasilkan adalah untuk mendapatkan maklumat yang jelas. Antara kaedah kajian yang dipilih oleh pengkaji merangkumi sumber Internet, kaedah kepustakaan dan analisis tekstual. Berikutan dengan kaedah kajian yang terpilih adalah untuk memperkukuhkan lagi hujah yang dilakukan berdasarkan penganalisan terhadap kajian lepas yang terpilih berdasarkan tajuk kajian pengkaji. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan kaedah kajian yang dipilih ini dapat memaparkan data yang bertepatan dengan objektif kajian pengkaji. Maka, elemen pendidikan dan moral dalam kajian lepas yang diterapkan dalam pembelajaran pendidikan kesusasteraan menunjukkan perkara itu mempengaruhi cara pembelajaran para pelajar serta dapat membentuk sahsiah diri mereka serta kefahaman terhadap subjek tersebut.


3.3.1 Kaedah Kepustakaan

Kaedah kepustakaan ini digunakan bertujuan untuk menekankan kepada maklumat pencarian bahan bukti di perpustakaan. Pengkaji mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan penyelidikan terdahulu yang telah diterbitkan mengenai elemen pendidikan dan moral dalam karya sastera menerusi pendekatan moral di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan. Bukan itu sahaja, pengkaji turut mengkaji dan meneliti dokumen yang mempunyai hubung kait

dengan tajuk kajian khususnya dalam konteks pendekatan moral misalnya buku, artikel, dan jurnal. Oleh hal demikian, kesemua sumber ini akan di analisis untuk memastikan maklumat tersebut jelas dan sahih sebelum menjalankan kajian penyelidikan. Hal ini dikatakan kerana dengan melakukan pembacaan terhadap sumber-sumber rujukan yang diperoleh daripada perpustakaan tersebut maka secara tidak langsung ianya menambahkan pengetahuan serta idea-idea kepada pengkaji untuk mendalami tajuk kajian berkenaan. Oleh itu, kaedah kepustakaan ini sangat penting dalam membantu menghasilkan kajian ilmiah pengkaji kerana mempunyai maklumat-maklumat yang jelas.

3.3.2 Kaedah Analisis Tekstual

Kaedah ini memfokuskan kepada analisis teks terhadap dokumen-dokumen digital mahupun bertulis yang berkaitan dengan tajuk kajian. Segala dokumen yang dicari perlu dianalisis dengan sebaiknya supaya pengkaji dapat memperolehi maklumat dengan sahih dan tepat bagi melaksanakan kajian ini. Sebagainya contoh, pengkaji akan meneliti di bahagian objektif kajian, tujuan kajian dijalankan, analisis kajian serta dapatan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Antara dokumen yang diambil untuk melakukan kajian ini adalah jurnal, tesis, *Researchgate* dan *Google Scholar* dan sumber rujukan bertulis lain. Berdasarkan pendapat Nik Murshidah et al. (2018), iaitu dalam pandangan Joubish, Farooq dan Asyraf (2011) menyatakan bahawa analisis tekstual ialah teks yang dikaji berpandukan pengkaryaan, ketelitian teks serta maksud yang terdapat dalam sesuatu teks tersebut. Selain itu, kesemua data dan info yang berkaitan boleh didapati dalam pelbagai jenis bentuk misalnya dalam kerangka gambar, penulisan, rajah dan sebagainya. Oleh itu, dengan mengaplikasikan teknik analisis tekstual ini ianya membantu pengkaji untuk melakukan kajian ini dengan sempurna dan lengkap menerusi pemerolehan data yang dapat dikumpulkan agar kajian ini mencapai tujuan sebenar.



Rajah 3.1 Teknik Analisis Tekstual Berdasarkan Kajian-kajian Lepas

3.3.3 Sumber Internet

Kaedah kajian yang berlandaskan sumber Internet ini digunakan bagi mencari data-data yang berteraskan kepada elemen pendidikan dan moral dalam kajian lepas. Langkah ini diterapkan untuk mendapat akses data-data daripada kajian terdahulu yang telah diterbitkan oleh laman sesawang yang berdaftar dan sah untuk digunakan misalnya *Digital Special Collection Portal (UMK Repository)*, *Researchgate*, *Google Scholar* dan sebagainya. Pengkaji telah menganalisis

sebanyak mungkin artikel, jurnal dan sukatan pelajaran atau pengajaran yang berkaitan berlandaskan skop kajian silibus pembelajaran elektif kesusasteraan untuk diaplikasikan sebagai sumber rujukan. Berdasarkan pendapat Kamarul Azmi Jasmi (2012) menyatakan bahawa pengumpulan data menerusi analisis dokumen dapat memberikan data yang benar sertarelevan kepada isu dan juga masalah yang dianalisis. Oleh hal demikian, pengkaji memastikan setiap maklumat yang dikumpulkan akan dikaji serta diteliti terlebih dahulu supaya data tersebut bertepatan dengan konteks objektif dan juga skop kajian pengkaji.

3.4 *Systematic Literature Review (SLR)*

Systematic Literature Review (SLR) diaplikasikan dalam kajian ini supaya dapat memberikan hasil dapatan kajian yang selari bagi memenuhi objektif kajian yang telah diusulkan oleh pengkaji. *Systematic Literature Review (SLR)* merupakan kaedah penyelidikan yang digunakan oleh pengkaji untuk mengenal pasti, membandingkan dan menjelaskan secara terperinci hasil penyelidikan iaitu tesis atau jurnal lepas yang berkaitan dengan tajuk atau persoalan kajian pengkaji. Kajian bebas atau dikenali sebagai kajian individu adalah satu bentuk kajian primer manakala kajian sistematik pula adalah kajian sekunder. Oleh hal demikian, *SLR* membawa maksud sebagai proses untuk mendokumentasi, menilai serta menyatakan kesemua data penyelidikan yang telah dikumpul untuk digunakan sebagai pemberi jawapan kepada persoalan kajian tersebut. Berdasarkan pandangan Higgins et al. (2011) menyatakan bahawa *SLR* digunakan bertujuan untuk mencari dan mensintesis sesuatu penyelidikan yang berkaitan secara menyeluruh menggunakan kaedah yang teratur, telus, serta tiada keraguan dan boleh diulang pada proses seterusnya.

Antara fungsi teknik analisis data *SLR* adalah untuk menyatukan serta mendalami pelbagai hasil penyelidikan yang berkaitan dengan tajuk kajian pengkaji. Maka, fakta yang

dinyatakan dalam hasil sintesis itu amat penting kepada “*decision maker*” untuk menyempurnakan kajian ini

3.4.1 Sejarah *Systematic Literature Review (SLR)*

Systematic Literature Review (SLR) menunjukkan kewujudannya dengan perkembangan kaedah serta pendekatan dalam bidang penyelidikan saintifik. Meskipun, sebutan “*Systematic Literature Review*” dikatakan baru menyelinap dalam ruangan dunia penyelidikan tetapi konsep pengumpulan, sintesis dan analisis sistematik kesusasteraan telah mula bertapak dalam pelbagai bidang sudah sekian lama. Perkara ini menegaskan bahawa ulasan literatur terjurus kepada subjektif dan ianya tidak berstruktur. Oleh hal demikian, pengkaji telah memilih kajian lepas yang relevan dengan kajian mereka serta menyatakan pendapat sendiri mengenai sesuatu tema kajian tersebut. Di samping itu, pada tahun 1970-an, permintaan muncul khususnya untuk prosedur yang lebih teratur bagi mengumpul dan mensintesis kesusasteraan yang tersedia ada.

Justeru itu, kaedah meta-analisis digunakan dalam bidang perubatan bagi mensintesis bukti daripada kajian klinikal. Perkara ini dijelaskan kerana meta-analisis ini merangkumi penggunaan statistik untuk menghubungkan dan menganalisis data secara kuantitatif daripada kajian lepas yang terpilih mengikut tajuk yang bersesuaian. Maka, perkara ini membolehkan pengkaji membuat rumusan lengkap terhadap kajian tersebut. Selain itu, pada tahun 1990-an, pendekatan kajian literatur yang sistematik mula berkembang menyebabkan istilah *SLR* mula digunakan oleh penyelidik-penyelidik. Kaedah ini meliputi tahap yang jelas iaitu mengumpul, memilih dan menganalisis literatur yang mempunyai kaitan dengan persoalan atau tajuk kajian pengkaji.

3.4.2 Ciri-Ciri *Systematic Literature Review (SLR)*

Antara ciri-ciri *Systematic Literature Review* adalah seperti berikut:



Rajah 3.2 Ciri-ciri *Systematic Literature Review (SLR)*

3.4.3 Kaedah Pengaplikasian *Systematic Literature Review (SLR)*

PERANCANGAN (<i>PLANNING</i>)	PEMBANGUNAN (<i>DEVELOPMENT</i>)	HASIL (<i>RESULT</i>)
<ul style="list-style-type: none">•Kenal pasti kajian lepas berkaitan kepentingan elemen pendidikan dan moral dalam pendidikan sastera: Satu penelitian kajian lepas berdasarkan kaedah SLR•Objektif kajian memfokuskan kepada mengenal pasti teknik pendidikan dan elemen moral dalam pendidikan sastera menerusi kaedah <i>Systematic Literature Review</i> serta menganalisis kepentingan teknik pendidikan dan elemen moral terhadap pelajar dalam pembelajaran pendidikan sastera menerusi kajian lepas.	<ul style="list-style-type: none">•Mengenal pasti (<i>Identifying</i>) - sumber pencarian menerusi jurnal serta tesis daripada <i>Google Scholar</i> dan <i>Research Gate</i>.•Saringan (<i>Screening</i>) - kriteria carian adalah berkaitan elemen pendidikan dan moral, dan pendidikan sastera.•Kelayakan(<i>Eligibility</i>) - pencarian maklumat mengenai kajian lepas dari tahun 2012 hingga 2023, dinilai mengikut objektif, isu, serta dapatan, merupakan artikel dan jurnal yang sah.•Kemasukan (<i>Included</i>) - Melakukan penganalisan terhadap maklumat-maklumat dan memilih yang bertepatan dengan kajian.	<ul style="list-style-type: none">•Analisis data yang telah dikenal pasti•Membuat perbandingan antara data yang telah dikumpulkan•Membuat kesimpulan


Kaedah SLR mempunyai tiga bahagian meliputi perancangan (*planning*), pembangunan (*development*) dan hasil (*result*). Menerusi bahagian pertama iaitu perancangan (*planning*) dimulai dengan pencarian kajian lepas berdasarkan jurnal dan artikel yang mempunyai persamaan objektif dan isu berlandaskan kajian pengkaji. Selain itu, bahagian pembangunan (*development*) pula terdapat empat proses merangkumi mengenal pasti (*identifying*), saringan (*screening*), kelayakan (*eligibility*) dan kemasukan (*included*). Pertama, proses mengenal pasti kajian lepas dengan menggunakan laman sesawang *Google Scholar* dan *Research Gate*. Kedua pula, saringan yang perlu di buat mesti mengikut kriteria yang ditetapkan berdasarkan kajian pengkaji iaitu mempunyai kaitan tentang elemen pendidikan dan moral serta pendidikan sastera. Seterusnya, kelayakan sesuatu kajian lepas telah disenaraikan oleh pengkaji di mana kajian tersebut mesti dihasilkan dalam lingkungan tahun 2012 hingga tahun 2023 serta kajian

yang sah disamping itu di nilai mengikut isu, objektif dan dapatan kajian. Kemasukan (*included*) pula, pengkaji melakukan penganalisan terhadap data yang disaring dan memilih berdasarkan ketepatan dengan kajian pengkaji. Akhir sekali, bahagian hasil (*result*) iaitu pengkaji akan menganalisis data berdasarkan pencarian kajian lepas dengan teliti kemudian membuat perbandingan antara data-data tersebut dan mengemukakan kesimpulan untuk mengukuhkan lagi hasil dapatan itu.



3.5 Kerangka Kajian

Kerangka kajian dihasilkan supaya dapat memberikan gambaran secara jelas serta kaedah untuk memenuhi objektif kajian yang telah dicadangkan.



Rajah 3.3 Kerangka Kajian

3.6 Kesimpulan

Rumusan yang dapat dibuat berdasarkan pernyataan di atas adalah kaedah kajian ini digunakan bertujuan untuk mencari info-info serta bukti bagi menghasilkan hujah berlandaskan fakta yang kukuh. Hal ini dikatakan demikian kerana info-info dan sumber yang diteliti dan dianalisis oleh pengkaji untuk mengesahkan kesahihannya perlu menggunakan metodologi kajian yang telah dipilih mengikut kesesuaian kajian tersebut. Perkara ini menyatakan bahawa metodologi kajian amat penting kepada sesuatu kajian itu kerana ianya dapat menjelaskan secara terperinci tentang fungsi sesebuah kajian dan menghuraikan penggunaan kaedah kajian dan juga mendedahkan penggunaan *Systematic Literature Review (SLR)*. Oleh hal demikian, metodologi kajian ialah instrumen yang sangat berguna dalam membentuk kajian yang lengkap berlandaskan kaedah kajian lepas komprehensif yang diaplikasikan oleh pengkaji agar kajian tersebut dapat dihasilkan dengan

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN

4.1 Pengenalan

Kajian ini membincangkan teknik, pendidikan dan elemen moral serta kepentingan kaedah pembelajaran dalam pendidikan sastera. Sehubungan itu, kajian ini diteliti dan dibataskan dengan menggunakan kajian lepas yang berkaitan. Analisis ini telah mengaplikasikan kaedah SLR sebagai penentu untuk menjawab objektif kajian dengan tepat dan teratur. Kaedah SLR ini menggunakan carian sistematik yang ditetapkan seperti *ReserchGate*, *Google Scholar* dan *Digital Special Collection (UMK Repository)* dengan mengaplikasikan kunci carian mengikut tajuk kajian ini seperti elemen pendidikan khususnya kaedah pembelajaran serta pendidikan sastera.

4.1.1 Konsep PRISMA

Pengkaji menggunakan kaedah PRISMA atau lebih dikenali sebagai Item Pelaporan Pilihan untuk Kajian Sistematik dan Analisis Meta (*Preferred Reporting Items for Systematic reviews and Meta Analyses*) untuk membuat pemilihan serta semakan artikel secara sistematik. Kaedah ini digunakan untuk mengekstrak elemen yang mempunyai kaitan dengan elemen pendidikan dan moral serta pendidikan sastera daripada artikel-artikel yang dipilih menerusi portal carian. Kaedah PRISMA ialah proses untuk mengumpul dan membuat tapisan terhadap artikel menerusi proses pertama iaitu pengenalpastian (*identification*). Proses ini merupakan rekod yang dikenal pasti melalui pencarian di portal carian seperti *ResearchGate* dan *Google Scholar*. Manakala, proses kedua pula ialah saringan (*screening*) yang membawa maksud mempunyai rekod yang sama serta mengikut ciri-ciri yang dikeluarkan. Manakala, proses ketiga pula ialah kelayakan (*eligibility*) iaitu artikel yang terpilih akan dibandingkan berlandaskan tajuk dan

abstrak data. Dan akhir sekali proses artikel yang disertakan (*included*) di mana artikel akhir akan dipilih manakala isi kandungannya pula akan dianalisis.

4.1.2 Kerangka Kajian Bab 4




Rajah 4.1: Kerangka kajian bab 4

4.1.3 Proses Pemilihan Artikel

Kaedah *Systematic Literature Review* diaplikasikan dalam kajian ini bagi menganalisis kajian lepas kemudian diikuti dengan tapisan artikel yang tidak berkaitan misalnya dari segi penggunaan bahasa asing dan tidak mengikut kriteria yang ditetapkan oleh penyelidik berkaitan prinsip kajian literatur. Selepas itu artikel yang berbaki disaring dan akhir sekali pengkaji membuat keputusan mengambil artikel yang bertepatan mengikut tajuk, objektif, abstrak serta dapatan yang jelas mengikut kajian pengkaji. Sebanyak 68 artikel yang dicatat berlandaskan kata kunci yang disisipkan dalam portal pencarian pengkalan data. Misalnya, *Researchgate*,

Google Scholar dan Digital Special Collection (UMK Repository). Jadual di bawah menunjukkan carta alir proses pemilihan artikel:



Rajah 4.1: Carta alir proses pemilihan melalui Kajian *Systematic Literature Review*

berdasarkan kaedah PRISMA

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.1.4 Saringan Artikel Mengikut Pengkalan Data

Jadual 4.1: Saringan Artikel Mengikut Pengkalan Data

Pengkalan Data	Researchgate	Google Scholar
Dijumpai	8	68
Dimuat turun	8	68
Bahasa Indonesia dan bahasa Melayu	8	68
Jumlah yang memenuhi ciri-ciri pemilihan	2	28

Rajah di atas menunjukkan artikel yang telah disaring mengikut perbezaan serta persamaan antara dapatan kajian yang telah diteliti berdasarkan teknik pendidikan dan elemen moral serta kepentingan teknik pembelajaran dalam pendidikan sastera.

4.1.5 Senarai artikel yang terpilih

Jadual 4.1: Senarai artikel terpilih

ID	Penulis	Tahun	Kata Kunci	Pangkalan Data
Y1	Rafiza Abdul Razak	2017	Pembelajaran aktif secara kolaboratif dalam talian	Google Scholar
Y2	Norleyza Jailani, et al.	2020	Reka bentuk aplikasi multimedia berasaskan Kinect	Google Scholar
Y3	Mohd Amir Mohd Zahari, et al.	2020	Penggunaan produksi teater	Google Scholar
Y4	Nur Syaza Farha Diyazid, et al.	2017	Penggunaan kaedah pembelajaran koperatif Jingsaw II	Google Scholar
Y5	Azhar MD. Sabil, et al.	2020	Penggunaan Frog VLE	Google Scholar
Y6	Abdul Rasid Jamian, et al.	2016	Pengaplikasian teknik didik hiburan	Google Scholar


Y7	Abdul Rasid Jamian, et al.	2017	Penggunaan peta I-Think	Google Scholar
Y8	Siti Hajar Halili, Rageni Sugumaran	2019	Penggunaan video Youtube	Google Scholar
Y9	Nurul Shuhada Abdul Aziz & Norazimah Zakaria	2021	Menggunakan multimedia dalam pembelajaran teks Sulalatus Salatin	Google Scholar
Y10	Rafiza Abdul Razak	2013	Pembelajaran berasaskan penghasilan penceritaan digital multimedia	Google Scholar
Y11	Muhaymin Hakim Abdullah et al.	2022	Elemen humanisme dalam sistem pendidikan	Google Scholar
Y12	Siti Masrah Sulakah	2017	Aplikasi padlet	Google Scholar
Y13	Rashidah Mohd, et al.	2018	Kaedah Fuzzy Delphi	Google Scholar
Y14	Nur Iffah Atira & Azhar Wahid	2018	Struktur Model Integratif	Google Scholar
Y15	Syahida Nadia Zakaria	2015	Pendekatan Konstruktivisme dan pendekatan tradisional	Google Scholar
Y16	Doratya Gerry & Chemaline Osup	2020	Teknik Berlakon	Google Scholar
Y17	Nurul Farah Nadiah Maspur, et al.	2022	Aplikasi permainan	Google Scholar
Y18	Indirawati Leztiyani	2021	Penggunaan Articulate Storyline 3	Google Scholar
Y19	Zurainu Mat Jasin & Abdull Sukor Shaari	2012	Model Konstruktivisme lima fasa Needham	Google Scholar

Y20	Yahya Othman & Dayang Raini Pakar	2021	Aplikasi perisian cerita interaktif	Google Scholar
Y21	Bhavani Somasundram & Zamri Mahamod	2017	Pembelajaran Koperatif	Google Scholar
Y22	Mechellino Enggol Anak Pius & et al.	2021	Pembelajaran Interaktif	Google Scholar
Y23	Nina Mohd Idrus & Nurfaradilla Mohamad Nasri	2020	Kaedah Flipped Classroom	Google Scholar
Y24	Norazimah Zakaria & Evelyn Anak Sili	2023	Aplikasi Wordwall	Google Scholar
Y25	Mohd Nazri Abdul Rahman & et al.	2021	Aplikasi pendekatan Interpretative Structural Modelling	Google Scholar
Y26	Shofiah	2021	Pembelajaran Teks Hikayat dengan Model CIRC	Google Scholar
Y27	Dian Ramadan Lazuardi & Sri Murti	2018	Model pembelajaran Quantum Jenis VAK (Visual , Audiovisual, Kinestetik)	Google Scholar
Y28	Dina Amelia	2021	Storytelling Slide and Sound	Google Scholar
Y29	Alizah Lambri & Zamri Mahamod	2015	Aktiviti Pembelajaran Berasaskan Masalah	ResearchGate
Y30	Anida Sarudin & et al.	2018	Strategi Efektif Peranti Berfikir CorT (Cognitive Research Trust)	ResearchGate

Rajah di atas menunjukkan senarai artikel yang dipilih mengikut tajuk, objektif, abstrak serta dapatan kajian. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan proses penapisan artikel ini telah dilakukan sebanyak beberapa kali bagi mendapatkan artikel yang selari dengan kajian pengkaji dan mengelakkan daripada berlakunya penggunaan artikel yang sama. Pengkaji membuat pemilihan artikel yang memfokuskan tahun terbitannya dalam lingkungan 11 tahun iaitu dari tahun 2012 sehingga 2023. Kajian ini dipilih kerana ingin melihat kepada beberapa teknik pembelajaran yang diguna pakai oleh tenaga pengajar dalam dunia pendidikan kesusasteraan.

4.2 Jenis teknik pendidikan dan elemen moral dalam pendidikan sastera

Berdasarkan hasil kajian artikel yang disaring, pengkaji telah mengkategorikan jenis teknik pendidikan kepada gaya pembelajaran yang diguna pakai dalam pendidikan sastera. Misalnya, elemen pembelajaran visual, auditori, membaca dan menulis, kinestetik, reflektif, aktif dan logik-matematik. Jadual di bawah menjelaskan maksud elemen pembelajaran seperti berikut:



Rajah 4.2: Tujuh elemen pembelajaran

Menerusi jadual di atas, pengkaji telah mengkategorikan beberapa artikel terpilih kepada tujuh elemen pembelajaran utama yang diketengahkan dalam dunia pendidikan termasuk daripada Model VARK iaitu visual, audio, *reading* dan kinestetik. Elemen pembelajaran visual memaparkan teknik pembelajaran yang menggunakan multimedia meliputi paparan visual, audio, video, dan pelbagai aplikasi-aplikasi pembelajaran yang lain. Selain itu, kaedah pembelajaran auditori pula melibatkan pendengaran yang disampaikan oleh tenaga pengajar kemudian mengkongsikan semula idea daripada maklumat tersebut. Seterusnya kaedah membaca dan menulis tetumpu kepada pembelajaran yang melibatkan pembacaan serta penulisan misalnya pelajar lebih gemar membuat nota sendiri. Kaedah pembelajaran kinestetik merupakan teknik belajar menerusi praktik secara langsung. Sebagai contoh, belajar sambil mengerakkan tubuh badan seperti membaca sambil berjalan, menari atau menjentikkan jari. Kaedah seterusnya adalah reflektif yang terkait dengan cara pembelajaran lebih ke arah muhasabah diri dan introspeksi iaitu melakukan analisis daripada pengalaman yang dialami. Lain daripada itu, kaedah pembelajaran aktif pula melibatkan pembelajaran secara interaktif dan juga penyertaan seperti melibatkan pelajar untuk membawa diri secara aktif dalam kumpulan atau sendiri dalam pembelajaran membabitkan penulisan, perbincangan, penyelesaian masalah dan refleksi. Akhir sekali, pembelajaran logik-matematik iaitu meliputi kaedah menaakul, menyelesaikan masalah sesuatu tugas, belajar menggunakan nombor, penggunaan visual abstrak serta menganalisis hubungan akibat-sebab. Jadual dibawah menunjukkan jenis teknik pembelajaran daripada artikel terpilih mengikut elemen pembelajaran yang disenaraikan di atas seperti berikut:

Jadual 4.2: Jenis teknik pembelajaran

[01] Jenis Teknik Pembelajaran	Bilangan	ID Artikel
Visual	13	Y1, Y2, Y5, Y8, Y9, Y10, Y12, Y17, Y18, Y20, Y23, Y24, Y28
Auditori	1	Y25
Membaca/Menulis	1	Y7
Kinestetik	3	Y3, Y6, Y16
Reflektif	1	Y11
Aktif	9	Y4, Y14, Y15, Y19, Y21, Y22, Y26, Y27, Y29
Logik-Matematik	2	Y13, Y30

Dalam jadual di atas memaparkan tiga puluh artikel yang telah disenaraikan mengikut kategori pembelajaran yang diselaraskan oleh pendidik. Sebanyak tiga belas artikel telah menggunakan teknik pembelajaran jenis visual iaitu merangkumi cara pembelajaran dengan melihat, mengingat dan memikirkan sesuatu maklumat berbentuk carta, grafik, gambar, peta dan sebagainya. Tambahan pula, pembelajaran kaedah ini juga mempunyai bentuk audio dan video bergerak (Rafiza Abdul Razak, 2017; Norleyza Jailani et al, 2020; Azhar MD. Sabil et al, 2020; Siti Hajar Halili & Rageni Sugumaran, 2019; Nurul Shuhada Abdul Aziz & Norazimah Zakaria, 2021; Rafiza Abdul Razak, 2013; Siti Masrah Sulakah, 2017; Nurul Farah Nadiah Maspur et al, 2022; Indirawati Leztiyani, 2021; Yahya Othman & Dayang Raini Pakar, 2021; Nina Mohd Idrus & Nurfaradilla Mohamad Nasri, 2020; Norazimah Zakaria & Evelyn Anak Sili, 2023; Dian Ramadan Lazuardi & Sri Murti, 2013). Manakala teknik pembelajaran auditori merupakan pembelajaran yang mengutamakan deria pendengar. Gaya ini diaplikasikan dengan

cara mendengar sesuatu perkara misalnya pembelajaran yang berkaitan dengan silibus pendidikan sastera menerusi kaset audio, syarahan, perbincangan dan perbahasan sesama pelajar. Maka dengan itu, terdapat satu artikel yang memaparkan serta mengaplikasikan kaedah auditori dalam pembelajaran pelajar (Mohd Nazri Abdul Rahman et al., 2021). Seterusnya, kaedah pembelajaran menulis dan membaca juga telah diaplikasikan dalam pembelajaran pendidikan sastera. Kaedah menulis dan membaca merupakan teknik pembelajaran yang saling lengkap-melengkapi. Hal ini dikatakan demikian kerana tulisan merupakan lambang-lambang bunyi yang diwakili oleh perkataan-perkataan yang ditulis. Apabila lambang-lambang yang ditulis tersebut dibaca maka wujud bahasa menerusi tulisan tersebut. Secara tidak langsung, melalui bahasa, pelajar dapat berfikir dan mendapatkan maklumat berdasarkan penulisan tersebut (Abdul Rasid Jamian et al., 2021).

Menurut Faridah Mahadi et al. (2022) menyatakan bahawa kaedah pembelajaran secara kinestetik merupakan teknik belajar yang memfokuskan kepada pergerakan. Hal ini dikatakan demikian kerana pelajar yang menggunakan teknik belajar ini memerlukan bahan konkrit untuk membantu para pelajar mengingat sesuatu misalnya mereka akan menggerakkan tangan atau memetik jari apabila menghafal sesuatu perkara berkaitan pendidikan sastera. Oleh hal demikian, terdapat tiga artikel yang mengaplikasikan kaedah belajar kinestetik (Mohd Amir Mohd Zahari, 2020; Abdul Rasid Jamian et al, 2016; Doratya Gerry & Chemaline Osup, 2020). Seterusnya kaedah pembelajaran reflektif merupakan jenis pembelajaran yang menjurus kepada pengalaman menerusi refleksi. Hal ini merujuk kepada aktiviti belajar yang dilaksanakan akan diimbas kembali serta menghasilkan kesimpulan. Misalnya pelajar yang menggunakan kaedah ini akan memikir secara terperinci dan membuat penelitian dengan sebaiknya sebelum memutuskan keputusan muktamad. Terdapat satu artikel menggunakan kaedah pembelajaran reflektif iaitu (Muhaymin Hakim Abdulah et al., 2022). Kaedah pembelajaran dalam kategori aktif ini merupakan kaedah yang menggunakan pengalaman lepas

serta menggabungkannya dengan info-info baru dalam proses menyelesaikan sesuatu kerja atau masalah secara individu atau berkumpulan. Kaedah ini sering digunakan oleh pelajar yang aktif dalam kokurikulum serta melibatkan diri dalam aktiviti uji kaji dan sebagainya. Kaedah ini mempunyai sembilan artikel yang diterapkan oleh pendidik dalam pembelajaran di bilik kuliah (Nur Syaza Farha Diyazid et al., 2017; Nur Iffah Atira & Azhar Wahid, 2018; Syahida Nadia Zakaria, 2015; Zurainu Mat Jasin & Abdull Sukor Shaari, 2012; Bhayani Somasundran & Zamri Mahamod, 2017; Mechellino Enggol Anak Pius et al., 2021; Shofiah, 2021; Dian Ramadan Lazuardi & Sri Murti, 2013; Alizah Lambri, 2015) dan akhir sekali kaedah pembelajaran logik-matematik merujuk kepada kebolehan seseorang pelajar untuk menghasilkan alasan, menyelesaikan masalah, belajar menggunakan nombor, maklumat visual abstrak serta menganalisis hubungan sebab-akibat. Terdapat dua artikel yang menggunakan kaedah pembelajaran logik-matematik (Rashidahohd et al., 2018; Anida Sarudin et al.)



Rajah 4.2: Kadar rendah dan tinggi mengikut jenis kaedah pembelajaran

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan kadaran tinggi dan rendah penggunaan kaedah pembelajaran yang diaplikasikan dalam pembelajaran pendidikan sastera. Teknik pembelajaran visual menunjukkan paling tertinggi antara kesemua kaedah pembelajaran yang lain iaitu sebanyak 13 artikel terpilih. Hal ini dikatakan demikian kerana kaedah pembelajaran secara visual yang telah digunakan dalam pengajaran termasuk pembelajaran atas talian dan pelbagai multimedia lain seperti penggunaan aplikasi *Kinect*, laman sesawang *Frog VLE*, penggunaan video *Youtube*, aplikasi *Padlet*, penceritaan digital multimedia, aplikasi permainan, penggunaan *Articulate Storyline 3*, aplikasi perisian cerita interaktif, kaedah *flipped classroom*, aplikasi *Wordwall* dan penggunaan *storytelling slide and sound*. Tambahan pula, pembelajaran secara aktif berkedudukan kedua tertinggi iaitu meliputi teknik belajar secara aktif merangkumi kaedah pembelajaran kooperatif *Jigsaw II*, percampuran struktur model integrative, pendekatan konstruktivisme, penggunaan model konstruktivisme lima fasa *Needham*, pembelajaran secara kooperatif, pembelajaran secara interaktif, pengaplikasian model *CIRC*, model pembelajaran quantum jenis *VAK* (visual, audiovisual, kinestetik) dan aktiviti pembelajaran berasaskan masalah. Kaedah pembelajaran kinestetik pula berkedudukan ketiga tertinggi iaitu meliputi penggunaan produksi teater, pengaplikasian teknik didik hiburan, dan juga teknik berlakon manakala kaedah logik-matematik pula kedudukan keempat iaitu melibatkan teknik *Fuzzy Delphi* dan strategi peranti berfikir *CoRT (Cognitive Research Trust)*. Dan akhir sekali ketiga-tiga kaedah pembelajaran ini berkedudukan rendah dan berkongsi satu artikel iaitu teknik auditori meliputi aplikasi pendekatan *Interpretive structural modelling (ISM)* manakala kaedah membaca dan menulis pula merujuk kepada kaedah penggunaan peta *I-Think* dan akhir sekali kaedah reflektif iaitu penggunaan elemen humanisme dalam sistem pendidikan.


Secara keseluruhannya, didapati bahawa teknik pembelajaran secara visual dan aktif banyak digunakan oleh para pendidik dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan sastera. Hal ini dikatakan demikian kerana kedua-dua kaedah ini telah menunjukkan satu

perubahan kepada pelajar ke arah penerimaan dan kefahaman mereka terhadap pendidikan sastera tersebut. Jelaslah bahawa penggunaan multimedia dan kaedah belajar secara aktif menerusi pelbagai aktiviti yang dijalankan untuk menyelesaikan masalah memberikan kefahaman dengan baik disamping menarik minat pelajar untuk lebih fokus dalam pembelajaran pendidikan sastera.

4.2.1 Konsep J.E.R.I

J.E.R.I (Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek) merupakan sebuah gagasan yang dibentuk oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Hal ini dikatakan demikian kerana konsep ini dihasilkan bagi membentuk rakyat Malaysia khususnya pelajar-pelajar di sekolah mahupun universiti yang berpengetahuan tinggi, mempunyai sifat bertanggungjawab, berakhlak mulia, berketrampilan serta berkeupayaan untuk memperoleh kesejahteraan diri dan dapat memberikan sumbangan kepada keharmonian keluarga, masyarakat dan negara. Konsep J.E.R.I telah diaplikasikan dalam kajian ini melalui unsur moral yang terdapat dalam pembelajaran sastera. Oleh hal demikian, konsep ini telah ditafsirkan seperti di bawah:

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Rajah 4.2: Elemen-elemen dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan

i) **Jasmani**

Aspek jasmani didefinisikan sebagai aktiviti-aktiviti yang melibatkan otot-otot dan sendi. Secara umumnya, jasmani merupakan aktiviti-aktiviti fizikal yang dilaksanakan bukan hanya bertempat di sekolah malah diadakan juga di kawasan komuniti, persatuan dan sebagainya. Antara aktiviti yang turut disenaraikan adalah kemahiran dalam bersukan, lakonan, tarian serta latihan yang semestinya memerlukan seseorang jurulatih untuk mengajar dan melatih. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan pendidikan jasmani dalam proses pendidikan berupaya untuk mengembangkan dan meningkatkan seseorang secara organik, neuromuskuler, perseptual, kognitif serta emosional. Menurut Pettior. B (1999) menyatakan bahawa pendidikan jasmani mendedahkan pelajar untuk mempraktikkan gaya hidup yang aktif dan menyediakan skop kemahiran pembelajaran yang lebih sistematik. Oleh itu, pelajar-pelajar akan menunjukkan perubahan dari segi penampilan berfikir secara kreatif dan kritis, berketrampilan dalam bersosial, tingkah laku moral menerusi aktiviti jasmani yang dilakukan.

ii) Emosi

Perkataan emosi berasal dari bahasa Latin iaitu *emovere*, yang membawa maksud sebagai kecederungan bertindak merupakan hal mutlak dalam emosi. Muhammad Uthman Najati (1993) menyatakan bahawa emosi ditakrifkan sebagai bangkitan perasaan dan juga rasa dalaman hasil tindak balas individu terhadap sesuatu perkara, pengalaman, dan peristiwa yang terjadi misalnya emosi takut, gembira, kecewa, marah, suka, kasih sayang dan sebagainya. Manakala Daniel Goleman (2002) berpendapat bahawa emosi melihat kepada suatu perasaan dan buah fikiran yang khusus, suatu keadaan biologi dan psikologi serta kecenderungan untuk bertindak balas. Sebagai contoh, kedatangan emosi gembira menampakkan perubahan kepada keseronokkan di hati menyebabkan perubahan berlaku pada fisiologi iaitu seseorang akan terlihat ketawa.

iii) Rohani

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (1998) menyatakan bahawa rohani adalah batin yang berkaitan dengan roh, rohaniah atau jiwa. Tetapi rohani membawa maksud sesuatu yang bertentangan dengan jasmani iaitu sesuatu perkara yang bukan berbentuk fizikal dan ianya tidak boleh dipandang dengan mata kasar. Penggunaan istilah rohani ini boleh digambarkan dalam penggunaan harian seseorang iaitu, menurut Imam Al-Ghazali (1058-1111) rohani dilihat perkara yang terbentuk daripada akal, jiwa, nafsu, roh serta aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh seseorang beragama Islam misalnya melakukan ibadah solat, puasa, membaca al-Quran, mempraktikkan sifat-sifat mahmudah (terpuji) dan juga menghindari diri daripada sifat-sifat mahzumah (tercela). Oleh sebab itu, aspek rohani amat penting kepada pembentukan akhlak terutamanya seseorang pelajar. Pernyataan ini disokong oleh Sufean Hussin (2004) berpendapat peranan masyarakat dalam usaha pemantapan unsur kerohanian

dalam diri pelajar perlulah lebih sistematik dan proaktif untuk membimbing serta membentuk akhlak mereka kearah yang lebih baik.

iv) Intelek

Istilah intelek berasal dari bahasa Inggeris iaitu *intellect*. Ianya diertikan sebagai proses kognitif, proses berfikir, keupayaan menghubungkan, kemampuan menaksir dan kebolehan mempertimbangkan serta kemampuan mental atau intelegensi (kecerdasan). Menurut Kamus Dewan (2012) menyatakan bahawa intelek didefinisikan sebagai kemampuan (daya) berfikir dan memahami (menganalisis). Dalam hal ini, orang yang tergolong dalam istilah intelek ini dilihat dari sudut pandang kecerdikan misalnya mereka dapat menyiapkan tugas dengan waktu yang singkat. Selain itu, dapat memahami sesuatu perkara dengan baik dan pantas. Oleh itu hal demikian intelek dapat disimpulkan dengan kemampuan mental dalam menerangkan dan menghuraikan sesuatu perkara dengan jelas dan padat. Tambahan pula, pelajar yang menguasai aspek intelek menerusi kemahiran membaca, menulis serta mengira berpotensi untuk meningkatkan ilmu pengetahuan serta berfikiran kreatif malah memanfaatkan ilmu tersebut untuk diri sendiri dan juga negara.

4.2.2 Artikel yang mempunyai elemen Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Jadual 4.2: Senarai artikel terpilih mengikut aspek pendidikan

Artikel Terpilih	Elemen Falsafah Pendidikan Kebangsaan (J.E.R.I)
Menghayati Ensara Menggunakan Teknik Berlakon Di Dalam Kelas	Jasmani/Rohani
Inovasi Dan Kreativiti Dalam Reka Bentuk Buku Teks Sekolah Menengah: Aplikasi Pendekatan <i>Interpretive Structural Modelling (ISM)</i>	Emosi

Penggunaan Peta Pemikiran I-Think Dalam Pemahaman Komsas Bahasa Melayu	Intelek
Analisis Tinjauan Literatur Sistematis (SLR): Elemen Humanisme Dalam Sistem Pendidikan	Rohani
Aplikasi Kaedah Fuzzy Delphi Dalam Pembangunan Modul Pengajaran Pantun Melayu Berasaskan Maksud Al-Quran Mengenai Keindahan Flora, Fauna Dan Langit Tingkatan 2	Intelek
Strategi Efektif Peranti Berfikir CorT (Cognitive Research Trust) Dalam Pendidikan Bahasa Melayu	Intelek
Kewajaran Penggunaan Produksi Teater Dalam Pembelajaran Genre Drama Melalui Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif	Emosi/Intelek
Pengaplikasian Teknik Didik Hibur Meningkatkan Pencapaian Penulisan Karangan Bahasa Melayu	Emosi
Keberkesanan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham Dalam Pengajaran Komsas Bahasa Melayu.	Intelek
Keberkesanan Pembelajaran Koperatif Terhadap Pencapaian Dan Motivasi Murid Sekolah Menengah Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu	Intelek/Emosi/Rohani
Keberkesanan Pembelajaran Interaktif Dalam Meningkatkan Pencapaian Dan Motivasi Pelajar Bagi Mempelajari Puisi Tradisional	Emosi
Pembelajaran Teks Hikayat Dengan Model CIRC Berdasarkan Jenis Keperibadian Pelajar Kelas X	Rohani

Peningkatan Kemampuan Menulis Puisi Menggunakan Model Pembelajaran Quantum Jenis VAK (Visual, Audiovisual, Kinestetik)	Intelek
Pelaksanaan Aktiviti Pembelajaran Berasaskan Masalah Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu	Intelek
Kesan Aplikasi Perisian Cerita Interaktif Semasa Mengajarkan Kemahiran Bacaan Dan Kefahaman Dalam Kalangan Murid Tahun 4 Di Brunei Darulsalam	Intelek
Keberkesanan Kaedah Flipped Classroom Terhadap Kemahiran Mengolah Perenggan Mudah Dalam Kalangan Pelajar Tahun 1 Luar Bandar	Intelek
Keberkesanan Aplikasi WordWall Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Gaya Bahasa Seloka Boros Dan Jimat Bagi Pelajar Tingkatan 4	Emosi
Upaya Peningkatan Kosa Kata Bahasa Inggeris Melalui Storytelling Slide And Sound	Emosi
Penggunaan Kaedah Pembelajaran Koperatif Jigsaw II Terhadap Pencapaian Pembelajaran Teks Puisi Tradisional Dalam Kalangan Pelajar Kolej Vokasional	Intelek
Percampuran Struktur Model Integratif Dalam Pengajaran Cerpen & Novel	Emosi
Kesan Pendekatan Konstruktivisme Dan Pendekatan Tradisional Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Komponen Bahasa Melayu	Intelek

Strategi Pembelajaran Aktif Secara Kolaboratif Atas Talian Dalam Analisis Novel Bahasa Melayu	Intelek
Reka Bentuk Aplikasi Multimedia Berasaskan Kinect Untuk Pembelajaran Peribahasa Melayu	Jasmani
Keberkesanan Penggunaan Frog VLE Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Komponen Sastera Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Murid Sekolah Menengah	Emosi
Faktor Mempengaruhi Penggunaan Video Youtube Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Dalam Kesusasteraan Tamil	Emosi
Kajian Awal Adaptasi Pengajaran Dan Pembelajaran Menggunakan Multimedia Dalam Pembelajaran Teks Sulalatus-Salatin	Emosi
Pembelajaran Berasaskan Penghasilan Penceritaan Digital Multimedia Bagi Menganalisis Novel Bahasa Melayu	Intelek/Emosi
Aplikasi Padlet Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Komponen Sastera	Emosi
Meneroka Peribahasa: Aplikasi Permainan Dan Pembelajaran Peribahasa Melayu	Emosi
Pengoptimuman Penggunaan Articulate Storyline 3 Dalam Pembelajaran Bahasa Dan Sastera Indonesia	Emosi/Intelek

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan bahawa penggunaan elemen Falsafah Pendidikan Kebangsaan menerusi konsep JERI iaitu nilai pendidikan seperti Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek telah dikenal pasti dalam teknik pembelajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar berdasarkan kajian terpilih. Menerusi artikel yang bertajuk Menghayati Ensaya Menggunakan Teknik Berlakon Di Dalam Kelas (2020) mempunyai aspek jasmani dan rohani hasil daripada teknik pembelajaran secara lakonan. Hal ini dikatakan demikian kerana pelajar telah didedahkan dengan teknik lakonan dengan melakukan sesuatu aksi untuk mendalami watak dan jalan cerita. Pelajar juga dapat menilai baik atau buruk sesuatu perkara yang terdapat dalam isi ensaya maka jika unsur baik boleh dijadikan sebagai pedoman hidup. Oleh itu, teknik lakonan telah didedahkan dengan lebih mendalam supaya para pelajar dapat mempelajari ensaya dengan keseronokan tanpa merasakan kebosanan kerana teknik ini dilakukan secara berkumpulan. Artikel yang kedua iaitu Inovasi Dan Kreativiti Dalam Reka Bentuk Buku Teks Sekolah Menengah: Aplikasi Pendekatan *Interpretive Structural Modelling* (2017). Artikel ini memiliki aspek emosi iaitu menerusi perasaan pelajar yang tertarik kepada buku teks yang mempunyai pelbagai visual serta grafik. Oleh itu, pengaplikasian pendekatan *Interpretive Structural Modelling* merupakan teknik yang menggunakan perisian komputer bagi membolehkan seseorang untuk menyelesaikan tugas misalnya penghasilan buku teks 2D atau 3D berdasarkan pengalaman praktikal yang mereka ada bagi mewujudkan pembelajaran secara sendirian oleh para pelajar disebabkan pembentukan visual. Seterusnya, artikel berjudul Penggunaan Peta Pemikiran I-Think Dalam Pemahaman Komsas Bahasa Melayu (2017) mempunyai aspek intelek iaitu merujuk kepada persediaan yang rapi dan berpengetahuan tinggi seseorang pelajar terhadap peta pemikiran I-Think yang digunakan dalam pembelajaran komsas Bahasa Melayu. Penggunaan kaedah pembelajaran ini dapat meningkatkan keupayaan pelajar untuk berfikir secara aras tinggi dan pantas dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Artikel Analisis Tinjauan Literatur Sistematis (SLR): Elemen Humanisme Dalam Sistem

Pendidikan (2022) menghasilkan sifat rohani menerusi elemen humanisme yang diterapkan dalam pembelajaran di dalam kuliah dan latihan bagi membentuk sahsiah pelajar secara menyeluruh dengan mengalakkan cara berkomunikasi dan refleksi antara pelajar dengan pendidik untuk membentuk seseorang yang bersifat humanistik. Aplikasi Kaedah Fuzzy Delphi Dalam Pembangunan Modul Pengajaran Pantun Melayu Berasaskan Maksud Al-Quran Mengenai Keindahan Flora, Fauna Dan Langit Tingkatan 2 (2018) merujuk kepada aspek intelek. Menurut Helmer (1968) berpendapat bahawa teknik pembelajaran kaedah Fuzzy Delphi merupakan kaedah sistematik yang menggabungkan keputusan individu bagi memperoleh satu kesimpulan. Oleh sebab itu, kaedah ini diguna pakai untuk menghasilkan aktiviti yang dapat membentuk sesuatu masalah yang distrukturkan mengikut had kesukaran yang sesuai dengan keupayaan pelajar membangkitkan pemikiran dan mendorong mereka untuk berfikir.

Artikel Efektif Peranti Berfikir CorT (*Cognitive Research Trust*) Dalam Pendidikan Bahasa Melayu (2018) mengandungi aspek intelek di mana aktiviti pembelajaran menerusi soalan KBAT amat memerlukan teknik CorT. Hal ini dikatakan demikian kerana kaedah CorT ini merupakan Program Ketelusan Kognitif iaitu merangkumi enam jenis tahap pemikiran termasuk keluasan persepsi yang merujuk kepada memberi kebebasan dalam mengekspresikan idea, organisasi berfikir iaitu memberi didikan kepada pelajar untuk berdisiplin ketika berfikir, interaksi pula merujuk kepada penginteraksian ketika berfikir antara kedua-dua pihak dalam pengkongsian idea, Argumen berfikiran kritis dan kreatif melihat kepada pemikiran yang sedang menganalisis sesuatu masalah dan cara seseorang melihat sesuatu perkara dengan membuat pengolahan. Tahap pemikiran yang kelima iaitu maklumat dan perasaan menunjukkan seseorang berfikir terhadap sesuatu dan secara tidak langsung perkara itu akan diproses sebagai maklumat dan tahap pemikiran yang terakhir merupakan tindakan iaitu perkara yang difikirkan akhirnya mengeluarkan satu bentuk penyelesaian kepada

perkara yang difikirkan. Oleh itu, penggunaan teknik pembelajaran ini dapat melahirkan pelajar yang mempunyai pemikiran yang luas disamping cekap menguruskan sesuatu perkara dengan baik. Artikel seterusnya adalah Kewajaran Penggunaan Produksi Teater Dalam Pembelajaran Genre Drama Melalui Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif (2020) iaitu menghasilkan aspek emosi dan intelek. Hal ini dapat dilihat pada teknik pembelajaran ini yang memerlukan kolaborasi dan perbincangan bersama rakan sepasukan. Misalnya aspek intelek merujuk kepada para pelajar digalakkan untuk berfikir serta beraksi secara kreatif untuk mengaplikasikan daya imaginasi ketika melakukan drama pentas. Manakala aspek emosi pula merujuk kepada peluang yang diberikan kepada pelajar untuk meneroka setiap peranan drama pentas misalnya pengolahan skrip, penyediaan aspek sinografi, hiasan pentas dan sebagainya, maka secara tidak langsung ianya akan memberikan keseronokkan kepada pelajar untuk merasakan sendiri pembikinan drama pentas daripada penulisan skrip hingga lakonan. Artikel Pengaplikasian Teknik Didik Hibur Meningkatkan Pencapaian Penulisan Karangan Bahasa Melayu (2016) melihat kepada aspek emosi menerusi kaedah didik hiburan. Teknik ini merupakan aktiviti lakonan yang diserapkan dalam penulisan karangan untuk menjadikan ianya lebih menarik. Hal ini dikatakan kerana teknik pembelajaran ini perlu disampaikan oleh tenaga pengajar iaitu menyebutkan suka kata dengan sebutan dan juga intonasi nada diiringi dengan mimik muka dan lenggokan badan bagi menjadikan ianya satu tarikan kepada pelajar untuk memahami subjek tersebut dan berasa tidak bosan berada di dalam kelas. Secara tidak langsung, keseronokkan belajar itu menjadi faktor kepada peningkatan kemahiran mengarang seseorang pelajar. Keberkesanan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham Dalam Pengajaran Komsas Bahasa Melayu (2012), terdapat aspek intelek iaitu dilihat pada teknik pembelajaran Lima Fasa Needham menekankan orientasi, cetusan idea, penstrukturan semula, aplikasi idea serta refleksi dimana ianya merupakan kaedah pembelajaran secara berkumpulan dan sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana konsep ini membantu pelajar untuk

menghasilkan pengetahuan secara aktif menerusi proses pembelajaran yang terdahulu dan sekarang. Disebabkan penggunaan kaedah pembelajaran ini berunsurkan kognitif maka pelajar akan dapat pengetahuan yang baru menerusi pemikiran yang kreatif dan kritis berdasarkan pengalaman mereka. Selain itu, artikel *Keberkesanan Pembelajaran Koperatif Terhadap Pencapaian Dan Motivasi Murid Sekolah Menengah Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu (2017)* menyatakan aspek intelek, emosi dan rohani dalam penggunaan kaedah pembelajaran ini. Merujuk aspek pendidikan ini pembelajaran secara koperatif menjadi satu tarikan kepada pelajar untuk berasa selesa dan seronok ketika mencari ilmu disamping itu juga pembelajaran ini dapat melibatkan mereka secara aktif dalam pembelajaran kerana ianya melakukan aktiviti secara berkumpulan dan memerlukan idea setiap pelajar. Oleh itu, perkara ini mendorong pelajar untuk lebih bermotivasi dalam menuntut ilmu. Secara tidak langsung pembentukan sahsiah berlaku disebabkan pembelajaran secara kolaboratif dan kemahiran sosial yang wujud ketika menyelesaikan masalah bersama rakan sepasukan.

Keberkesanan Pembelajaran Interaktif Dalam Meningkatkan Pencapaian Dan Motivasi Pelajar Bagi Mempelajari Puisi Tradisional (2021), terdapat aspek emosi yang merujuk kepada penggunaan teknik pembelajaran interaktif dalam talian menerusi padlet, Kahoot, Quizizz dan sebagainya. Hal ini menyebabkan kaedah ini menjadi tarikan kepada pelajar untuk menggunakan bahan pengajaran yang menarik disamping penerangannya yang jelas misalnya mempunyai video, grafik dan sebagainya. Oleh sebab itu, penggunaan teknik ini dapat membantu pelajar untuk mempelajari sesuatu topik dengan cepat dan mudah. Artikel seterusnya iaitu *Pembelajaran Teks Hikayat Dengan Model CIRC Berdasarkan Jenis Keperibadian Pelajar Kelas X (2021)*, teknik pembelajaran Model CIRC menjelaskan pembelajaran secara koperatif iaitu berkumpulan. Menerusi kaedah ini pelajar dapat memupuk aspek rohani dalam diri iaitu dapat meningkatkan semangat serta sifat tanggungjawab semasa proses pembelajaran dijalankan. Misalnya mereka menghargai idea rakan sepasukan ketika

merancang, menyemak dan memperbaiki sesuatu hasil kerja walaupun percampuran antara sifat introvet dan ekstrovet. Peningkatan Kemampuan Menulis Puisi Menggunakan Model Pembelajaran Quantum Jenis VAK (Visual, Audiovisual, Kinestetik) (2018). Kajian ini telah menguna pakai kaedah pembelajaran jenis VAK iaitu mewakili sesuatu visual, bunyi berserta grafik dan keupayaan seseorang mempelajari sesuatu dengan pergerakan. Oleh itu, kaedah ini dapat membentuk aspek intelek kepada pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana pembelajaran jenis VAK semestinya dapat memberi tumpuan yang mendalam pelajar tersebut disamping dapat berinteraksi antara rakan-rakan semasa perbincangan berlaku. Dengan adanya pembelajaran secara berkumpulan ini para pelajar akan aktif dan mengeluarkan idea-idea yang bernas secara tidak langsung dapat mencetuskan suasana pembelajaran yang menyeronokkan di kalangan pelajar. Artikel Pelaksanaan Aktiviti Pembelajaran Berasaskan Masalah Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu (2015). Artikel ini menumpukan kepada pembelajaran berasaskan masalah iaitu dengan mengaplikasikan konsep konstruktivisme dalam pendidikan para pelajar yang berfokuskan kepada pembelajaran secara berkumpulan yang memberi kesan intelek kepada pelajar-pelajar tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana pelajar didedahkan dengan aktiviti kumpulan di mana mereka akan melibatkan diri serta bekerjasama dalam menyelesaikan masalah yang terdapat dalam pembelajaran tersebut. Secara tidak langsung pelajar selaku ahli kumpulan akan bergerak secara aktif membentuk kefahaman sendiri menerusi pengalaman yang ada semasa pembelajaran berlangsung untuk mencari jawapan bagi menyelesaikan masalah itu. Seterusnya artikel Kesan Aplikasi Perisian Cerita Interaktif Semasa Mengajarkan Kemahiran Bacaan Dan Kefahaman Dalam Kalangan Murid Tahun 4 Di Brunei Darulsalam (2021). Penggunaan kaedah ini melibatkan pembelajaran secara interaktif antara para pelajar dengan pengaplikasian media baru justeru memberi kesan intelek kepada mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan perisian cerita secara interaktif dalam pengajaran yang khusus kepada pembacaan dan pemahaman sebenarnya dapat

meningkatkan pencapaian kefahaman serta pengetahuan pelajar dalam aspek bahasa yang menjurus kepada morfologi dan sintaksis. Mereka akan aktif berinteraksi bersama rakan disamping penggunaan aplikasi ini memberi keseronokkan kerana terdapat pelbagai jenis visual serta mudah digunakan.

Keberkesanan Kaedah Flipped Classroom Terhadap Kemahiran Mengolah Perenggan (2020) adalah kajian lepas yang menitikberatkan aspek intelek menerusi kaedah pembelajaran secara dalam talian. Proses pembelajaran ini diperluaskan kegunaannya sejak Covid-19 melanda di negara sejak beberapa tahun lepas. Oleh hal demikian proses pembelajaran tetap dijalankan walaupun berada di luar bilik kuliah. Walhal pembelajaran secara dalam talian dapat membantu para pelajar untuk memperkembangkan kebolehan mereka dalam pembelajaran secara sendiri secara tidak langsung dapat membentuk sifat autonomi pembelajaran dalam kalangan pelajar. Hal ini dapat dilihat pada sesi selepas tamat kuliah di mana pelajar akan menanyakan sesuatu soalan yang kurang difahami atau memberi respons secara spontan kepada guru semasa pembelajaran dijalankan. Oleh itu, perkara tersebut dapat memantapkan kemahiran komunikasi dan interaksi dua hala. Artikel Aplikasi WordWall Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Gaya Bahasa Seloka Boros Dan Jimat Bagi Pelajar Tingkatan 4 (2023) adalah pembelajaran yang melibatkan aspek emosi. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan aplikasi multimedia ini menjurus kepada pelbagai unsur digital yang merangkumi templat di mana ianya membolehkan pelajar untuk memberi reaksi dengan lebih mendalam malah membantu pelajar untuk memahami topik yang diajukan oleh guru. Pelbagai templat yang menarik disediakan menyebabkan pelajar merasa gembira untuk memilih templat yang pelbagai dari segi grafik dan sebagainya. Oleh sebab itu, penggunaan aplikasi ini memberi kesan emosi dimana pelajar merasa keseronokkan semasa belajar gaya bahasa seloka. Selain itu, artikel Upaya Peningkatan Kosa Kata Bahasa Inggeris Melalui *Storytelling Slide And Sound* (2021) dapat menyentuh aspek emosi pelajar. Hal ini dikatakan

demikian kerana kaedah pembelajaran Storytelling Slide And Sound ini dapat menarik perhatian pelajar kerana ianya berunsur media digital. Oleh sebab penggunaan teknik tersebut maka pelajar dapat memberi tumpuan terutamanya terhadap perbahasan, membaca, mendengar, mengucapkan dan sebagainya. Kaedah ini memberi daya imaginatif dan kefahaman kepada pelajar terutamanya dalam situasi percakapan kerana unsur grafik yang berada dalam templat tersebut mempengaruhi pelajar dalam pembelajaran. Artikel Penggunaan Kaedah Pembelajaran Koperatif Jigsaw II Terhadap Pencapaian Pembelajaran Teks Puisi Tradisional Dalam Kalangan Pelajar Kolej Vokasional (2017) mempengaruhi aspek intelek pelajar. Hal ini dapat dikatakan bahawa kaedah ini dibentuk dalam aktiviti berkumpulan. Maka ianya melibatkan interaksi sosial serta membentuk sikap bantu- membantu antara ahli kumpulan untuk memperoleh matlamat bersama. Mereka saling mencurahkan pendapat bersama-sama secara tidak langsung dapat menambahkan ilmu pengetahuan dalam diri. Artikel Percampuran Struktur Model Integratif Dalam Pengajaran Cerpen Dan Novel (2018) pula memberikan aspek emosi dimana teknik ini memfokuskan kepada gabungan antara dua teori iaitu teori pembelajaran kognitif (mental) dan teori pembelajaran sosial (sosiolisasi). Hal ini dikatakan demikian kerana kepentingan mental seseorang untuk melihat dan memahami sesuatu cerita serta disokong pula dengan elemen sosialisasi yang secara tidak langsung dapat membantu pendidik untuk mengajar pelajar untuk melihat sesuatu karya dari pandangan yang sebenar realiti sebuah kehidupan.

Artikel Kesan Pendekatan Konstruktivisme Dan Pendekatan Tradisional Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Komponen Bahasa Melayu (2015) memberi satu aspek intelek yang terlihat pada kaedah yang diguna pakai iaitu pendekatan konstruktivisme yang memfokuskan kepada pembelajaran menggunakan daya fikiran pelajar. Pendekatan ini mempunyai prinsip asas iaitu pengetahuan dibentuk sendiri oleh pelajar, setiap pelajar mempunyai idea atau pengetahuan asas serta proses pembentukan pengetahuan akan

membabitkan aspek sosial serta tenaga pengajar akan menjadi fasilitator untuk memberi tunjuk ajar semasa sesi pembelajaran berlangsung. Oleh itu, konstruktivisme ditakrifkan sebagai satu pemikiran di mana pelajar akan membentuk sendiri sesuatu ilmu secara aktif berlandaskan pengetahuan serta pengalaman yang tersedia ada. Artikel Strategi Pembelajaran Aktif Secara Kolaboratif Atas Talian Dalam Analisis Novel Bahasa Melayu (2017) turut membentuk nilai pendidikan intelek menerusi pembelajaran secara berkumpulan. Hal ini dapat dikatakan bahawa pembelajaran ini mempengaruhi keaktifan pelajar kerana mereka akan lebih bermotivasi untuk menyelidik sesuatu yang belum diketahui berdasarkan penceritaan digital. Maka, pembelajaran kolaboratif ini melibatkan pengalaman, bahasa, strategi serta budaya yang membawa kepada pembelajaran yang lebih berkesan kepada pelajar-pelajar tersebut. Seterusnya, artikel Reka Bentuk Aplikasi Multimedia Berasaskan *Kinect* Untuk Pembelajaran Peribahasa Melayu (2020) melibatkan aspek jasmani iaitu merujuk kepada kaedah pembelajaran yang mengaitkan dengan aktiviti pergerakan deria. Hal ini dikatakan kerana peranti *Kinect* adalah sebuah alat yang berfungsi untuk merangsang aktiviti psikomotor pelajar menerusi gerakan anggota badan. Artikel Keberkesanan Penggunaan *Frog VLE* Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Komponen Sastera Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Murid Sekolah Menengah (2020) mempunyai aspek emosi iaitu kebanyakan pelajar serta guruyang menggunakan kaedah pembelajaran ini memberi reaksi kurang memuaskan kerana ketidakfahaman mereka terhadap cara penggunaan *Frog VLE*. Oleh itu, kaedah ini secara tidak langsung memberikan kesan emosi kecewa kerana kurang berpuas hati kepada teknik pembelajaran ini. Artikel Faktor Mempengaruhi Penggunaan Video Youtube Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Dalam Kesusasteraan Tamil (2019) terdapat aspek emosi melihat kepada penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat meluaskan minat serta berkeyakinan pelajar dalam mengikuti topik yang diajar. Hal ini dikatakan kerana pelajar zaman kini lebih menyukai

pembelajaran berkonsepkan video kerana ianya mudah dan lebih efektif. Oleh sebab itu, pelajar lebih menumpukan perhatian kerana berasa seronok dan selesa untuk belajar.

Selain itu, artikel Kajian Awal Adaptasi Pengajaran Dan Pembelajaran Menggunakan Multimedia Dalam Pembelajaran Teks Sulalatus-Salatin (2021) juga turut memberi aspek emosi kepada pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan multimedia secara tidak langsung dapat menarik minat pelajar untuk mempelajari sesuatu topik dengan lebih peka kerana mengandungi pelbagai unsur media dari segi visual, grafik, audio dan sebagainya. Penggunaan media dalam Sulalatus-Salatin ini merangkumi maklumat yang disampaikan menerusi animasi, video dan sebagainya membuatkan pelajar seronok untuk belajar dan lebih menarik serta faham apa yang disampaikan oleh pendidik. Artikel Pembelajaran Berasaskan Penghasilan Penceritaan Digital Multimedia Bagi Menganalisis Novel Bahasa Melayu (2013) pula melibatkan nilai pendidikan seperti intelek dan emosi. Hal ini dikatakan demikian kaedah ini juga turut melibatkan pembelajaran secara kolaboratif iaitu guru akan mengajar berkaitan fakta dan turut memberikan pelajar untuk menghasilkan penyelidikan secara aktif. Misalnya aspek intelek terdapat dalam pembelajaran berkumpulan dimana pelajar akan terlibat secara aktif dan berani untuk menyuarakan pendapatnya manakala aspek emosi pula adalah pembelajaran secara berkumpulan ini memberikan keseronokkan kepada pelajar kerana dapat berinteraksi sesama mereka. Oleh sebab itu, kaedah ini mampu memupuk sifat kerjasama antara mereka untuk menyiapkan tugas yang diberikan. Menerusi artikel Aplikasi Padlet Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Komponen Sastera (2017) pula memberikan kesan emosi kepada pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan multimedia iaitu aplikasi padlet ini telah menunjukkan tahap minat pelajar terhadap aplikasi ini dalam pembelajaran KOMSAS adalah kedudukan tertinggi disebabkan oleh visual dan grafik telah mempengaruhi minat mereka selain daripada mudah digunakan serta memberi kefahaman untuk mendalami sesuatu topik sangat mudah. Justeru itu, artikel Meneroka

Peribahasa: Aplikasi Permainan Dan Pembelajaran Peribahasa Melayu (2022) telah mengungkapkan aspek emosi. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan multimedia sea-seakan telah menjadi satu fenomena kepada para guru untuk mengaplikasikan kaedah berkaitan media baru. Menjurus kepada penggunaan aplikasi permainan ini sangat membantu kerana pelajar lebih tertarik dengan permainan video. Oleh sebab itu, mereka dapat menerima dan faham tentang peribahasa yang dipelajari berbanding penggunaan kaedah penghafalan. Akhir sekali, artikel Pengoptimumkan Penggunaan *Articulate Storyline 3* Dalam Pembelajaran Bahasa Dan Sastera Indonesia (2021) telah memberi kesan menerusi aspek emosi dan intelek. Hal ini dikatakan demikian kerana kaedah ini menumpukan kepada aplikasi seperti *Powerpoint*. Dengan penggunaan kaedah ini semestinya memberika kesan emosi kepada pelajar kerana mereka berasa seronok untuk melihat dan mempelajari sesuatu topik dengan menggunakan aplikasi yang mengandungi pelbagai kemudahan misalnya video, artikel dan sebagainya manakala aspek intelek pula merujuk kepada kandungan yang terdapat dalam kaedah ini iaitu kuiz serta dapat membantu pelajar untuk berinteraksi bersama rakan mereka. Secara tidak langsung ianya dapat melahirkan pelajar cerdas dan cergas dalam mengahrungi pelbagai situasi.

Berdasarkan pernyataan di atas dapat disimpulkan bahawa aspek pendidikan yang diberi penekanan menerusi kaedah pembelajaran adalah emosi, intelek, rohani dan jasmani. Hal ini dikatakan demikian kerana keempat-empat aspek ini memberikan peranan yang sangat luar biasa khususnya untuk melahirkan para pelajar yang berkualiti disamping menukar konsep pembelajaran tradisional kepada yang baharu. Pernyataan ini disokong oleh Ramli et al. (2019) yang berpendapat bahawa pengajaran yang menggunakan modul atau sesuatu aplikasi pembelajaran multimedia interaktif akan dapat belajar dengan lebih efektif berbanding hanya bergantung kepada kaedah konvensional. Oleh hal itu, pemilihan artikel di atas menunjukkan aspek intelek serta emosi lebih tinggi di mana kebanyakan pembelajaran daripada aspek ini

lebih tertumpu kepada pembelajaran berkhusus kepada multimedia. Maka, secara tidak langsung dapat mengatakan bahawa pengajaran yang menggunakan media baru ini sememangnya dapat menarik minat pelajar untuk lebih tumpu perhatian dengan baik.

4.3 Kepentingan Teknik Pendidikan Dan Elemen Moral Terhadap Pelajar Dalam Pembelajaran Sastera [02]

Kajian ini memfokuskan kepada kepentingan teknik pendidikan dan elemen moral terhadap pelajar dalam pembelajaran pendidikan sastera. Penelitian dan analisis untuk objektif dua ini telah dibataskan dengan hanya tertumpu kepada kajian-kajian lepas yang terpilih. Antara kepentingan kaedah pembelajaran yang diguna pakai oleh tenaga pengajar termasuk untuk menarik perhatian pelajar dalam mempelajari subjek berkaitan kesusasteraan, untuk mengekalkan perhatian pelajar ketika mempelajari subjek berkaitan kesusasteraan, boleh membangkitkan rasa ingin tahu dalam diri pelajar secara mendalam dalam subjek berkaitan kesusasteraan.

4.3.1 Untuk Menarik Perhatian Pelajar Dalam Mempelajari Subjek Berkaitan Kesusasteraan

Pembelajaran yang menyeronokkan menjadi pemangkin kepada pelajar-pelajar untuk lebih fokus dalam kelas. Hal ini dikatakan demikian kerana teknik pembelajaran masa kini perlu diubah dari semasa ke semasa kerana pelajar masa sekarang lebih terdedah dengan pelbagai teknologi yang mampu memberikan mereka rasa kepuasan dan tidak jemu semasa menggunakannya. Penggunaan teknologi seolah-olah mempunyai daya tarikan yang tersendiri misalnya terdapat multimedia yang diterapkan seperti gambar, video, animasi, audio dan sebagainya mempunyai kesan visual khas yang mempamerkan keindahan serta kemudahan untuk digunakan oleh para pelajar. Oleh itu, cara pembelajaran perlu diubah oleh tenaga pengajar mengikut landasan yang baik bagi mengelakkan ilmu pengetahuan yang disampaikan

tidak disia-siakan oleh pelajar bak kata pepatah “masuk ke telinga kanan, keluar ke telinga kiri”. Maka secara tidak langsung, pembaharuan terhadap teknik pembelajaran berunsurkan media baru atau teknologi dapat mempertingkatkan mutu pembelajaran mereka disamping juga dapat memantapkan kaedah penyampaian ilmu daripada tenaga pengajar. Misalnya teknik pembelajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar dalam menyampaikan ilmu berkaitan peribahasa Melayu menerusi aplikasi permainan seperti di bawah;



Rajah 4.3.1: Artikel Aplikasi Permainan dan pembelajaran Peribahasa Melayu

Berdasarkan gambar rajah di atas memaparkan salah satu teknik pendidikan yang diperkenalkan oleh guru iaitu penggunaan aplikasi permainan untuk pembelajaran peribahasa Melayu. Pengapliaksian teknik ini telah dikemukakan oleh guru untuk membantu pelajar dalam memahami dengan lebih mendalam tentang peribahasa Melayu. Menurut Nor Hashimah Jalaludin & Junaini Kasdan (2010) menyatakan bahawa peribahasa Melayu ditakrifkan sebagai alat yang dapat menggambarkan imaginasi puitis yang kaya dengan unsur retorik bukan hanya bunga-bunga bahasa sahaja tetapi bahasa yang indah. Sehubungan dengan itu, peribahasa ini juga mencerminkan sistem konseptual sesuatu bahasa serta kepercayaan terhadap kebudayaan para penutur asal sesuatu tempat (Asmah Haji Omar 1996). Menurut Suzie Goh (1998) berpendapat bahawa aspek peribahasa dipandang enteng walhal peribahasa merupakan salah satu elemen yang sangat penting dalam kemahiran berbahasa. Hal ini dapat dilihat generasi sekarang lebih menyukai penggunaan bahasa slanga misalnya "*sendiri mau tau la*" berbanding penggunaan peribahasa yang membawa maksud sama iaitu "*sudah terang lagi bersuluh*". Oleh itu, bagi memastikan kekekalan penggunaan peribahasa ini kepada generasi seterusnya maka para pendidik perlu melakukan pembelajaran yang membolehkan anak muda terutamanya pelajar untuk mempelajari dan menghayati peribahasa ini dengan baik dan efektif.

Melalui kajian lepas yang tertera di atas mengungkapkan bahawa penggunaan aplikasi permainan ini telah menarik minat pelajar untuk mempelajari peribahasa Melayu dengan lebih tekun dan bersemangat tanpa memerlukan kaedah penghafalan peribahasa. Maka dengan tarikan tersebut membolehkan pelajar berasa seronok untuk menimba ilmu pengetahuan berkaitan kesusasteraan. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan aplikasi permainan ini menyentuh unsur grafik, visual, bunyi, animasi, gerakan, serta interaksi antara pengguna. Menurut Halim dan Hashim (2019) menyatakan bahawa manfaat menjalankan pembelajaran berlandaskan teknologi antaranya, kemahiran komunikasi, penglibatan didalam kelas serta keyakinan diri pelajar dapat ditingkatkan. Oleh itu, usaha guru dalam

memartabatkan pendidikan sastera perlu dimulakan dengan cara penyampaian ilmu tersebut supaya lebih efektif dan meresap dalam ingatan pelajar.

4.3.2 Untuk Mengekalkan Tumpuan Pelajar Semasa Mempelajari Topik Kesusasteraan

Selain daripada pelaksanaan teknik pembelajaran berasaskan multimedia namun terdapat juga pembelajaran yang mampu mengekalkan penumpuan pelajar terhadap topik yang dibicarakan oleh tenaga pengajar. Antara teknik pengajaran tersebut adalah pendekatan konstruktivisme. Menurut Benny A. Pribadi (2009) berpendapat bahawa pendekatan konstruktivisme merupakan satu fahaman yang mempunyai pandangan terhadap pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang adalah hasil daripada proses konstruksi atau bentuk yang dibina sendiri oleh mereka. Dalam erti kata lain ialah seseorang pelajar akan menguasai pengetahuan apabila mereka akan terlibat secara aktif dalam proses pencarian atau pengkajian pengetahuan dan pembentukannya yang terdapat dalam diri pelajar tersebut. Oleh itu, dengan pengajaran yang memfokuskan kepada konsep pembelajaran secara berkumpulan misalnya dapat membantu mereka untuk menyelesaikan masalah tersebut dengan hasil pengetahuan yang dimiliki dalam diri mereka.

KESAN PENDEKATAN KONSTRUKTIVISME DAN PENDEKATAN TRADISIONAL DALAM
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KOMPONEN SASTERA BAHASA MELAYU
(The Effectiveness of Constructivist Approach and Traditional Approach in
Teaching and Learning on Malay Language Literature Component)

SYAHIDA NADIA ZAKARIA
syasyida2461@gmail.com
Kementerian Pendidikan Malaysia

Dihantar pada:
20 Januari 2015

Diterima pada:
19 Jun 2015

Koresponden:
syasyida2461@gmail.com

Abstrak: Kajian ini bertujuan mengenal pasti kesan penggunaan pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) Komponen Sastera (Komsas) dengan pendekatan tradisional terhadap pencapaian murid tingkatan dua. Sebanyak 66 murid tingkatan dua dipilih sebagai subjek kajian daripada sebuah sekolah menengah di daerah Kluang yang dijalankan menggunakan kajian kuasi eksperimen. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah ujian pra-ujian pasca kumpulan kawalan tidak serupa. Murid dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan eksperimen menggunakan pendekatan konstruktivisme dan kumpulan kawalan menggunakan pendekatan tradisional. Ujian-t telah digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi. Hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian murid dalam ujian pra bagi kedua-dua pendekatan, tetapi terdapat perbezaan yang signifikan dalam ujian pasca. Dalam ujian pasca, min markat bagi kumpulan eksperimen adalah lebih tinggi berbanding min markat kumpulan kawalan. Hal ini menunjukkan bahawa pendekatan konstruktivisme dapat membantu pelajar mempelajari Komsas Bahasa Melayu dengan baik. Implikasi kajian ini ialah guru perlu mengubah suai pendekatan pengajaran mereka agar murid dapat mempelajari Komsas dengan lebih seronok dan bermakna.

Kata Kunci: Pendekatan konstruktivisme, pendekatan tradisional, Komponen Sastera Bahasa Melayu (Komsas), pengajaran dan pembelajaran, kuasi eksperimen

Abstract: The purpose of this study was to identify the effect of the constructivist approach in the teaching and learning literature component of Malay Language (Komsas) compared to traditional approach student achievement. 66 form two students were selected for this study from a secondary school in Kluang conducted using the quasi-experimental study. The design used was a nonequivalent control group pre-test/post-test design. Students were divided into two groups, experimental group using the constructivist approach and control group using the traditional approach. Independent samples t-test was used to analyze the data. The findings is there is no significant difference against students achievement in the pre-test for both approaches, but there are significant differences in the post-test. In the post-test, the mean scores for experimental group were higher than the mean scores for control group. The data show that constructivist approach helping students learning Malay language much better. By having this study, teachers can transform their teaching approach so that students can learn about literature component with more fun and meaningful.

Keywords: Constructivist approach, traditional approach, Literature Component of Malay Language (Komsas), teaching and learning, quasi-experimental

Fakulti Pendidikan, UKM @ Nov.2015

Rajah 4.3.2: Artikel kesan pendekatan konstruktivisme dan pendekatan Tradisional

Berdasarkan kajian lepas yang terpapar di atas menunjukkan bahawa penggunaan pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran sastera Bahasa Melayu dapat membantu pelajar untuk mempelajari komponen sastera dengan baik dan mudah. Menurut Abdul Rahim (1998) mengatakan bahawa punca kegagalan tenaga pengajar untuk menggunakan kaedah yang terbaik dalam pengajaran menyebabkan pelajar berasa bosan, mengantuk dan jemu. Maka dengan itu, pengaplikasian pendekatan konstruktivisme dalam pembelajaran komponen sastera dapat membantu para pelajar untuk lebih fokus dan menumpukan perhatian semasa kuliah dijalankan. Hal ini dikatakan demikian kerana pendekatan ini merujuk kepada penglibatan secara aktif pelajar terhadap penyelesaian masalah yang perlu dilakukan dengan fikiran kreatif

dan kritis sama ada secara sendiri mahupun berkumpulan. Penglibatan tenaga pengajar dalam teknik pembelajaran ini turut disertakan kerana guru perlu membimbing pelajar semasa mereka menjalankan aktiviti tersebut. Sebagai contoh, aktiviti penulisan kreatif yang memerlukan pelajar untuk menyatakan idea atau pandangan mereka dalam menyelesaikan tugas itu.

Oleh hal demikian, pembelajaran secara aktif ini dapat mendedahkan pelajar dengan menyelesaikan masalah dengan sendiri serta mampu membina keyakinan mereka dalam menyatakan pengetahuan yang ada dalam diri. Menerusi pendekatan konstruktivisme ini juga mampu membuktikan bahawa pelajar dapat memberi perhatian mereka secara sepenuhnya terhadap pembelajaran tersebut. Hal ini dapat dikatakan demikian kerana pelajar akan berpuas hati apabila dapat menyiapkan tugas yang diberikan atau dapat menyumbang idea kepada rakan sepasukan. Menurut Abdul Jalil Bahtiar (2005) berpendapat bahawa pembelajaran yang menggunakan kaedah konstruktivisme ini dapat membimbing pelajar dalam menghasilkan karangan yang berkualiti dengan diiringi dengan tunjuk ajar daripada guru.

4.3.3 Boleh Membangkitkan Rasa Ingin Tahu Dalam Diri Pelajar Secara Mendalam Terhadap Pendidikan Sastera

Teknik pembelajaran yang memberangsangkan dapat memberikan kefahaman yang jelas kepada pelajar tentang sesuatu ilmu yang mereka pelajari. Hal ini dikatakan demikian kerana teknik yang diaplikasikan dalam pembelajaran mestilah mempunyai kaitan dengan sesuatu topik yang diajari serta dapat dipikul oleh pelajar itu sendiri, bagi mengelakkan mereka dilanda kebosanan atau sukar untuk menerima sesuatu topik tersebut. Oleh hal demikian kaedah pembelajaran yang dapat menguasai kefahaman pelajar adalah dengan memperkenalkan pembelajaran secara berkumpulan. Perkara ini menyatakan bahawa pembelajaran secara berkumpulan adalah satu usaha untuk mewujudkan unsur nilai murni dan keaktifan antara pelajar. Hal ini dapat dilihat pada kecenderungan para pelajar memberi hujahan atau idea

semasa melakukan tugas secara berkumpulan. Sehubungan dengan itu, teknik pembelajaran secara berkumpulan ini turut dikenali sebagai kaedah pembelajaran kolaboratif yang memerlukan pelajar untuk membentuk kumpulan bagi menyelesaikan masalah atau tugas yang diberikan oleh tenaga pengajar.

Menurut Jupri Basari (2023) berpendapat bahawa pembelajaran kolaboratif merupakan satu teknik pembelajaran yang dirancang untuk menjadikan sesuatu pembelajaran tersebut menjadi satu aktiviti yang menyeronokkan dan aktif. Teknik ini merangkumi pengalaman seseorang, dari segi bahasa, strategi serta budaya yang menghubungkan kaitkan dengan pembelajaran yang lebih berkesan. Malah, pembelajaran ini turut diketahui sebagai pembelajaran koperatif atau pembelajaran kumpulan kecil. Oleh itu, bagi membangkitkan rasa keinginan pelajar untuk mendalami sesuatu ilmu itu perlu mendedahkan kepada mereka dengan pembelajaran secara bersama-sama atau berkumpulan kerana para pelajar dapat memberi dan menukar pendapat mereka. Hal ini kerana setiap pelajar mempunyai latar pengetahuan dan pengalaman yang berbeza maka hujahan dan maklumat yang diujarkan semestinya berbeza. Maka secara tidak langsung pelajar dapat didedahkan dengan perkara baharu dan memotivasikan mereka untuk mengetahui lebih lanjut tentang perkara yang dibincangkan. Oleh itu, terdapat penggunaan kaedah pembelajaran kolaboratif dalam pembelajaran analisis novel Melayu seperti dibawah:



Rajah 4.3.3: Artikel strategi pembelajaran aktif secara kolaboratif atas talian

Artikel di atas menunjukkan bahawa penggunaan kaedah pembelajaran secara kolaboratif dalam talian untuk pembelajaran analisis novel mendapati bahawa teknik ini sangat berkesan kepada pelajar. Hal ini merujuk kepada pembelajaran kolaboratif yang dilakukan dalam talian dapat membantu pelajar untuk berinteraksi bersama rakan untuk bertukar pendapat semasa proses penganalisisan novel dilakukan. Dengan berinteraksi sesama mereka maka ianya telah mewujudkan satu suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan efektif di mana pembelajaran ini dapat memberikan pemahaman yang lebih baik berbanding pembelajaran secara konvensional. Sebagai contoh, seseorang pelajar mempunyai pengetahuan dan pendapat berbeza mengenai sesuatu novel tersebut. Maka, dengan melakukan perkongsian idea ini telah

mencetuskan tanda tanya dan persoalan berikutan keterujaan pelajar untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang novel misalnya aktiviti pembedahan karya. Penggunaan pembelajaran kolaboratif ini diselitkan juga dengan penggunaan media digital. Hal ini dikatakan demikian kerana pembelajaran yang meletakkan unsur media menjadi salah satu faktor penyumbangan kepada teknik pembelajaran yang berkesan. Menurut Isohatala (2020) berpendapat bahawa pembelajaran koperatif dengan teknik yang betul menyebabkan pelajar-pelajar mendapat lebih banyak faedah berbanding belajar sahaja. Oleh sebab itu, pengenalan kaedah kolaboratif dalam media menjadi salah satu penyumbang untuk membentuk pelajar yang dapat menguasai penceritaan novel bukan sahaja dari segi cerita malah komsas juga.

4.3.4 Membantu Meningkatkan Pemahaman Pelajar Terhadap Elemen-Elemen Sastera

Pendidikan kesusasteraan merupakan pembelajaran yang penting bagi membentuk sahsiah diri pelajar. Menurut Shahnnon Ahmad (1991) berpendapat bahawa pendidikan kesusasteraan penting dalam fungsinya mencorakkan pemikiran dan sahsiah manusia kerana kandungan yang terdapat di dalam sesuatu penulisan karya sastera mempunyai unsur-unsur mendidik nilai kemanusiaan yang tinggi. Oleh hal demikian, pendidikan berkaitan sastera ini perlu mendedahkan teknik pengajaran yang membolehkan pelajar mudah menerima dan faham apa yang dibahaskan oleh guru ketika sesi pembelajaran dilaksanakan. Dalam pendidikan sastera juga mempunyai topik-topik yang memerlukan para pelajar untuk memahami dengan mendalam misalnya topik berkaitan Komsas (Komponen Sastera). Hal ini dikatakan demikian kerana Komsas memainkan peranan penting dalam mempelajari pendidikan sastera misalnya dalam skop kajian teks sastera. Antaranya adalah komponen sastera yang mewakili plot penceritaan, watak-perwatakan, latar, persoalan, tema dan sinopsis. Manakala, teknik penceritaan pula termasuk teknik suspens, teknik monolog, teknik monolog dalaman, teknik imbas muka dan imbas kembali, teknik dialog, nada dan sudut pandangan. Dalam pembelajaran ini turut disertakan dengan keindahan bahasa atau dikenali sebagai unsur gaya bahasa yang

terdapat dalam genre sastra seperti metafora, responsi, hiperbola, sinkof, personafikasi, jeda dan sebagainya.

Oleh hal itu, topik yang dinyatakan di atas memerlukan penghafalan yang baik secara langsung memudahkan pelajar untuk faham dan mengingat komponen sastra tersebut. Maka, teknik pembelajaran yang sesuai dengan pembelajaran komsas ini adalah memperkenalkan teknik pengajaran seperti Peta Pemikiran i-Think. Peta ini mempunyai 8 jenis termasuk peta buih, peta pokok, peta alir, peta titi, peta pelbagai alir, peta dakap, peta peta buih berganda dan peta bulatan. Secara amnya, teknik pembelajaran ini merupakan salah satu kelompok pembelajaran Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Menurut Pascarella & Terenzini (2005) berpendapat bahawa kemahiran berfikir aras tinggi merujuk kepada keupayaan seseorang untuk melaksanakan sesuatu perkara seperti mengenal pasti isu dan anadaian utama dalam hujahan, membuktikan hubungan penting, menghasilkan kesimpulan yang tepat daripada data serta maklumat yang diterima. Secara tidak langsung, penggunaan peta pemikiran i-think dapat membantu pelajar untuk mempelajari pendidikan sastra menerusipengkajian terhadap sesuatu karya tersebut. Dapat dikatakan bahawa penggunaan kaedah ini dapat menarik minat pelajar menerusi artikel yang terpilih di bawah:

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Penggunaan Peta Pemikiran *I-Think* dalam Pemahaman KOMSAS Bahasa Melayu
Use of *i-Think* Thinking Maps in Understanding KOMSAS Bahasa Melayu

ABDUL RASID JAMIAN*, MARTINI MSDON & AZHAR MD. SABL

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk menganalisis keberkesanan penggunaan papan peta pemikiran *i-Think* dalam pemahaman KOMSAS bagi genre novel. Kajian ini melibatkan sebanyak 60 orang murid Tingkatan Empat daripada dua buah kelas di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Indah, di Serdang, Selangor. Mereka dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan. Pengkaji telah menggunakan reka bentuk kajian kuasi eksperimen bagi melihat pencapaian murid dalam pemahaman KOMSAS. Instrumen yang digunakan bagi soalan praujian dan pascajian ialah enam soalan novel yang bertajuk PAPA (akhirnya kau tewas jua!). Jawapan hendaklah ditulis dalam bentuk esei. Pemerolehan data telah dianalisis oleh pengkaji dengan menggunakan kaedah kuantitatif, iaitu melibatkan ujian *t*, min dan sisihan piawai. Hasil daripada analisis ujian *t* dalam pascajian, pengkaji mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pencapaian pemahaman KOMSAS Kumpulan Kawalan dengan Kumpulan Eksperimen, $t(58) = 2.189$, $p = 0.033$ (signifikan jika $p < 0.05$). Walaupun peningkatan skornya adalah sederhana namun, penggunaan peta pemikiran *i-Think* dapat meningkatkan pencapaian murid dalam pemahaman KOMSAS. Selain itu, dapatan juga menunjukkan adanya peningkatan dalam skor pascajian berbanding praujian bagi Kumpulan Eksperimen, iaitu $t(29) = -14.194$ dan $p = 0.000$ (signifikan jika $p < 0.05$). Dapatan yang seterusnya dilihat daripada analisis ujian-*t* dalam pascajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan tahap pencapaian murid bukan Melayu dalam pemahaman KOMSAS antara Kumpulan Eksperimen dengan Kumpulan Kawalan, iaitu $t(41) = 2.929$ dan $p = 0.006$, (signifikan jika $p < 0.05$). Hasil kajian menunjukkan penggunaan kaedah peta pemikiran *i-Think* yang digunakan dalam proses PdP memudahkan murid memahami jalan cerita sesebuah novel yang dipelajari dan menggalakkan proses Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penggunaan kaedah ini telah meningkatkan pemahaman murid terhadap elemen sastera dalam pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu. Oleh itu, murid dapat menguasai hasil pembelajaran Bahasa Melayu dan KBAT dengan lebih berkesan sekaligus meningkatkan motivasi diri untuk terus mempelajari KOMSAS.

Kata kunci: KOMSAS; peta pemikiran; kemahiran berfikir aras tinggi; teks novel

ABSTRACT

This study was conducted to analyze the effectiveness of the use of thinking maps eight *i-Think* in KOMSAS understanding of genre novel. The study involved 60 Form Four students from two classes in the same school at one of National Secondary School, Serdang, Selangor. They are divided into two groups, the experimental group and control group. Researchers have used a quasi-experimental study design for the look student achievement in understanding KOMSAS. Instruments used for pre-tests and post-tests question is six questions novel titled PAPA (Have you lost anything!). Answers should be written in essay form. Acquisition of data has been analyzed by researchers using quantitative methods, which involve the *t*-test, the mean and standard deviation. The results of *t*-test analysis in post-tests, the researchers found a significant difference between the achievement level of understanding KOMSAS with Control Group Experimental Group, $t(58) = 2.189$, $p = 0.033$ (significant if $p < 0.05$). Despite the increase in the score was simple, the use of thinking maps *i-Think* can improve student achievement in understanding KOMSAS. In addition, the findings also showed an increase in post-tests than the pretest score for the experimental group, the $t(29) = -14.194$ and $p = 0.000$ (significant if $p < 0.05$). The findings of the subsequent visits of *t*-test analysis in post-tests found significant differences achievement of students of non-Malays in understanding KOMSAS between the Experimental Group and Control Group, the $t(41) = 2.929$ and $p = 0.006$, (significant if $p < 0.05$). The results showed that the use of *i-Think* thoughts of the map used in the PDP process can facilitate students to understand the story of a novel study and promote the process of Higher Order Thinking Skills (HOTS). The use of this method has improved the students' understanding of literary elements in KOMSAS learning English. Therefore, students can master the Malay language learning and KBAT more effectively thus increasing the motivation to continue to learn KOMSAS.

Keywords: KOMSAS; thinking maps; high order thinking skill; text novel

Rajah 4.3.4: Artikel penggunaan peta pemikiran *i-Think*

Merujuk artikel di atas menyatakan bahawa penggunaan peta pemikiran *i-Think* dapat meningkatkan pemahaman pelajar terhadap elemen-elemen sastera misalnya Komsas. Menurut Abdul Rasid et al. (2017) berpendapat bahawa penggunaan *i-Think* dapat meningkatkan pencapaian pelajar dalam memahami Komsas. Pengaplikasian peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran amat disarankan kepada tenaga pengajar kerana proses pembelajaran ini dapat memudahkan cara penyampaian ilmu pengetahuan dengan lebih efektif dan tidak membosankan suasana pada sesi pengajaran dilakukan. Hal ini dikatakan demikian kerana pembelajaran menggunakan peta pemikiran *i-think* dilakukan secara berkumpulan

mahupun individu dengan catatan nota misalnya membentuk satu peta dan mengumpulkan isi-isi penting sahaja. Selain daripada penggunaan secara konvensional, guru juga mendedahkan pelajar dengan pembuatan peta pemikiran i-Think menerusi aplikasi *Canva* dan *Powerpoint*. Penggunaan media ini menjadi salah satu tarikan untuk para pelajar menghasilkan tugas yang diberikan kerana mempunyai pelbagai grafik yang membantu untuk memberi fahaman yang jelas dengan gambaran yang tersedia ada dalam aplikasi tersebut. Mereka dapat berinteraksi antara satu sama lain semasa melontarkan idea atau pendapat masing-masing semasa mengelaskan isi-isi penting. Maka, dalam pembelajaran ini dapat melahirkan pelajar yang aktif dan berkeyakinan.

Selain itu, penggunaan kaedah ini dapat meningkatkan tahap kefahaman pelajar dan juga menguatkan daya ingatan mereka terhadap pelajaran tersebut tanpa perlu menghurai panjang lebar sesuatu isi itu. Tambahan pula, pelajar dapat menerokai pelbagai komponen komsas yang terdapat dalam sesuatu karya sastera serta memperoleh kesan positif menerusi pengajaran pendidikan sastera ini melalui pembelajaran bedah karya dimana setiap penulisan tersebut mempunyai unsur moral yang mampu menerapkan nilai murni dalam diri mereka. Oleh itu, pendedahan teknik pengajaran ini secara tidak langsung dapat meningkatkan pengetahuan pelajar dan menghasilkan buah fikiran yang bernas serta memartabatkan Bahasa Melayu menerusi pembelajaran Komsas.

4.3.5 Memupuk Kemahiran Analisis, Penulisan Kreatif Dan Kepekaan Terhadap Bahasa

Kaedah pembelajaran bukan hanya ditonjolkan menerusi pemikiran kreatif dan kritis tetapi ianya juga turut melibatkan aspek jasmani untuk meningkatkan pencapaian para pelajar untuk menuntut ilmu pengetahuan. Hal ini dikatakan demikian kerana kaedah pembelajaran yang menggunakan fizikal dan mental pelajar adalah teknik didik hibur. Menurut Norlela Ahmad & Shamsudin Othman (2020) menyatakan bahawa didik hibur merupakan teknik mendidik

sambil menghibur, bersifat santai dan menyeronokkan. Berdasarkan teknik pembelajaran didik hibur ini adalah tenaga pengajar akan menyampaikan sesuatu topik dibantu dengan aspek nyanyian, lakonan, berpuisi dan bercerita. Bukan itu sahaja, pelajar juga didedahkan dengan aktiviti pengayaan dengan menggunakan teknik didik hibur. Sebagai contoh, mereka mendeklamasi sajak, melakonkan sesuatu watak berdasarkan penceritaan sesuatu karya dan sebagainya. Menurut Abdul Ghani et al. (2010) menyatakan bahawa sesi pembelajaran yang bersifat santai, terhibur serta penuh dengan pelbagai aktiviti yang atraktif mampu menarik penglibatan pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, ianya akan memberi motivasi kepada para pelajar untuk terus menimba ilmu pengetahuan.

Namun begitu, pengenalan kaedah didik hibur di dalam pembelajaran pendidikan sastera mampu mengubah pembelajaran dan pengajaran yang lebih terancang. Hal ini merujuk kepada pengaplikasian teknik didik hibur dapat membolehkan pelajar-pelajar berasa seronok dan terhibur disamping memahami konsep sesuatu topik pengajaran tersebut. Sebagai contoh, mereka dapat menguasai analisis dan menghasilkan penulisan kreatif dengan baik apabila menghayati dan berimajinasi semasa melakukan aktiviti didik hibur. Bahkan, penghasilan daripada gabungan pendidikan dengan hiburan serta pelbagai jenis media baru seperti audio, animasi, video, imej dan sebagainya turut membantu dalam menjayakan pembelajaran ini. Misalnya, para pelajar menghasilkan satu bentuk video animasi berdasarkan seloka atau pantun dan memasukkan unsur nyanyian. Menurut Baharuddin et al. (2014) berpendapat bahawa bahan pengajaran yang mempunyai unsur multimedia bersifat dinamik berbanding bahan pengajaran bercetak yang bersifat statik dan perkara tersebut menjadikan aktiviti pengajaran lebih menarik dan menyeronokkan.

Pengaplikasian Teknik Didik Hibur Meningkatkan Pencapaian Penulisan Karangan Bahasa Melayu
(Applications of Fun Learning Technique in Improving Achievement in Malay Language Essay)

ABDUL RASID JAMIAN*, NURUL NADIAH RAZALI & SHAMSUDIN OTHMAN

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang peningkatan penulisan karangan menggunakan teknik didik hibur dalam kalangan guru Bahasa Melayu di kawasan Putrajaya. Kajian ini untuk mengenal pasti strategi dan teknik yang digunakan dan mengenal pasti elemen lakonan yang digunakan dalam pengajaran penulisan karangan menggunakan teknik didik hibur. Sebanyak 80 orang sampel yang terdiri daripada guru yang mengajar Bahasa Melayu di sekolah menengah di kawasan Putrajaya telah dipilih untuk kajian ini. Kajian ini dijalankan secara kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik. Soal selidik tersebut mengandungi demografi responden, strategi dan teknik pengajaran penulisan karangan yang digunakan melalui teknik didik hibur, elemen lakonan yang digunakan dalam teknik didik hibur dan permasalahan yang dihadapi dalam pengajaran penulisan karangan menggunakan teknik didik hibur. Dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi dan teknik pengajaran penulisan karangan yang digunakan melalui teknik didik hibur secara keseluruhannya min 3.16 ($S.P = 0.68$). Dari segi elemen lakonan dalam teknik didik hibur yang digunakan secara keseluruhannya memperoleh min 3.69 ($S.P = 0.55$). Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa teknik didik hibur yang digunakan dalam pengajaran Bahasa Melayu dapat meningkatkan penulisan karangan.

Kata Kunci: Teknik didik hibur; penulisan karangan; pembelajaran Bahasa Melayu

ABSTRACT

This research aimed to obtain information about the improvement of essay writing by applying fun learning technique among Malay Language teacher in the district of Putrajaya. This study is to identify the strategies and techniques used and identify the elements of the 'fun learning' are used in teaching essay writing techniques education. A total of 80 samples comprised of teachers who teach in Malay Language School in Putrajaya was selected for this study. This study quantitatively using a survey instrument. The instrument contains demographic, strategies and techniques used in essay writing through education techniques, role-playing elements used in education techniques and difficulties encountered in teaching essay writing techniques education. The result shows the strategies and essay writing techniques used by the technique of education as a whole found the mean 3.16 ($s.d. = 0.68$). In terms of role-playing elements in edutainment techniques used to find the overall mean 3.69 ($s.d. = 0.55$). In conclusion, this study shows education techniques used in teaching the Malay language can improve essay writing.

Keywords: Fun learning technique; essay writing; Malay Language learning

PENGENALAN

Pengajaran penulisan karangan di dalam bilik darjah perlulah menarik minat pelajar untuk mendapatkan idea, pandangan, ulasan dan sebagainya. Kreativiti yang tinggi dalam pengajaran dapat mencorakkan perkembangan minda, emosi, sikap dan diri pelajar (Abdul Rasid et al. 2012). Kurangnya kreativiti dan inovasi yang berterusan semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah menyebabkan pelajar cepat berasa bosan dan menganggap penulisan karangan Bahasa Melayu mencabar minda dan susah untuk dikuasai.

Pengajaran kemahiran menulis dalam elemen didik hibur yang dilakukan melalui aktiviti secara kreatif dan terancang oleh guru sudah pasti dapat memberi

perubahan yang lebih efektif dalam pembelajaran. Oleh itu, guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu perlu mengkaji dan mencari teknik yang terbaik bagi meningkatkan pencapaian pelajar serta mencari satu kaedah pengajaran penulisan Bahasa Melayu yang menarik. Kemahiran menulis adalah kemahiran yang penting dan perlu dikuasai oleh pelajar. Kemahiran ini bertujuan supaya mereka menguasai Bahasa Melayu secara berkesan untuk kehidupan dan sebagai bahasa ilmu untuk pembelajaran seumur hidup. Kepentingan menguasai kemahiran ini telah dinyatakan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (KPM 2003). Oleh hal yang demikian, usaha bagi mengenal pasti strategi pembelajaran pelajar dalam kemahiran menulis harus dilaksanakan secara berterusan untuk memantapkan lagi

Rajah 4.3.5: Artikel pengaplikasian teknik didik hibur

Berdasarkan artikel di atas menunjukkan bahawa pengajaran yang mengaplikasikan kaedah didik hibur ini dapat meningkatkan pencapaian pembelajaran pelajar khususnya dalam penulisan karangan. Hal ini dikatakan demikian kerana teknik lakonan secara berkumpulan mampu meningkatkan kemahiran mengarang dengan baik berbanding nyanyian, bercerita dan berpuisi. Perkara ini dilihat kebanyakan pelajar lebih aktif jika melakukan sesuatu aktiviti secara berkumpulan misalnya mereka tidak malu dan kekok untuk melakonkan sesuatu watak serta melontarkan idea untuk menyelesaikan kerja ilmiah itu. Teknik lakonan ini

turut dibantu oleh guru ketika melontarkan suku kata dengan sebutan dan intonasi dengan jelas, perubahan mimik muka serta penggunaan bahasa badan kreatif dan bersesuaian untuk menyelami sesuatu watak dengan baik. Secara tidak langsung, teknik pembelajaran ini dapat membuktikan bahawa penggunaannya dapat mengaktifkan minda pelajar dalam mewujudkan idea yang bernas disamping melahirkan suasana pembelajaran yang lebih kondusif kerana pelajar berasa selesa dan seronok menerima teknik didik hibur ini. Hal ini turut disertakan dengan penggunaan cerita rakyat sebagai drama pendek dimana cerita ini mempunyai unsur humor menyebabkan suasana bertambah keseronokkan dan kelucuan. Menurut Mazlan (2016) menyatakan bahawa elemen didik hibur atau humor menekankan keseronokan menerusi unsur-unsur kecindan yang dapat memikat hati pelajar untuk terus belajar. Tambahan pula, dengan teknik lakonan ini juga dapat menolong pelajar untuk menjiwai sesuatu watak dan berimajinasi tentang jalan cerita sesuatu karya untuk mengadaptasi dan melakarkan dalam penulisan karangan mereka. Oleh hal itu, pelajar dapat membentuk idea yang berkualiti dalam menghasilkan sebuah penulisan karangan yang bermutu malah memantapkan juga penggunaan bahasa Melayu melalui pengucapan skrip sesebuah drama pendek yang dilaksanakan.

4.3.6 Dapat Memberikan Pelajar Kemahiran Yang Relevan Dan Berdaya Saing

Pembelajaran secara konvensional atau bahasa mudahnya pembelajaran bertulis menggunakan papan putih sudah menjadi kebiasaan dalam menyampaikan ilmu kepada pelajar di dalam kelas. Perkara ini menjadi salah satu faktor pelajar tidak aktif dan menjadi lemau untuk menuntut ilmu kerana mudah berasa bodan. Maka bagi mengaktifkan kembali pelajar dalam pembelajaran khususnya dalam pendidikan sastera. Guru perlu memainkan peranan yang penting untuk membentuk pelajar yang seimbang dari segi intelek, emosi, jasmani dan rohani iaitu dengan memperkenalkan kaedah pembelajaran yang membolehkan pelajar mendalami sendiri dan mempraktikkan secara langsung sesuatu kemahiran tersebut. Hal ini dapat dilihat bahawa pembelajaran yang memberikan kemahiran sekaligus pengalaman kepada pelajar dapat

mewujudkan pembelajaran yang lebih berkualiti pada zaman kini. Misalnya, pendedahan penggunaan produksi teater yang digunakan dalam pembelajaran genre drama seperti artikel di bawah:



Rajah 4.3.6: Artikel kewajaran penggunaan produksi teater

Artikel yang tertera di atas memaparkan penggunaan produksi teater yang sebenar dalam pengajaran genre drama dimana pembelajaran ini dapat memberi kesan yang baik dari segi interaksi, unsur moral, kefahaman sesuatu topik dan kemahiran mengendalikan sesuatu tugas. Hal ini dikatakan demikian kerana pengaplikasian kemahiran yang sebenar seiring dengan subjek tersebut dapat melahirkan pelajar yang aktif dan kreatif dalam menyelesaikan sesuatu tugas. Pendedahan aktiviti produksi ini melibatkan gerak seni pelajar untuk menguruskan sendiri kerja tersebut daripada penulisan skrip, lakonan dan aspek sinografi termasuk prop, kostum, muzik dan sebagainya dapat menggalakkan daya fikir pelajar untuk lebih kreatif dalam menyempurnakan aktiviti teater ini. Menurut Ozgehan Ustuk & Dilek Inan (2017) menyatakan bahawa kaedah pembelajaran menerusi teater dapat mendorong kreativiti dalam penyelesaian masalah dalam kalangan pelajar. Misalnya, pembelajaran dengan kaedah ini membantu pelajar untuk menyatakan idea atau pendapat masing-masing serta menyusun langkah untuk memurnikan lagi tugas agar pembelajaran tersebut memberi impak yang positif kepada diri mereka.

Penggunaan pembelajaran produksi teater menerusi genre drama ini sekali gus memberikan pelajar kemahiran yang relevan dan berdaya saing seiring dengan pembelajaran yang ada pada masa kini. Pendedahan sebegini dapat mengemukakan bahawa genre drama bukan sekadar naskah sebuah cerita yang hanya dibaca pada waktu terluang malah ianya adalah sebuah drama yang mampu memupuk pelajar dan juga masyarakat kearah yang lebih baik. Hal ini dikatakan demikian kerana drama atau lebih dikenali sebagai karya yang telah diadaptasi ke bentuk layar pentas mahupun layar perak mengandungi unsur moral dan nilai kehidupan masyarakat yang mampu membentuk sahsiah diri. Maka, pelaksanaan kaedah ini sangat memberangsangkan kerana dapat mendedahkan pelajar kepada dunia sebenar melalui drama yang dipentaskan serta dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara pelajar-pelajar ketika menyelesaikan tugas ini.

4.3.7 Kepentingan Aspek Jasmani Terhadap Pelajar Dalam Pembelajaran Sastera

Aspek jasmani dalam pendidikan sastera menerusi kaedah pembelajaran produksi teater dikatakan dapat memberi peluang kepada pelajar untuk menempuh pengalaman manusia secara menyeluruh termasuk aspek fizikal dan juga emosi. Hal ini dikatakan demikian kerana pembelajaran produksi teater telah mendedahkan pelajar untuk melakukan tugas daripada pengubah skrip hingga lakonan. Sebelum memulakan penulisan skrip, para pelajar akan melakukan pembacaan serta interpretasi karya sastera supaya mereka dapat merasai dan memahami pengalaman tubuh, perasaan serta pergerakan manusia yang akan direfleksikan dalam teks penulisan skrip serta lakonan. Oleh hal demikian teknik pembelajaran tersebut sekaligus dapat memberikan pelajar untuk lebih cakna terhadap perubahan hidup manusia malah memperkukuhkan kesedaran pelajar terhadap realiti kehidupan sosial serta menggalakkan penghayatan yang holistik terhadap pengalaman manusia dalam karya sastera.

4.3.8 Kepentingan Aspek Emosi Terhadap Pelajar Dalam Pembelajaran Sastera

Menerusi teknik pembelajaran didik hibur iaitu lakonan dapat mencetuskan aspek emosi dimana ianya dapat membantu pelajar untuk membentuk hubungan yang kuat dengan karya sastera melalui penghayatan perasaan dan pengalaman watak. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan melaksanakan aktiviti lakonan ini dapat membolehkan pelajar merasai emosi misalnya empati, kegembiraan, marah, sedih dan sebagainya yang dialami oleh watak dalam sesuatu karya sastera. Pemahaman dan perubahan emosi ini tidak hanya dengan memperbanyakkan dengan pembacaan buku tetapi ianya juga dapat dikeluarkan melalui keseriusan terhadap lakonan tersebut. Oleh sebab itu, kaedah pembelajaran secara didik hibur ini dapat mendedahkan pelajar dengan emosi serta mengembangkan kepekaan terhadap pelbagai perasaan manusia.

4.3.9 Kepentingan Aspek Rohani Terhadap Pelajar Dalam Pembelajaran Sastera

Pembentukan aspek rohani dalam pendidikan sastera menerusi pembacaan atau pengkajian tentang karya dapat memberi peluang kepada pelajar untuk berfikir dan menyentuh aspek keinsanan yang lebih mendalam. Hal ini dapat dihasilkan menerusi pembelajaran teknik didik hibur di mana para pelajar didedahkan dengan pembacaan penulisan karya sebelum menghayati di setiap aktiviti tersebut misalnya nyanyian, berpuisi dan juga lakonan. Dengan kaedah pembelajaran sebegini dapat memperkukuhkan nilai-nilai moral, etika, kepekaan pelajar terhadap aspek kehidupan yang tidak dapat diketahui secara rasional. Oleh hal demikian pembelajaran ini sekali gus memperkenalkan karya-karya yang berkualiti dan mempunyai unsur positif misalnya novel *Seluang Menodak Baung* hasil karya sasterawan negara Shahnnon Ahmad begitu juga novel *Angin Timur Laut* hasil penulisan S. Othman Kelantan. Kedua-dua novel ini membincangkan masalah kemiskinan yang membelenggu masyarakat kampung. Maka, dengan memahami aspek rohani dalam karya sastera ini, pelajar dapat mengembangkan rasa empati dalam diri, pemahaman terhadap nilai kehidupan yang berlaku di persekitaran dan menghubungkan aspek interpersonal yang lebih mendalam.

4.3.10 Kepentingan Aspek Intelek Terhadap Pelajar Dalam Pembelajaran Sastera

Aspek intelek memainkan peranan yang sangat penting dalam pendidikan sastera. Hal ini dikatakan demikian kerana kaedah pembelajaran yang diperkenalkan dalam pengajaran misalnya teknik pembelajaran secara kolaboratif atas talian yang merujuk kepada pembelajaran secara berkumpulan mampu membantu pelajar untuk memahami, menganalisis serta menjelaskan karya-karya sastera dengan baik. Sebagai contoh, mereka bersama-sama menyelesaikan masalah dan menyatakan pendapat masing-masing untuk membentangkan tugas yang berkaitan analisis dalaman dan luaran yang terdapat dalam sesuatu karya. Secara tidak langsung teknik pembelajaran ini dapat mengembangkan pemikiran yang kritis,

meningkatkan daya imaginasi serta kemahiran kreatif dimana kesemua perkara tersebut dapat memperkukuhkan pemahaman terhadap nilai-nilai budaya serta humanistik yang ada semasa melaksanakan tugas itu.

4.5 Kesimpulan

Menerusi artikel yang terpilih telah memaparkan beberapa teknik pendidikan yang dapat diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya kepada pelajar pendidikan sastera. Kaedah pembelajaran yang diperkenalkan sesuai dengan pembelajaran masa kini dan membolehkan pelajar untuk menerima dengan baik. Misalnya, teknik pembelajaran berlandaskan elemen visual, auditori, membaca dan menulis, kinestetik, reflektif, aktif, dan logik-matematik dapat memberi manfaat dengan meningkatkan kefahaman, keterampilan serta mampu memotivasikan para pelajar untuk belajar dengan tekun. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap elemen pendidikan yang dikemukakan dapat membentuk lingkungan pembelajaran yang lebih interaktif, relevan dan mendorong pelajar untuk memupuk diri ke arah kebaikan kerana memasukkan elemen positif yang terdapat dalam karya sastera. Maka secara tidak langsung, pembelajaran yang berkesan dapat melahirkan generasi berfikiran jauh serta mempunyai sahsiah diri yang baik.

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab 5 merupakan bahagian terakhir yang dilaksanakan oleh pengkaji dalam mengemukakan kajian ini. Dalam bab ini juga, pengkaji telah menghasilkan kesimpulan secara keseluruhan mengenai analisis serta perbincangan kajian yang telah dilaksanakan sebelum ini. Tambahan pula, pengkaji turut mengemukakan implikasi dan cadangan yang bernas bagi menyokong dan membantu pengkaji-pengkaji baharu untuk melanjutkan serta memenuhi kelompangan yang terdapat pada kajian ini pada masa akan datang.

5.2 Rumusan Kajian

Kajian ini merupakan analisis berkaitan kepentingan elemen pendidikan dan moral dalam pendidikan sastera dengan menggunakan kaedah *Systematic Literature Review* (SLR) berdasarkan kajian-kajian lepas. Rumusan yang dapat dibuat berdasarkan kajian ini adalah teknik pendidikan merujuk kepada cara penyampaian sesuatu ilmu yang diguna pakai dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan sastera dikatakan mampu mempengaruhi emosi dan tindak balas pelajar terhadap pembelajaran sesuatu topik tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana pengajaran dan pembelajaran secara konvensional menjurus kepada pembelajaran secara teknik tradisional iaitu bertumpukan kepada nota semata-mata memberikan suasana pembelajaran tidak aktif serta mendatangkan kebosanan kepada para pelajar berbandingkaedah pembelajaran yang bervariasi misalnya menggunakan multimedia dan sebagainya. Perkara ini penting bagi guru untuk menggunakan teknik yang menarik dan berlainan daripada kebiasaannya untuk kebaikan pelajar dalam menguasai bidang kesusasteraan.

Kajian yang dihasilkan ini turut memfokuskan kepada unsur Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek (JERI). Kaedah pembelajaran terkini yang digunakan oleh guru-guru dapat melibatkan keempat-empat aspek ini bagi melahirkan pelajar yang aktif, berfikiran tinggi, berakhlak mulia dan psikologi yang sihat. Hasil kajian mendapati bahawa pengkaji telah melakukan penyelidikan terhadap artikel-artikel terpilih yang mengandungi pelbagai kaedah pembelajaran yang memberangsangkan. Kaedah pembelajaran tersebut dikategorikan kepada beberapa elemen seperti pembelajaran visual, pembelajaran auditori, menerusi membaca dan menulis, kinestetik, reflektif, pembelajaran secara aktif, dan logik-matematik. Kesemua elemen pembelajaran ini mempunyai kelebihan dan kelemahan tersendiri untuk diguna pakai kepada guru dan juga pelajar.

Setelah meneliti artikel-artikel terpilih tersebut, pengkaji dapat melengkapkan objektif pertama dengan merumuskan bahawa pembelajaran menggunakan kaedah visual mendapat kedudukan tertinggi dan banyak digunakan oleh guru dalam sesi pengajaran dan pembelajaran pelajar. Sebagai contoh, penggunaan video youtube, aplikasi padlet, pembelajaran secara dalam talian, aplikasi multimedia berasaskan *Kinect*, aplikasi *Wordwall*, penggunaan *Stortelling Slide and Sound*, aplikasi perisian cerita interaktif dan sebagainya. Hal ini dikatakan demikian kerana pelajar lebih tertarik menggunakan pembelajaran berasaskan visual disebabkan oleh elemen tersebut merupakan satu bentuk komunikasi yang menggabungkan beberapa unsur termasuklah gambar, audio, video, animasi dan sebagainya. Pemaparan multimedia membolehkan variasi dalam penyampaian maklumat, memudahkan pemahaman sesuatu konsep dalam cara yang berbeza dan juga meningkatkan penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran. Oleh itu, ianya dapat menarik minat dan memotivasikan para pelajar untuk belajar khususnya dalam pendidikan sastera. Tambahan pula, terdapat pembelajaran secara aktif yang turut diguna pakai oleh para guru memberikan kesan yang baik kepada pelajar. Sebagai contoh, penggunaan kaedah koperatif Jigsaw II, struktur model integratif,

pendekatan konstruktivisme, pembelajaran koperatif, pembelajaran interaktif, penggunaan model CIRC dan sebagainya. Penggunaan kaedah pembelajaran secara aktif ini melibatkan interaksi dan komunikasi antara pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana pelajar lebih cenderung dengan mengongsikan pendapat dan lebih bersemangat untuk belajar apabila bersama-sama dengan rakan yang lain berbanding melakukan kerja seorang diri. Oleh itu, pembelajaran secara aktif dapat melahirkan pelajar yang berfikiran tinggi dan mempunyai sahsiah yang baik berikutan menyelesaikan dan menukar pandangan bersama ahli kumpulan.

Manakala elemen pembelajaran seperti auditori, membaca dan menulis, kinestetik, reflektif dan logik-matematik kurang diaplikasi oleh guru-guru dalam sesi pengajaran. Sebagai contoh, pembelajaran yang terkandung termasuklah penggunaan produksi teater, penggunaan elemen humanisme, kaedah fuzzy Delphi, teknik didik hiburan, strategi peranti CorT (*Cognitive Research Trust*) dan sebagainya. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan kaedah pembelajaran tersebut mungkin memberi tekanan kepada guru misalnya tekanan terhadap standard peperiksaan menyebabkan mereka lebih cenderung untuk mempraktikkan kaedah pengajaran yang dianggap lebih selamat dan juga diiktiraf. Oleh itu, bagi meningkatkan penggunaan teknik di atas perlu menyediakan latihan dan bimbingan yang baik kepada guru menjadikan mereka lebih memahami konsep tersebut dan menerapkan ianya dalam pengajaran akan datang. Oleh hal demikian, teknik pendidikan yang dinyatakan di atas dapat memberikan satu bentuk pembelajaran yang baik kepada pelajar untuk mempelajari pendidikan sastera dengan mudah dan faham. Malah mereka turut dapat meningkatkan aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek dalam diri kerana teknik pembelajaran yang digunakan mempunyai ciri-ciri khas yang dapat membimbing para pelajar.

Daripada hasil penelitian kajian ini juga, pengkaji telah melengkapkan objektif kedua iaitu dapat melihat setiap teknik pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru mempunyai kepentingan yang tersendiri untuk pencapaian atau penguasaan pelajar terhadap sesuatu topik.

Hal ini dikatakan demikian kerana setiap jenis pembelajaran yang digunakan mempunyai daya tarikan yang mampu merangsangkan pemahaman dan pengetahuan pelajar terhadap elemen-elemen sastera yang diajar oleh guru. Dengan penghasilan teknik pembelajaran yang merangkumi ciri-ciri seperti perbincangan berfokus sama ada berkumpulan atau individu, analisis teks serta melakukan aktiviti kreatif dapat meningkatkan pengalaman pembelajaran para pelajar dalam memahami dan menilai sesuatu hasil karya sastera. Misalnya, menerusi pembelajaran menggunakan sebuah aplikasi untuk meneroka peribahasa Melayu dapat menyokong pembelajaran pelajar kerana kehadiran teknologi multimedia untuk menarik perhatian mereka dalam mempelajari topik tersebut secara tidak langsung pembelajaran peribahasa tersebut senang diingati dan tidak perlu untuk menghafalnya.

Selain itu, penggunaan kaedah pembelajaran seperti pemupukan pendekatan konstruktivisme juga turut merangsang pembelajaran pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana pendekatan konstruktivisme ini merujuk kepada seseorang pelajar akan menguasai pengetahuan apabila mereka terlibat secara aktif dalam proses pencarian maklumat dan membentuk maklumat itu datang daripada diri mereka. Kaedah pembelajaran ini memfokuskan kepada pembelajaran secara berkumpulan maka dengan bergerak aktif dalam kumpulan ianya secara tidak langsung dapat mengekalkan tumpuan pelajar semasa mempelajari topik berkaitan kesusasteraan bagi menjayakan aktiviti tersebut bersama-sama ahli kumpulan.

Seterusnya, penggunaan kaedah pembelajaran yang bertumpukan analisis teks berdasarkan penghasilan peta pemikiran i-Think turut memberi dorongan kepada pelajar untuk mempelajari pendidikan sastera dengan lebih sistematik dan pantas. Kaedah ini membantu pelajar untuk meluaskan kemahiran berfikir secara kreatif, kritis dan inovatif semasa melakukan pembedahan karya atau aktiviti lain. Sebagai contoh, ianya dapat menjadikan pelajar untuk memahami hubungan sebab-akibat serta meringkaskan konsep sesuatu

penceritaan atau topik pembelajaran tersebut bagi memudahkan pelajar untuk memahami dengan lebih jelas dalam masa yang singkat. Oleh itu, dengan kehadiran kaedah-kaedah pembelajaran seperti ini dapat membantu para pelajar untuk meningkatkan pemahaman mereka terhadap elemen-elemen sastera dengan lebih terperinci serta dapat membangkitkan suasana pembelajaran yang menyenangkan untuk mereka mempelajari dengan lebih yakin.

5.3 Implikasi Kajian

Kajian ini banyak memfokuskan kepada teknik pembelajaran dan moral yang dapat dikesan menerusi kajian lepas yang telah diperkenalkan oleh guru dalam memberangsangkan pengajaran pendidikan saastera kepada para pelajar. Pengenalan tentang teknik pengajaran mengikut perubahan zaman dapat membantu pelajar mendalami ilmu sastera dengan lebih mudah. Oleh itu, kehadiran kajian ini dapat membantu menentukan strategi pendidikan yang lebih efektif terutamanya dalam pendidikan sastera serta guru-guru dapat merancang kurikulum yang lebih relevan seiring dengan tahap pencapaian pembelajaran pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan tohmahan yang dilemparkan kepada pendidikan sastera iaitu pembelajaran yang tidak relevan pada masa kini perlu dibasmi menerusi kaedah pengajaran yang berkesan agar para pelajar lebih memahami dengan baik tentang kepentingan kesusasteraan dalam kehidupan. Walhal, banyak isu-isu atau konsep lain boleh dikupas dan dibincang bersama jika memupuk sifat membaca dikalangan masyarakat terutamanya pelajar misalnya isu sosiologi yang berada di sekeliling masyarakat. Secara tidak langsung, mereka memperoleh nilai moral menerusi pembacaan. Selain itu, kajian ini turut meningkatkan pemahaman para guru apabila melihat kaedah yang sesuai dan tidak membosankan kepada pelajar untuk mengikuti dalam bilik kuliah dan ianya turut membantu membentuk teknik pembelajaran yang mampu mengukuhkan kemahiran kritis para pelajar.

5.4 Cadangan Daripada Hasil Kajian

Berdasarkan penyelidikan serta perbincangan yang telah dilaksanakan menerusi kajian ini, pengkaji telah terpanggil untuk mengulaskan tentang cadangan yang mempunyai kaitan dengan analisis ini untuk dijadikan sebagai rujukan serta kegunaan kepada masyarakat terutamanya tenaga pengajar dan pengkaji luar. Hal ini dikatakan demikian kerana teknik pendidikan atau lebih dikenali sebagai kaedah pembelajaran adalah satu bentuk aktiviti yang sangat penting kepada penerimaan pelajar untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Dengan kepelbagaian kaedah pembelajaran yang telah ditunjukkan oleh para guru menerusi kajian lepas dapat digambarkan bahawa ianya dapat meningkatkan kefahaman pelajar dan memotivasikan mereka dengan gaya pembelajaran yang berbeza dan bersistematik. Oleh sebab itu, beberapa cadangan telah disertakan oleh pengkaji yang bersesuaian dengan pembentukan kaedah pembelajaran yang berkesan untuk rujukan pada masa akan datang. Cadangan yang dicadangkan oleh pengkaji adalah seperti berikut;

5.4.1 Orang Awam

Pendidikan sastera melibatkan pengajaran dan pembelajaran berasaskan kesusasteraan misalnya pemahaman terhadap teks-teks sastera, menilai kebaikan dan keburukan sesuatu teks serta mengembangkan kemahiran menulis dan berbincang dalam konteks sastera. Malah terdapat juga pengajaran yang lebih menitik beratkan terhadap pengkajian mengenai puisi, drama serta elemen-elemen sastera lain untuk lebih memahami ekspresi kemanusiaan menerusi bahasa dan seni. Oleh sebab itu, pembelajaran sastera ini bebas untuk dipelajari pada bila-bila masa dan bukan hanya bertumpukan pada pembelajaran di sekolah bagi membangkitkan budaya membaca di kalangan masyarakat.

Maka masyarakat perlu mewujudkan satu komuniti pembelajaran dalam talian. Hal ini dikatakan demikian kerana penghasilan platform pembelajaran adalah perkara yang sangat

penting dan memudahkan masyarakat terutamanya mereka yang ingin mengetahui lebih mendalam tentang kesusasteraan Melayu. Dengan adanya platform seperti ini ahli-ahli yang melibatkan diri dalam pembelajaran ini dapat mengongsikan ulasan atau pendapat masing-masing berkaitan novel yang mereka baca. Sebagai contoh, pembelajaran menerusi platform *Google Classroom*, *Webex*, *Microsost Teams* dan sebagainya. Kepentingan penggunaan platform ini dapat memberikan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai lapisan umur turut melibatkan diri bagi mengetahui dengan lebih mendalam tentang elemen-elemen sastera termasuk penggunaan gaya bahasa, tema dan sebagainya. Malah, pembelajaran secara dalam talian ini adalah salah satu pembelajaran yang sistematik dimana ianya dapat dilakukan pada bila-bila masa tanpa perlu hadir secara fizikal. Oleh sebab itu, kehadiran pembelajaran atas talian yang dihasilkan untuk komuniti setempat dapat memperkasakan bahasa dan pengetahuan khas tentang pendidikan sastera kepada mereka.

5.4.2 Kementerian Pendidikan Malaysia

Kaedah pengajaran adalah pengantara yang melibatkan guru dalam membantu menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Hal ini dikatakan demikian kerana guru perlu memainkan peranan yang sangat penting bagi memastikan corak pembelajaran yang disampaikan dapat memudahkan pelajar untuk memahami dengan baik malah dapat memupuk semangat mereka untuk meneroka ilmu pengetahuan itu dengan lebih mendalam lagi. Penggunaan kaedah pengajaran yang berkesan juga dapat mengekalkan mod mereka untuk lebih yakin mempelajari sesuatu topik dengan mudah tanpa membosankan. Oleh itu, pemilihan kaedah pembelajaran perlulah selari dengan penerimaan pelajar tersebut. Misalnya, penggunaan teknologi diaplikasikan dalam pembelajaran tetapi tanpa penguasaan yang mantap daripada guru ianya menjadi sia-sia sahaja. Oleh hal demikian, pihak kerajaan misalnya Kementerian Pendidikan Malaysia perlulah memainkan peranan penting dalam memantapkan teknik pembelajaran yang dilaksanakan oleh

para guru. Sebagai contoh, menganjurkan program pelatihan kepada guru untuk meningkatkan kecekapan pengajaran mereka dalam mendidik para pelajar. Perkara ini sangat penting apabila seseorang guru tersebut mampu membawa teknik pengajaran dengan baik dan cekap maka ianya akan menjadikan penyampaian ilmu itu lebih mudah difahami oleh pelajar. Sebagai contoh, kebanyakan guru lama tidak terbiasa dengan penggunaan sesuatu aplikasi akan menjeratkan diri mereka ketika pengajaran dilakukan. Maka, dengan adanya program seperti ini akan membantu untuk mendedahkan secara sistematik dan terperinci teknik pengajaran yang akan digunakan dalam kuliah nanti. Bukan itu sahaja, program ini turut dapat memotivasikan guru-guru dalam menyampaikan pengajaran yang berkualiti secara tidak langsung dapat menyerikan suasana pembelajaran yang kondusif.

5.4.3 Pengkaji Lain

Teknik pengajaran yang diungkapkan dalam kajian ini sememangnya memainkan peranan yang baik kepada pembelajaran pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana pelbagai kaedah yang menjurus kepada elemen-elemen pembelajaran yang termaktub dalam pendidikan Malaysia iaitu pembelajaran visual, logik-matematik, kinestetik, membaca dan menulis, auditori, reflektif dan aktif telah dikenal pasti cara penggunaan serta kepentingannya kepada para pelajar menerusi kajian lepas. Oleh itu, bagi memperkukuhkan lagi teknik pembelajaran yang dilaksanakan oleh para guru maka pengkaji baru perlulah melibatkan diri dalam penghasilan sesuatu kajian baru mengenai penambahbaikan terhadap teknik pengajaran ini. Kebanyakan teknik pengajaran yang belum diterokai sepenuhnya juga tidak dapat dikaji disebabkan oleh kekangan waktu.

Oleh hal demikian, pengkaji baharu perlu melakukan satu penyelidikan terkini dimana menghasilkan satu analisis yang mengkaji setiap sudut teknik yang belum diperkenalkan secara umum lagi serta menambahbaik teknik yang sedia ada. Dengan adanya kajian baru maka ianya

menjadikan teknik tersebut lebih efisien untuk digunakan apabila menerapkan ciri-ciri seperti pengintegrasian teknologi, meningkatkan interaktiviti dalam suasana pengajaran dan penyesuaian kaedah mengajar untuk memenuhi keperluan para pelajar secara menyeluruh dan saling berkait antara satu sama lain. Penghasilan kajian baru ini dapat dirujuk oleh masyarakat untuk dijadikan sebagai panduan dan menambahkan ilmu pengetahuan mengenai kaedah pembelajaran yang bersistematik dan bersesuaian dengan zaman masa kini.

5.5 Kesimpulan

Kesimpulannya, pengkaji berharap agar kajian yang dilaksanakan ini dapat memberi manfaat kepada semua individu, masyarakat dan juga pihak berwajib yang berhadapan dengan dunia pendidikan menjurus kepada teknik pembelajaran yang berkesan. Permasalahan yang terdapat dalam kajian ini bukan hanya bertumpukan kepada sifat pelajar itu sendiri malah kaedah pengajaran yang disampaikan belum cukup memuaskan untuk mempengaruhi emosi dan sifat pelajar untuk tekun dan tumpu perhatian semasa dalam kuliah. Kaedah pengajaran yang disampaikan juga perlu menjadi sebuah panduan yang mampu membantu pelajar dengan menyediakan aktiviti yang dapat menyokong mereka memahami sesuatu konsep topik pembelajaran dengan baik maka secara tidak langsung perkara ini dapat mengembangkan kemahiran kritis, meningkatkan daya ingatan serta memudahkan para pelajar mengaplikasikan ilmu dalam situasi sebenar. Menerusi kepelbagaian kaedah pembelajaran yang dinyatakan, pelajar dapat menyesuaikan diri mereka dalam pembelajaran tersebut dan menjadikan hasil pengajaran yang disampaikan lebih berkesan malah ianya juga dapat membentuk jati diri seseorang pelajar ke arah yang baik disebabkan nilai moral yang terdapat dalam proses pengajaran itu.

Oleh sebab itu, pengkaji mempunyai harapan yang sangat tinggi agar kajian ini dapat dipertimbangkan dan dijadikan sebagai satu rujukan kepada individu yang mempunyai kaitan

dengan kajian ini misalnya guru. Hal ini dikatakan demikian kerana perubahan kaedah pembelajaran terkini berbanding pengajaran konvensional dapat membantu pelajar mendisiplinkan diri malah dapat mencorakkan gaya pembelajaran mereka untuk lebih memahami dengan jelas tentang pendidikan sastera. Maka, ilmu yang disampaikan kepada pelajar dapat diingati dengan baik dalam diri tanpa merasakan sebagai satu bebanan yang tidak jelas.



BIBLIOGRAFI

- Abdul Jalil Othman & Bahtiar Omar. (2005). Aplikasi pembelajaran secara konstruktivisme dalam pengajaran karangan berpandu. *Makalah Pendidikan, 4*: 6-8
- Abdul Rasid Jamian, Martini Misdon & Azhar Md. Sabil. (2017). Penggunaan peta pemikiran i-Think dalam pemahaman KOMSAS Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia, 42(1)*, 51-59.
- Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah Razali & Shamsudin Othman. (2016). Pengaplikasian teknik didik hibur meningkatkan pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia, 41(1)*, 39-45.
- Abdul Rahim Mohamad. (2013). Nilai nasihat dalam puisi tradisional Teromba (Disertasi kedoktoran, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Abdul Rahman Ahmad Hanafiah. (2023). Elemen patriotik dalam filem P. Ramlee.
- Abu Bakar Hamid. (1982). *Kesusasteraan Moden*. Diskusi sastera jilid II. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Nabil Amir. (2020). Pemikiran Za 'Ba dalam karya-karya terpilih. *Jurnal Peradaban Melayu, 15*, 53-58.
- Ahmad Sunawari Long. (2009). Pengenalan metodologi penyelidikan pengajian Islam. Jabatan Usuluddin Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Alizah Lambri & Zamri Mahamod. (2015). Pelaksanaan aktiviti pembelajaran berasaskan masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *PENDETA, 6*, 98-117.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. (1998). *Ihya' 'Ulum al-Din*. (terj.). TK.H.Ismail Yakub. jld. 1. Singapura: Pustaka Nasional.
- Anida Sarudin, Husna Fareza Mohamed Redzwan, Adenan Ayob & Zuraini Ramli. (2017). Strategi efektif peranti berfikir CoRT (Cognitive Research Trust) dalam pendidikan Bahasa Melayu. In *Prosiding Seminar The 3rd Asia Pasific Conference on Educational Management and Leadership* (pp. 464-479).
- Ani Omar. (2015). Nilai murni dalam sastera remaja memupuk kecintaan terhadap negara. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, 3(1)*, 128-152.
- Ani Omar. (2012). Nukilan sajak Merdeka dalam membangunkan bahasa, sastera dan budaya bangsa melalui pengajian kesusasteraan Melayu. *PENDETA, 3*, 195-213.
- Arif Mohamad & Norhayati Ab Rahman. (2017). Dimensi politik secara metafora Melayu dalam novel Anak Mat Lela Gila. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS), 28(1)*, 45-61.
- Asmah Haji Omar. (1996). Metaphors of anatomy as a reflection of Malay cultural belief, *Jurnal Bahasa Jendela Alam Jilid 1*.
- Azhar Hj. Wahid & Fathin Noor Ain Ramli. (2017). Sastera Melayu membina teras identiti bangsa. *RUMPUN Jurnal Persuratan Melayu, 5(1)*, 1-25.

- Azhar Md. Sabil, Shamsudin Othman, Abdul Rasid Jamian & Rozita @ Radhiah Said. (2020). Keberkesanan penggunaan Frog Vle terhadap pengajaran dan pembelajaran komponen sastera dalam mata pelajaran bahasa melayu murid sekolah menengah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 8(4), 50-55.
- Azim Normiza Ahmad & Shaiful Bahri Md. Radzi. (2020). Nilai patriotisme dalam Pantun Pak Nazel. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 9(2), 37-49.
- Benny A. Pribadi. (2009). Pendekatan konstruktivisme dalam kegiatan pembelajaran. Jurnal telah disampaikan pada seminar Seamolec.
- Berita Harian Online. (2022). Penuntut IPT disyaki buang bayi ditahan. 9 Jun.
- Berita Harian Online. (2018). Remaja, pelajar universiti antara dicekup dalam pesta dadah. 17 Oktober.
- Best, J.W & Kahn, J.V. (2003). *Research in Education*. Boston: Allyn and Bacon.
- Bhavani Somasundram & Zamri Mahamod. (2017). Keberkesanan pembelajaran koperatif terhadap pencapaian dan motivasi murid sekolah menengah dalam pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 11-23.
- Danziger, Marlies K. and Johnson, Wendell Stacy. (1983). *Pengenalan Kritikan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka*. (Edisi Keempat). (2017). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka*. (Edisi Keempat). (2012). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka*. (Edisi Ketiga). (1998). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dian Ramadan Lazuardi & Sri Murti. (2018). Peningkatan kemampuan menulis puisi menggunakan model pembelajaran quantum jenis VAK (Visual, Audiovisual, Kinestetik). *Jurnal Kajian Bahasa, Sastera Dan Pengajaran (KIBASP)*, 2(1), 87-95.
- Dina Amelia. (2021). Upaya peningkatan kosakata bahasa Inggris melalui storytelling slide and sound. *Journal of Social Sciences and Technology for Community Service (JSSTCS)*, 2(1), 22-26.
- Doratya Anak Gerry & Chemaline Anak Osup. (2020). Kaedah mengalami-menghayati dalam pengajaran Bahasa Iban dengan menggunakan ensera. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 31(1), 76-88.
- Ermy Azziaty Rozali & Mohammad Redzuan Othman. (2010). Jalan keselamatan bagi orang-orang Melayu': pemikiran ZA'BA bagi memajukan pendidikan dan ekonomi pada tahun 1920-an. sejarah: *Journal of the Department of History*, 18 (18).
- Evelyn Anak Sili & Norazimah Zakaria. (2023). Keberkesanan Aplikasi Wordwall dalam Pengajaran dan Pembelajaran Gaya Bahasa Seloka Boros dan Jimat bagi Pelajar Tingkatan 4. *Al-Azkiyaa-International Journal of Language and Education*.
- Fatah Aswadi Nasri. (2023). Penggunaan teromba dalam pengacaraan majlis: satu kesantunan bahasa (Disertasi kedoktoran, Universiti Malaysia Kelantan).
- Florina Jumil & Norjieta Julita Taisin. (2017). Nilai pendidikan dalam tangon-tangon masyarakat Kadazandusun. *PENDETA*, 8, 36-46.

- Fifi Anak Rinyuk. (2017). Nilai-nilai moral dalam cerita-cerita rakyat kaum Bidayuh, Serian (Disertasi kedoktoran, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Ghazali Din & A. Halim Ali. (2020). Naluri kemasyarakatan mengangkat keunggulan kepengarangan Muhammad Hj Salleh terhadap pembangunan minda bangsa Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(1), 26-41.
- Goh Suzie. (1998). Penggunaan peribahasa Melayu pelajar menengah. *Jurnal Dewan Bahasa Jilid 42(2)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Goleman, Daniel. (2002). *Working With Emotional Intelligence (terjemahan)*. Jakarta: PT. Gramedia.
- Harun Mat Piah. (2015). Ilmu perubatan Melayu tradisional dari naskhah-naskhah lama. *Jurnal Antarabangsa Alam Dan Tamadun Melayu*, 3(3), 3-17.
- Harun Mat Piah. (2006). *Kesusasteraan Melayu tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hani Salwah Yaakup. (2018). Tombiruo: adaptasi novel ke filem dan representasi kepercayaan setempat. *Malaysian Journal of Communication*, 34(2), 323-337.
- Hera Aprilia, Nur Nisai Muslihah & Inda Puspita Sari. (2022). Analisis struktural novel Ethile karya Benny Arnas melalui pendekatan moral. *Kajian Sastera Nusantara Linggau*, 2(1), 29-49.
- Higgins, J. P., Altman, D. G., Gotzsche, P. C., Juni, P., Moher, D., Oxman, A. D., & Sterne, J.A. (2011). *The cochrane collaboration's tool for assessing risk of bias in randomised trials*. *Bmj*, 343.
- Indirawati Leztiyani. (2021). Optimalisasi penggunaan articulate storyline 3 dalam pembelajaran bahasa dan sastra Indonesia. *Jurnal Pendidikan Indonesia*, 2(01), 24-35.
- Isohatala, J. (2020). The interplay of cognitive and socio-emotional processes in social interaction: Process-oriented analyses of collaborative learning.
- Joubish, Muhammad Farooq, Muhammad Asyraf Khurram. (2011). Outlook on some concept in the curriculum of social studies, *World Applied Science Journal*.
- Julia Santi, Rusmana Dewi, Agung Nugroho. (2022). Kajian psikologi tokoh utama kumpulan cerpen Bertarung dalam Sarung karya Alfian Dippahatang melalui pendekatan moral. *Linggau Jurnal Of Elementary School Education*, 2(1), 15-22.
- Jumali Hj. Selamat. (2012). Nilai murni dalam Rumah Kecil di Pinggir Ladang: analisis nilai moral. *Konferensi Internasional Kesusasteraan XXII UNY-HISKI*, 120.
- Jumali Hj. Selamat. (2012). Analisis nilai murni dalam Seteguh Karang. *ATAVISME*, 15(2), 197-208.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1*, 28-29.
- Kamisah Osman, Lilia Halim & Zanaton Iksan. (2007). Sikap terhadap sains dan sikap saintifik di kalangan pelajar Sains. *Jurnal Pendidikan*, 32, 39-60.

- Kelsy Pratiwi, Sesilia Seli & Ahmad Rabi'ul Muzammil. (2021). Analisis tokoh dan penokohan dalam novel Si Anak Cahaya karya Tere Liye. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Khatulistiwa (JPPK)*, 10(2).
- Lee Kim Hong. (2005). *Pengajaran dan pembelajaran sastera dalam*. Maktab Perguruan Raja Melewar Seremban.
- Lutfan Jaes & et al. (2022). Analisis tinjauan literatur sistematik (SLR): elemen humanisme dalam sistem pendidikan. *Human Sustainability Procedia*, 2(2), 57-67.
- Maharam Mamat. (2009). Transgenesis: pelanggaran etika bioteknologi dalam karya sastera. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 20(1), 179-199.
- Maisarah Saidin, & Latifah Abdul Majid. (2012). Pembentukan jati diri kanak-kanak melalui bahan bacaan bahasa Malaysia. *Jurnal Hadhari: An International Journal*.
- Maguna Eliastuti. (2018). Analisis nilai-nilai moral dalam novel Kembang Turi karya Budi Sardjono. *Jurnal Ilmiah Pendidikan*, 8(1).
- Mary Fatimah Subet. (2018). Emosi dan ironi dalam puisi Usman Awang: Tafsiran pragmatik. *Jurnal Bahasa*, 17(2), 305-333.
- Mawar Safei. (2019). Didaktisisme Islami dalam cerpen Melayu Mutakhir. *Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities*, 89(1), 55-67.
- Mazlan Ismail. (2016). *Pengajaran Bahasa Melayu, Didik Hibur dan Seni Bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mechellino Enggol Anak Pius, Nurfaradilla Mohamad Nasri & Ahmad Zamri Mansor. (2021). Keberkesanan pembelajaran interaktif dalam meningkatkan pencapaian dan motivasi pelajar bagi mempelajari puisi tradisional Bahasa Iban. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 416-427.
- Mohd Amir Mohd Zahari, Azrul Azizi Amirul, Rohizani Yaakub & Anida Sarudin. (2020). Kewajaran penggunaan produksi teater dalam pembelajaran genre drama melalui mata pelajaran kesusasteraan Melayu komunikatif. *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 10.
- Mohd Faradi Mohamed Ghazali & Nordiana Ab. Jabar. (2020). Interpretasi resepsi sastera menerusi lirik lagu Tolong Ingatkan Aku. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 8(2), 35-53.
- Mohd Hanafi Jumrah & Zulfazlan Jumrah. (2022). Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal: agen didaktik pada layar budaya. *Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu (RENTAS 2021)*.
- Mohd Haidi Mohd Kasran. (2017). Nilai kegigihan dalam sajak Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 37-44.
- Mohd Haidi Mohd Kasran. (2015). Penerapan nilai murni menerusi Antologi Puisi Tanah Airku dalam kalangan peserta program latihan khidmat negara di Malaysia. *Sosiohumanika*, 8(1).
- Mohd Nazri Abdul Rahman, Norlidah Alias, Saedah Siraj & Zaharah Hussin. (2017). Inovasi dan kreativiti dalam reka bentuk buku teks sekolah menengah: aplikasi Pendekatan Interpretive Structural Modeling (ISM). *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1(1).

- Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh. (2021). Elemen nilai dalam teks sastra kisah para nabi untuk bacaan kanak-kanak menurut perspektif al-Nadwi. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 14-26.
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin, Siti Nur Anis Muhammad Apandi. (2017). Cerminan moral positif dalam cerita-cerita rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2017). Penggunaan multimedia ke arah memartabatkan cerita rakyat masyarakat Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 5(2), 21-35.
- Mohd Hafiz Othman & Ermy Azziaty Rozali. (2021). *Peranan dan sumbangan Dato'Abdullah Abdul Rahman (1932-1947) dalam perkembangan pendidikan Islam dan bahasa Melayu di negeri Johor*.
- Mok Soon Sang. (2000). *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. edisi ketujuh.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah, Mohd Firdaus Che Yaacob, Siti Fatimah Ab Rashid & Siti Aishah Jusoh. (2021). Polimik dalam cerita rakyat sebagai medium pendidikan moral kepada kanak-kanak. *Jurnal Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia*, 20(2).
- Muhammad Uthman Najati. (1993). *Al-Quran wa Ilm al-Nafs*. Kaherah: Dar al-Syuruq. Nasha
- Azreena Mohd Jaihan. (2023). Nilai-nilai moral dan pembentukan akhlak dalam Gurindam Jiwa Penawar Duka karya Ami Masra: pendekatan moral (Disertasi kedoktoran, Universiti Malaysia Kelantan).
- Nik Murshidah Nik Din, Najihah Abd Wahid, Rahimah Embong, Khazri Osman, Nik Muniyati Nik Din. (2018). Analisis tekstual sebagai kaedah dalam memahami ungkapan puisi Imam Al-Shafie RHM. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 19, 112-119.
- Nina Mohd Idrus & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2021). Keberkesanan kaedah flipped classroom terhadap kemahiran mengolah perenggan mudah dalam kalangan pelajar tahun 1 luar bandar. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 114-122.
- Noor Aziera Mohamad Rohana, Abdul Qayuum Abdul Razak, Nuruul Hidayah Mansor, Mohamad Shafiei Ayub & Ahmad Faiz Ahmad Ubaidah. (2017). Perpaduan etnik di Malaysia menurut ideologi pendidikan ZA'BA. *Jurnal Sains Insani*.
- Nor Hashimah Jalaludin & Junaini Kasdan. (2010). *Remaja Malaysia dan peribahasa Melayu*. Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norlela Ahmad dan Shamsudin Othman. (2020). Penggunaan kaedah didik hiburan dalam pengajaran kemahiran membaca guru bahasa Melayu sekolah rendah. *International Journal of Education and Training (InjET)*. Universiti Putra Malaysia.
- Norleyza Jailani & et al. (2020). Reka bentuk aplikasi multimedia berasaskan kinect untuk pembelajaran peribahasa melayu. *AJTLHE*, 12(2), 152-176.
- Norzaliza Ghazali & Fatinah Zainon. (2017). Gagasan pendidikan Aminuddin Baki dalam perjuangan GPMS. *Proceedings of the ICECRS*, 1(1), 841-848.

- Nurul Farah Nadiyah Maspur, Nurul Balqish Mat Jurit & Zuraida Ibrahim. (2022). Meneroka peribahasa: aplikasi permainan dan pembelajaran peribahasa Melayu sekolah rendah tahun 1 hingga tahun 6. *Multidisciplinary Applied Research and Innovation*, 3(2), 120-128.
- Nurul Shuhada Abdul Aziz & Norazimah Zakaria. (2021). Kajian awal adaptasi pengajaran dan pembelajaran menggunakan multimedia dalam pembelajaran teks Sulalatus Salatin. *Journal of Modern Education*, 3(8), 167-181.
- Nur Iffah Atira & Azhar Wahid. (2018). Percampuran Struktur Model Integratif dalam pengajaran cerpen dan novel. *Jurnal Peradaban Melayu*, 13, 81-93.
- Nur Syaza Farha Diyazid, Shamsudin Othman & Azhar Md. Sabil. (2017). Penggunaan kaedah pembelajaran Koperatif Jigsaw II terhadap pencapaian pembelajaran teks puisi tradisional dalam kalangan pelajar kolej vokasional. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2), 41-50.
- Ozeghan Ustuk & Dilek Inan. (2017). Theatre in education: A case of foreign language teaching in Italy. *The Literacy Trek*, 3(1), 18-31.
- Pascarella, E. T., & Terenzini, P. T. (2005). How college affects students. *A third decade of research*, Vol 2. San Francisco: Jossey-Bass.
- Pettifor, B. (1999) *Physical Education Methods For Classroom Teachers, Physical Education For Children; Study And Teaching (Elementary)*. (p.p. 343). United States Physical.
- Rafiza Abdul Razak. (2013). Pembelajaran berasaskan penghasilan penceritaan digital multimedia bagi menganalisis novel Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 38(1), 53-64.
- Rafiza Abdul Razak. (2017). Strategi pembelajaran aktif secara kolaboratif atas talian dalam analisis novel Bahasa Melayu. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1(3), 34-46.
- Rashidah Mohd, Saedah Siraj & Zaharah Hussin. (2018). Aplikasi kaedah Fuzzy Delphi dalam pembangunan modul pengajaran pantun Melayu berasaskan maksud al-Quran mengenai keindahan flora, fauna dan langit tingkatan 2. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(3), 57-67.
- Roslan Chin & Mohd Faiz Hilmi. (2022). Kemenjadian Abdullah Munsyi sebagai tokoh bahasa, sasterawan dan kewartawanan. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 10(2), 44-53.
- Samruhaizad Samian, & Azahan Awang. (2017). Pendidikan sebagai komponen kualiti hidup masyarakat pinggir bandar. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 1(1).
- Shamsudin Othman & Abdul Rasid Jamian (2013). Pelaksanaan elemen sastera dalam pengajaran dan pembelajaran seni bahasa kurikulum standard sekolah rendah. *Jurnal Bahasa*, 13(2), 292-312.
- Shannon Ahmad. (1991). *Kesusasteraan dan Etika Islam*. Petaling Jaya, Fajar Bakti.
- Shofiah Shofiah. (2021). Pembelajaran teks hikayat dengan Model CIRC berdasarkan jenis keperibadian pelajar kelas x. *Jurnal Bhakti Pendidikan Indonesia*, 3(2).

- Siti Hajar Halili & Regeni Sugumaran. (2019). Faktor mempengaruhi penggunaan video youtube dalam kalangan guru sekolah rendah dalam kesusasteraan Tamil. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 7(1), 39-45.
- Siti Masrah Sulakah. (2017). Aplikasi padlet dalam pengajaran dan pembelajaran komponen sastera (KOMSAS). (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Siti Norsyahira Md Sabri. (2022). Unsur didaktik dalam teks Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: satu penelitian pendekatan moral (Disertasi kedoktoran, Universiti Malaysia Kelantan).
- Sufean Hussin (2004). *Pendidikan di Malaysia Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syahida Nadia Zakaria. (2016). Kesan pendekatan konstruktivisme dan pendekatan tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran komponen sastera bahasa melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(2), 12-21.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Nilai-nilai kemanusiaan dalam cerita rakyat di Kota Bharu, Kelantan terhadap pembentukan jati diri kanak-kanak: satu penelitian pendekatan moral. *Malay, Arabic and English Literature (ICMAEL 2022)*, 422.
- Yahya Othman & Dayang Raini Pakar. (2021). Kesan aplikasi perisian cerita interaktif semasa mengajarkan kemahiran bacaan dan kefahaman dalam kalangan murid tahun 4 di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 27-49.
- Zubir Idris. (2015). Komunikasi moral lewat gurindam Dua Belas Raja Ali Haji. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*, 31(2).
- Zul Fadli Mohd Kamal, Muammar Ghaddafi Hanfiah & Shaiful Bahri Md Radzi. (2023). Kepengarangan cerpen Remaja Pasca 13 Mei 1969 antara Nazel Hashim dan Ismail Sarbini: suatu perbincangan dari sudut pendidikan nilai murni keberanian melalui tema sejarah. *Jurnal Tuah*, 3(1).
- Zurainu Mat Jasin & Abdull Sukor Shaari. (2016). Keberkesanan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham dalam pengajaran KOMSAS Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(1), 79-92.